



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**SHAH ALAM, 29 NOVEMBER 2013 [ JUMAAT ]**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (Bangi)

Y.B. Tuan Lee Chin Cheh (Kajang)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak  
S.M.S., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimatun Saadiah binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (Dengkil)

### **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

### **TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)  
**(Timbalan Speaker Dewan Negeri)**

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini binti Darmin  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Noor Asdiana binti Abd Kadir  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Mazian binti Manan  
**Penolong Setiausaha**

Puan Noor Diana binti Razali  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salina binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

Encik Ismail bin Habib  
**Bentara**

Puan Hajah Noridah binti Abdullah  
Encik Ahmad Hafizan bin Yusoff  
**Pelapor Perbincangan**

[ Dewan disambung semula ]

[ Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat ]

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Persidangan Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas pada hari yang ke-9, 29 November 2013 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**TUAN SPEAKER:** Selamat pagi semua, saya menjemput Yang Berhormat Kajang.

**Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH:** Puan Speaker, soalan 135

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH  
(KAJANG)**

**TAJUK : LALUAN SISTEM MASS RAIL TRANSIT 'MRT' DI KAJANG**

135. Laluan MRT akan berakhir di Bandar Kajang dan beroperasi pada tahun 2017.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Samada Kerajaan Negeri akan mengkaji dan menggubal pelan induk sistem pengangkutan dalam Negeri Selangor dan dalam kawasan Kajang khususnya supaya manfaat sistem MRT dioptimumkan?

**TUAN SPEAKER:** Pihak kerajaan, soalan 135.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** *Confirm* tak ada dia punya draf.

**TUAN SPEAKER:** Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, *mic..mic..*

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Laluan sistem MRT di Kajang iaitu akan berakhir di Bandar Kajang dan...*sorry*, pada tahun 2017 sama ada kerajaan akan mengkaji dan menggubal Pelan Induk sistem pengangkutan dalam negeri Selangor. Sebenarnya, sekarang, semuanya dalam proses. Terdapat jalan-jalan yang daripada tanah *Rubber Research Institute* dan sampai ke Kajang itu sudah dalam ketetapan tetapi terdapat tiga (3) kali *proposal* iaitu daripada Utara sampai ke Klang dan juga yang dipanggil dalam *terminology* ialah *Circle Line*. Kedua, usaha pelan pengangkutan awam ini ialah di bawah bidang kuasa Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan kerajaan negeri bekerjasama dengan SPAD. Ini dalam erti kata apabila draf perancangan itu sudah hampir akhirnya, SPAD bertanggungjawab untuk membentangkan kepada Jawatankuasa Perancangan Negeri untuk mendapat penelitian dan kelulusan dengannya. SPAD sekarang telah menyediakan *Draft Greater Kuala Lumpur / Klang Valley Public Transport Master Plan*, sekarang tengah..dan kerajaan negeri melalui UPEN bersama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa negeri Selangor telah juga mengadakan bengkel *Draft Greater Kuala Lumpur / Klang Valley Public Transport Master Plan* pada 6 Mac 2012 dan saya juga dalam belanjawan telah menyatakan bahawa saya akan menubuhkan satu Jawatankuasa yang terdiri daripada Perancang dan juga pakar-pakar pengangkutan dan bersama dengan SPAD untuk menyediakan *wish list* dalam usaha merancang pembangunan dan juga menentukan *traffic flow* di Selangor dirancang dengan baik dan bermanfaat.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih. Dalam draf *Master Plan* SPAD yang dikemukakan kita dapat lihat SPAD hanya merancang laluan MRT dan dalam katakan *big picture* sahaja. Mereka tidak merancang macam mana penduduk negeri Selangor dapat sampai ke MRT dan dapat disambungkan kepada sistem MRT. Mereka berkata mereka itu, bukan tugas mereka. Adakah kerajaan negeri akan memikul tanggungjawab tersebut.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Bukit Gasing. Puan Pengerusi, perincian ini akan dibuat oleh Jawatankuasa yang kita tubuhkan yang antara lain menyambungkan di antara bas, LRT dan juga menyambungkan perkara-perkara yang melibatkan penyesuaian *ring road* dan juga apa yang dikata, *park and ride system* yang semuanya ini akan diambil kira.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Puan Speaker. Bagi kawasan tumpuan orang ramai adakah kerajaan negeri Selangor bersedia untuk mengadakan, menyediakan satu lapangan, lapang, lapangan ataupun mengambil alih tanah supaya menyediakan satu stesen untuk laluan, untuk MRT itu, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Pengerusi, sudah tentu semua ini akan diambilkira. Termasuk *feeder bus service*, termasuk *parking allocation*, semuanya ini akan diambil kira dan saya berharap, rakyat akan merasakan satu perubahan yang sangat besar sebab sekarang, pengangkutan dilakukan secara *private*, maknanya satu kereta paling ramai dua (2) orang atau tiga (3) orang dan kita dapati terlalu banyak perjalanan. Jadi, sekarang, kita ubah apa yang dipanggil *mass*, bererti beribu-ribu orang akan masuk ke satu tempat dan keluar di beberapa tempat. Jadi, satu perkara yang akan berubah dari segi, sistem pengangkutan daripada *private system to mass system*.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Bernam, tidak hadir, Morib, tidak hadir. Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Dengan izin Puan Speaker, soalan 138.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Speaker, Pandamaran membangkitkan isu tanah pegangan pajak dan pegangan bebas. Tanah pegangan pajak iaitu dalam Kanun Tanah Negara ialah Seksyen 76(e) 1165, Pihak Berkuasa Tempatan negeri boleh meluluskan pembermilikan tanah kepada pemohon bagi satu tanah pegangan pajakan yang tidak melebihi 99 tahun. Jadi, itu kuasa negeri dan ada juga permohonan untuk meminta supaya pajakan jangka panjang ini ditukar kepada pegangan bebas dan ini hanya berlaku di negara-negara Komanwel sahaja. Tapi, kalau dikatakan di Indonesia, di China, semua ni tak ada pegangan bebas. *That is what they call the term free hold*, jadi tak ada. Walau bagaimanapun, untuk menentukan, untuk menjaga tidak lagi ada pegangan bebas dan terdapat satu persetujuan yang sudah lama dibuat iaitu untuk menukar daripada sewaan ataupun pajakan kepada pegangan bebas. Ia mesti diluluskan dalam Mesyuarat Tanah Negara bukan dibuat sahaja di Selangor walaupun kuasa itu terletak di kerajaan negeri tetapi ia dipersetujui untuk ditentukan dalam Mesyuarat Tanah Negara. Sebabnya, ialah, rasionalnya ialah, kerajaan tidak hendak lagi untuk meneruskan usaha pegangan bebas kerana pegangan bebas ini akan mengurangkan keupayaan kerajaan dalam masa hadapan untuk mengubahsuai tentang perancangan-perancangan pemilikan tanah. Jadi, dan .. hanya Pihak Berkuasa Tempatan tidak bercadang untuk melakukan pertukaran tanah pegangan bebas ini dan yang hinggakan ini satu pengalaman yang kita mesti belajar iaitu kalau Kuala Lumpur tersebut diserahkan oleh kerajaan negeri dalam bentuk pajakan 99 tahun, sudah tentu



lah harapan negeri Selangor sangat tinggi. Sebab ini berlaku, berlaku di mana, di Hong Kong, Hong Kong kerajaan China telah menyerahkan tanah itu untuk 99 tahun dan apabila sampai tamatnya, dia boleh buat keputusan untuk menduduki dan menguasainya. Dan di Singapura juga tak ada lagi idea untuk membenarkan pegangan bebas.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Terima kasih YAB Dato' Menteri Besar berkenaan dengan jawapan. Saya difahamkan pegangan pajakan sekarang sebenarnya sangat jarang diambil balik apabila tempoh dia tamat. Jadi biasanya Kerajaan Negeri membenarkan lanjut, permohonan untuk lanjutan walaupun memakan masa. Selalunya akan diberikan dan 99 tahun adalah panjang. Dia biasanya cukup untuk seorang untuk memegang seumur hidup. Soalan saya sebenarnya adalah, sekiranya dari segi perspektif, Kerajaan Negeri tidak akan mengambil alih walaupun tanah pegangan pajakan apabila tempoh dia tamat, kenapa tidak memberikan dia secara bebas.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Y.B. Pandamaran, dan Puan Pengerusi logiknya ialah dia tidak akan, sebenarnya Kerajaan boleh mengambil alih tanah dalam apa bentuk tetapi mengambil alih tanah dalam pegangan bebas sangat sukar untuk mengukur pemilikannya tapi kalau dalam bentuk pajakan umpamanya 99 tahun tinggal lagi 22 tahun. Kiraan pengambilalihan adalah kepada 22 tahun. Jadi oleh sebab itu lebih senang untuk membuat kiraan dan juga mengubah suai.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Pun Speaker, soalan saya no. 139.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI  
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK: MASALAH KEBANJIRAN WARGA ASING BEKERJA DI KILANG- KILANG  
DI NEGERI SELANGOR**

19. Terdapat ramai pekerja asing bekerja di kilang-kilang di Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa jumlah pekerja asing bekerja di kilang-kilang berdaftar di Negeri Selangor. Senaraikan bilangan mengikut negeri asal mereka.
- b) Apakah langkah Kerajaan untuk mengurangkan pekerja asing bekerja di kilang-kilang tersebut?
- c) Adakah Kerajaan bersedia untuk membina asrama khas untuk pekerja asing di Negeri Selangor?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Kota Anggerik membangkitkan masalah warga asing bekerja di kilang-kilang di Negeri Selangor jadi dia bertanya berapakah jumlah pekerja asing di kilang-kilang yang berdaftar di negeri Selangor. Di negeri Selangor yang berdaftar ialah 160,459 orang terdiri dari warga Bangladesh, Chambodia, China, India, Indonesia, Myanmar, Nepal, Pakistan, Filipina, Sri Lanka, Thailand dan Vietnam. Mereka di dalam perangkaan itu yang paling ramai ialah di Shah Alam. Dalam sektor pembuatan, 17,787 pekerja didaftarkan dalam pengilangan, 8723 iaitu 26510 pekerja. Di Sungai Buloh itu antara yang terbanyak, di Sungai Buloh pembuatan, 5444 , pengilangan 3501 iaitu 8945. sebagai contoh lagi satu ialah dua tempat yang banyak fokusnya iaitu Petaling Jaya dalam bahagian pembuatan, 12,310 dan Puchong 6804 iaitu 14,500 Petaling Jaya, 9000 di Puchong. Klang juga mempunyai kumpulan yang ramai iaitu 33,000 dan di Rawang, di Rawang gombak, 4248 dalam pembuatan, 2579 pengilangan iaitu 6827. Dan semua perangkaan ini boleh kita tunjukkan. Saya ingat yang untuk maklumat di Sekinchan, pembuatan 126 orang dan pengilangan 28 orang jadi kalau nak tahu Sg. Air Tawar yang mengikut perangkaan ini 1 orang. Saya tak tahu siapa dia. Warga negara dibenarkan untuk dalam sektor yang diluluskan ialah pengilangan, perladangan, pertanian dan perkhidmatannya ialah kerja kasar, perkhidmatan tukang masak, pemborong dan pembinaan, pertanian dan perladangan. Dan dari segi gaji, perkilangan kita kenakan levi tahunan RM1200.00. Pembinaan RM1200.00, perladangan RM540.00 seorang, pertanian RM360.00, pembantu rumah RM360.00. Saya ingat angka ini kena kita semak balik. Setahu saya pembantu rumah lebih mahal daripada RM360.00. Jadi, berkuat kuasa pada 1 Januari 2013 Kerajaan menetapkan kadar gaji minimum bagi sektor swasta sebanyak RM900.00 sebulan. Dan atau 4.33 sejam untuk Semenanjung dan di Sabah dan Sarawak RM800.00 atau 3.85 sen sejam. Kadar gaji minimum ini meliputi semua pekerja termasuk pekerja asing dalam mana-mana sektor ekonomi.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Puan Speaker, dalam kempen mencari pelabur-pelabur datang ke negeri Selangor, saya dapati pelabur yang datang lebih berorientasikan *level intensive* Sebab itulah kita memberi peluang pekerjaan kepada orang asing. Saya cadangkan supaya kita lebih selektif. Mana, kalau lebih *intensive* kita tolak, supaya peluang orang tempatan ini masuk. Soalan kedua yang tak jawab ialah soal adakah boleh supaya pekerja asing ini disediakan kompleks khas supaya tak bercampur dengan orang tempatan. Saya dapati dengan bercampur dengan orang tempatan, banyak masalah sosial dan rumah-rumah, rumah kos rendah yang diberi kepada orang tempatan disewakan kepada warga asing.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Speaker, Kota Anggerik membangkitkan isu penempatan dan juga pengurusan pekerja-pekerja asing. Satu perkara yang jelas, yang kita mesti menerima bahawa untuk menentukan kita tidak bergantung pada pekerja-pekerja asing, kita mesti menerima hakikat bahawa ekonomi Malaysia ataupun ekonomi Selangor tidak lagi bergantung pada industri yang memerlukan pekerja-pekerja yang kurang mahir. Jadi bererti kita mesti memanggil dan menerima apa yang dipanggil *High Capital Intensive Industry*. Jadi itu, but dalam usaha ini sudah tentulah terdapat, *Cap Period*, ataupun masa untuk perkara ini berlaku. Tapi saya rasa Selangor mula berubah daripada apa yang dipanggil *industri and manufacturing* kepada *services industri*. Mula berubah tapi tidak sampai ke peringkat tidak memerlukan pekerja-pekerja yang kurang mahir termasuk pekerja-pekerja asing. Walau bagaimana pun berbagai-bagai usaha telah dilakukan untuk menempatkan pekerja-pekerja asing ini dalam satu kompleks yang tertentu. Banyak persoalan yang timbul. Antaranya ialah mereka perindustri-perindustri juga cuba menjimatkan kos. Jadi kalau saudara tengok dalam industri hal tanah, *construction*, apa berlaku. Pekerja-pekerja asing tinggal di dalam kawasan pembinaan tersebut. Tetapi kalau kita alih dan halau, sudah tentu terdapat keadaan industri ini mendapat beberapa banyak kesulitan. Buat masa sekarang, Kerajaan negeri Selangor mencuba dan baru-baru ini dewan negeri telah meluluskan pinjaman kepada PKNS untuk membayar kepada Dewan Bandar raya Petaling Jaya sejumlah lebih daripada RM80 juta untuk memiliki tanah di Sungai Way untuk didirikan asrama pekerja asing yang boleh menempatkan lebih daripada 5000 pekerja. Dan proses ini sedang berjalan. Walau bagaimana pun ingin saya tunjukkan *capital cost* untuk projek ini adalah sangat tinggi. Oleh itu banyak perindustri, ataupun pengilang-pengilang, pengusaha tidak mahu melakukannya kerana mereka takut, mereka tidak sampai satu masa untuk mengaut semula pelaburan untuk membuat asrama-asrama ini.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Malawati jawapan, soalan 140 telah dijawab ya bersama sekali dengan soalan18. Gombak Setia tidak hadir.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Peraturan tetap 42.2.

**TUAN SPEAKER:** Saya tak bagi hari ini ya, Y.B. Hulu Kelang. Yang tak hadir saya tak bagi tanya soalan bagi pihak. Teluk Datuk.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya 142.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(TELUK DATUK)**

**TAJUK: BANTUAN KEPADA PEKEBUN-PEKEBUN**

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membantu pekebun-pekebun sayur membaharui permit penggunaan tanaman di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan di sebahagian kawasan Kampung Sungai Kelambu?
  - i) Sila menyatakan tapak tanah Kerajaan yang dibuka untuk tujuan tanaman sayur-sayuran di Daerah Kuala Langat dan Sepang?
  - ii) Apakah jenis bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu para pekebun yang memainkan peranan sebagai perangsang ekonomi Negeri?

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih, Tuan Speaker kepada Teluk Datok di atas pertanyaan pada soalan 142. Teluk Datok ingin kepastian berkaitan dengan bantuan pekebun-pekebun sayur bagi memperbaharui permit penggunaan tanaman di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan di sebahagian kawasan Kampung Sungai Kelambu. Jadi soalnya ialah, saya ingin menyatakan tentang tapak tanah Kerajaan yang dibuka untuk tujuan tanaman sayur-sayuran di Daerah Kuala Langat dan Sepang, sebagai jawapannya sehingga kini Kerajaan Negeri masih lagi membekukan untuk pembaharuan permit penggunaan di Kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan dan di sebahagian kawasan Kampung Sungai Kelambu. Jadi, pertama tapak tanah Kerajaan yang dibuka untuk tujuan tanaman sayur-sayuran di Daerah Kuala Langat adalah tiga taman kekal pengeluaran makanan TKPM. Iaitu Bukit Changgang 14 peserta dengan keluasan 60.70 hektar, Sungai Kelambu 18 peserta dengan keluasan 80 hektar, Kundang 41 peserta dengan 120 hektar. Manakala di Daerah Sepang terdapat dua taman kekal pengeluaran makanan iaitulah di Sungai Belangan

dengan 151 peserta dengan keluasan 400 hektar. Hulu Cucuh 21 peserta dengan 100 hektar.

Soalan yang kedua, Teluk Datok ingin mengetahui tentang jenis bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu para pekebun yang memainkan peranan sebagai perangsang ekonomi negeri. Sebagai jawapannya jenis bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu para pekebun yang memainkan peranan sebagai perangsang ekonomi negeri adalah Yang Pertama Bantuan Pembangunan Taman Agroteknologi TKPM. Yang Kedua, Pembangunan Tanaman Makanan ia ini padi, sayur, buah dan kelapa. Yang Ketiga, Pembangunan Tanaman Industri, nanas dan umbisi. Yang Keempat, Pembangunan Industri Bunga dan Tanaman Hiasan seperti Orkid dan bunga-bunga. Yang Kelima, Pembangunan Industri Asas Tani. Yang Keenam, Bantuan Pembangunan Pertanian Bersepadu seperti cendawan, integrasi lebah, herba dan lain-lain lagi. Yang Ketujuh, Bantuan Perkhidmatan Perkembangan dan Perundingan seperti latihan petani, seminar, kursus dan sebagainya. Yang Kelapan, Bantuan Pembangunan Tanah Bermasalah pertanian, tanah gambut, asid sulfik, bekas lombong dan Yang Kesembilan, Bantuan Pembangunan ataupun pengurusan tanah terbiar.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG:** Soalan Tambahan.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Teluk Datok.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG:** Terima kasih, Yang Berhormat EXCO. Teluk Datok ingin bertanya, dua soalan. Pertama, adakah Kerajaan Negeri berhasrat dan juga ada sebarang perancangan menyediakan lagi tapak pertanian yang baru berkonsep *organic farming* (dengan izin) dan kedua, saya minta penjelasan secara bertulis dengan izin yang lebih terperinci mengenai mengapa Kerajaan Negeri membekukan pembukaan tanah baru untuk kerjaya tanaman. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih, Teluk Datok. Berkaitan dengan meluaskan lagi untuk aktiviti *organic farming* ini memang kita menjadi dasar Kerajaan dan juga menjadi aktiviti yang kita telah mulakan dalam tempoh beberapa tahun ini iaitu satu bentuk pertanian yang lestari. Jadi pelestarian ini dengan kita menggunakan organik sebagai pengganti kepada sebarang bentuk *chemical* dalam urusan pertanian jadi sebab itu kita memang bercadang untuk meluaskan bahkan kita boleh bekerjasama dengan mana-mana individu yang mempunyai tanah terbiar untuk dibangunkan supaya kita dapat membantu dalam menghasilkan pertanian berasas organik ini.

Yang kedua, dari segi membekukan ini, ini ialah bagi tanah pertanian yang dalam rizab hutan, yang ini yang kita... yang kita bekukan. Jadi sebab itu yang berkaitan dengan rizab hutan ini maka kita tidak lagi mengeluarkan permit untuk sebarang aktiviti pertanian kerana dia adalah dasar yang masih lagi dipegang oleh Kerajaan Negeri.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Soalan 143 telah dijawab bersekali dengan soalan 20. Soalan 144 telah dijawab bersekali dengan soalan 77. Taman Templer.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Soalan 145, Puan Speaker.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB  
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK: PEMELIHARAAN HUTAN SIMPAN DI SELANGOR**

145. Selangor sebagai sebuah negeri yang pesat membangun sudah pasti melihat khazanah hutan sebagai sesuatu yang perlu dipelihara:-

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah keluasan hutan simpan di Selangor?
- b) Apakah dasar dan langkah-langkah Kerajaan Selangor memelihara hutan simpan ini.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih, Taman Templer, Puan Pengerusi, Puan Speaker, keluasan Hutan Simpanan Kekal di Negeri Selangor sehingga 31 Oktober 2013 adalah seluas 250,129 hektar ataupun 31.5% daripada keluasan tanah negeri. Pada masa kini Kerajaan Negeri Selangor mengamalkan dasar moratorium selama 25 tahun bagi semua Hutan Simpanan Kekal di mana tiada pelaksanaan aktiviti pengusahasilan hutan dalam Hutan-hutan Simpanan Kekal. Pelaksanaan aktiviti pembangunan serta pemuliharaan hutan dalam Hutan Simpanan Kekal diteruskan dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti pemulihan seperti tanaman mengaya, tanaman serta rawatan di kawasan terosot dan lain-lain aktiviti berkaitan pemuliharaan hutan termasuk penandaan dan penyelenggaraan sempadan Hutan Simpanan Kekal. Pada masa yang sama juga kita menggalakkan NGO-NGO, Sekolah-sekolah, Kolej-kolej dan juga masyarakat umum untuk menyertai beberapa program di mana kita ada program penanaman semula di beberapa Hutan Simpan yang terosot.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan Tambahan Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Saya ingin nak tanya Yang Berhormat Bukit Lanjan bahawa semalam saya terdapat satu skim untuk Pensijilan Hutan Simpan. Jadi adakah bagi pemeliharaan hutan simpan ini, kawasan yang jadi hutan simpan itu, adakah mereka.. kawasan itu akan diberikan satu sijil seperti mana sijil lahir bagi kanak-kanak. Terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** (Ketawa). Terima kasih, Teratai. Program ataupun proses untuk mendapat Pensijilan Hutan Simpan bukan seperti apa.. sijil lahir tetapi ini adalah Pensijilan dari segi pemeliharaan, pemuliharaan, penggunaan dan sebagainya dan sebenarnya.. dan ini merangkumi seluruh Negeri Selangor dan ini adalah satu proses yang dijalankan di seluruh Semenanjung Malaysia di mana negeri-negeri akan diberi pengiktirafan dan juga pensijilan. Jadi proses ini baru habis dan kita jangka kita akan dapat boleh dikatakan *full marks* untuk tahun ini.

**TUAN SPEAKER:** Balakong.

**Y.B. TUAN NG. TIEN CHEE:** Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya 146.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(BALAKONG)**

**TAJUK: PEMASANGAN WIFI SELANGORKU**

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pencapaian terkini mengenai pemasangan WIFI Selangorku di setiap DUN.
- b) Adakah pelaksanaan tersebut dapat dipercepatkan?
- c) Adakah kerajaan bersedia untuk menggunakan produk teknologi baru yang mengintegrasikan lampu jalan LED, CCTV dan WIFI bagi menjimatkan kos pemasangan?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT. ALWI:** Terima kasih, Balakong. Tuan Speaker, Balakong bertanya tentang pemasangan WIFI Selangorku, melalui peruntukan geran Selangorku Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan 112 lokasi perkhidmatan WIFI di seluruh Negeri Selangor untuk rakyat Selangor dan meliputi kawasan bandar dan luar bandar. Setiap DUN diperuntukkan sebanyak 2 lokasi, bagi mengenal pasti kawasan terpilih setiap DUN telah diminta untuk mengemukakan cadangan kepada STANCO Sains Teknologi dan Inovasi bagi memastikan semua mendapat kemudahan ini. Sebanyak 56 lokasi kemudahan perkhidmatan WIFI Selangorku iaitu Fasa 1 sudah pun beroperasi mulai Mac 2013 dan baki 56 lokasi iaitu Fasa 2 telah mula beroperasi pada Jun 2013.

Sebanyak 112 lokasi WIFI Selangorku beroperasi secara berperingkat, ya, Fasa 1 dan Fasa 2 dan beberapa kekangan terpaksa ditempuhi sepanjang pelaksanaan 56 lokasi pertama ini yang melibatkan proses pelaksanaan tersebut mengambil masa yang panjang. Antara sebab utama adalah tiadanya infrastruktur di lokasi pemasangan tersebut serta penyedia perkhidmatan Internet atau dikenali sebagai ISP (*Internal Internet Service Provider*) yang terhad di Malaysia.

Hasil daripada pelaksanaan Fasa 1 tersebut, beberapa jalan penyelesaian telah ditemui dengan mengadakan perbincangan bersama penyedia perkhidmatan Internet bagi mempercepatkan proses pemasangan Fasa ke-2. Sehingga kini 112 lokasi WIFI Selangorku telah beroperasi sepenuhnya.

Untuk c, Kerajaan mengalu-alukan sebarang cadangan yang boleh menambah baik sistem sedia ada yang memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya serta membantu Kerajaan melaksanakan agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor. Oleh yang demikian, sekiranya semakan dan penyelidikan mendapati bahawa kos pemasangan produk teknologi baru yang mengintegrasikan lampu jalan LED, CCTV dan WIFI adalah lebih ekonomik, ianya boleh dipertimbangkan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Sri Muda

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Puan Speaker. Kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah memasang WIFI ini. Satu persoalan yang timbul ialah kenapa pemasangan ini walaupun telah dibuat ia agak lama untuk beroperasi sepenuhnya dan walaupun beroperasi penerimaan itu terlalu perlahan. Dia terlalu *slow* dengan izin, tak boleh nak laju. Jadi, apakah Kerajaan



Negeri bercadang untuk mempertingkatkan kelajuan supaya WIFI ini mudah diakses dan diberikan manfaat yang lebih baik. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT. ALWI:** Terima kasih Sri Muda. Tentang masalah kelambatan ataupun *slow*nya perkhidmatan tersebut, ini adalah disebabkan pihak pengoperasi mendapat permintaan daripada pihak Kerajaan Negeri untuk sebanyak yang diperuntukkan oleh pihak Kerajaan Negeri. Jadi pihak pengoperasi memberikan perkhidmatan kepada nilai tersebut. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Soalan tambahan.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Tak habis jawab lagi tu. Sikit lagi. Dia *slow* ada tak rancangan untuk tingkatan kelajuan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT. ALWI:** Terima kasih Sri Muda. Tuan Speaker, kita sedang berbincang dengan pihak pengoperasi untuk menambahkan megabit sistem WIFI tersebut dan di masa akan datang kita akan bersama-sama dengan pihak pengoperasi untuk mempercepatkan lagi sistem tersebut.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Soalan tambahan.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Balakong dulu.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih Tuan Speaker, saya nak tanya kepada Yang Berhormat EXCO, adakah pihak Kerajaan merancang untuk melaksanakan Fasa Ke 3, 4 dan seterusnya dalam masa yang terdekat dan sekiranya ya, bilakah ianya akan dilaksanakan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT. ALWI:** Terima kasih Balakong. Kita sedang dalam perancangan untuk menambahkan lagi lokasi-lokasi WIFI Selangorku ini di masa-masa akan datang dan mengikut keperluan dan juga mengikut peruntukan yang disediakan kerana ianya adalah daripada peruntukan geran Selangorku.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Ha.. Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER:** Senior dulu, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Puan Speaker kerana memberi laluan kepada senior terima kasih. Saya cukup minat dengan soalan tambahan ni. Saya cukup minat dengan WIFI Selangorku ini yang inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk memberi WIFI ini. Walau bagaimanapun, saya nampak setakat ini keberkesanannya, bagaimana keberkesanannya satu, penggunaannya. Banyak aduan dan *complain* termasuk contoh di Sekinchan di mana apabila dibuka sahaja nama Kerajaan Negeri Selangor tapi tak boleh akses. Ha.. ini sudah lama saya ajukan perkara ini dalam Dewan ini, satu. Yang Kedua, oleh sebab WIFI percuma ni prosesnya dan kosnya bukan murah ya jadi Kerajaan negeri adakah perlu semak semula adakan satu penyiasatan secara terperinci, penelitian secara terperinci supaya satu projek yang lebih berkesan akan lebih berkesan akan dilaksanakan pada masa akan datang yang ini boleh diberhentikan buat sementara kerana banyak masalah dan kita semak, saya tanya sama ada Kerajaan bersedia untuk berbuat demikian kerana *complain* cukup banyak.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT. ALWI:** Terima kasih Sekinchan. Tentang keberkesanan WIFI Selangorku ini memang kita mendapat banyak maklum balas daripada ADUN-ADUN sedia ada tentang kelambatan dan juga akses untuk Internet ini dan saya.. kami sedang memantau dan kita akan berbincang dengan pihak pengurusan dan juga pembekal untuk agar mereka menaik taraf dan memperbaiki sistem tersebut.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan satu strategi yang berlainan yang menggunakan strategi *cross* subsidi di mana pemasangan WIFI Selangorku perlu dipasang secara percuma di kawasan luar bandar dan ini akan di *cost subsidice* oleh pemasangan WIFI di kawasan bandar yang mungkin akan mendatangkan keuntungan kepada syarikat tersebut. Saya rasa barangkali ini adalah satu cara yang boleh mempertingkatkan keluasan *coverage* WIFI Selangorku.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI:** Terima kasih, Kampung Tunku. Satu cadangan yang baik dan menarik dan *Insyah-Allah* kita akan sama-sama perbincangkan dan sekiranya ia nya telah sesuatu yang baik untuk rakyat Selangor dan juga kos efektif juga untuk Kerajaan Negeri, maka kita bersedia untuk membincangkan dan kita akan sama-sama laksanakan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih, Puan Speaker. Oleh kerana, lokasi-lokasi itu WIFI *SelangorKu* ditentukan pada tahun 2012 dan selepas itu saya dimaklumkan bahawa terdapat ADUN-ADUN memohon untuk memindahkan lokasi dan pemindahan lokasi itu saya nak tahu daripada Yang Berhormat EXCO. Sama itu dibenarkan atau tidak dan kalau dibenarkan itu bila pemindahan lokasi itu akan dilakukan?.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih,KKB. Tuan Speaker, beberapa lokasi *WIFI* telah pun diminta untuk dipindahkan apabila ADUN-ADUN baru mempunyai apa ni pandangan untuk menukarkan kawasan-kawasan ataupun lokasi-lokasi. Maka, kita sedang dalam urusan untuk melaksanakan pemindahan lokasi *wifi* ini menurut permintaan daripada ADUN tersebut dan kita mohon agar ADUN-ADUN yang memerlukan untuk pemindahan lokasi WIFI ini agar memberikan alamat yang tepat untuk kita melaksanakan pemindahan tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih Tuan Speaker,Soalan 147.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAME TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: BANCIAN PENDAPATAN ISI RUMAH**

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Bilakah Kerajaan akan menjalankan bancian kawasan-kawasan yang diketahui ramai penduduk miskin bagi mengenal pasti pendapatan isi rumah dan keperluan isi rumah tersebut?
- b) Apakah dasar Kerajaan Negeri dalam menangani masalah kemiskinan yang juga menjadi punca masalah lain seperti sosial, jenayah dan lain-lain?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Taman Medan. Tuan Speaker, Taman Medan telah bertanyakan soalan berkenaan dengan bancian pendapatan isi rumah dan juga Dasar Kerajaan dalam menangani masalah kemiskinan. Tuan Speaker, program pembasmian kemiskinan di Selangor giat dilaksanakan melalui program bantuan *blue print*, bantuan rumah Kerajaan Prihatin dan tajaan kemahiran teknikal. Bagi memastikan bantuan-bantuan ini terus sampai kepada golongan sasaran, maka Kerajaan Negeri akan mengadakan bancian pendapatan isi rumah di seluruh Selangor. Pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sedang memilih beberapa Universiti di Selangor untuk mengadakan kerjasama bagi tujuan bancian ini. Pada masa yang terdekat pihak UPEN sedang bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Zakat Selangor untuk mendapatkan senarai penerima bantuan sedia ada bagi kedua-dua institusi tersebut. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri sedar bahawa faktor kemiskinan boleh mendorong kepada masalah sosial dan jenayah sekiranya ia tidak dibendung. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri merangka program-program yang dapat membantu golongan ini dari segi ekonomi seperti program bantuan *blue print* untuk meningkatkan pendapatan bulanan keluarga tersebut. Dari segi sosial Kerajaan Negeri membantu membina atau membaik pulih rumah yang uzur kepada yang layak supaya keperluan asas golongan ini terjaga. Manakala, sekiranya terdapat anak-anak golongan miskin yang tercicir dari segi akademik, maka kemahiran teknikal disediakan bagi tujuan anak-anak ini mendapat pelajaran dalam bidang kemahiran yang diluluskan oleh Sijil Kemahiran Malaysia. Kerajaan Negeri juga akan meluaskan lagi beberapa program-program baru nanti untuk menangani masalah kemiskinan di Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat EXCO mempunyai garis panduan yang bersepadu yang memastikan segala Jawatankuasa Tetap di bawah Kerajaan mengikutinya dan tidak ada pertindihan di antara Jawatankuasa-jawatankuasa yang terlibat.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Taman Medan, kalau garis panduan untuk memastikan atau pun untuk tidak ada pertindihan seperti STANDCO-STANDCO Kebajikan mahupun kemiskinan dan usahawan sedang dirancang dan dijalankan oleh UPEN. Kita tidak dapat lagi kenal pasti pertindihan, So, segala bantuan yang diberikan dirancang dan diluluskan oleh dari sektor UPEN. So, mereka sedang jalankan kajian dalam masa terdekat ini.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Templer.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Puan Speaker, sejauh manakah keberkesanan program-program bagi menyelesaikan masalah kemiskinan ini dan bolehkah diukur dengan kadar penurunan kadar kemiskinan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih, Yang Berhormat Templer. Tuan Speaker, kalau keberkesanan saya telah menjawab pada soalan 18 yang lalu berkenaan berapa ramai telah menerima bantuan program kemiskinan yang menggunakan bantuan *blue print* kemiskinan ia adalah barangan yang berupa barangan, bantuan berupa barangan dalam membantu menaik taraf perniagaan yang mereka sedang jalankan. Sekiranya mereka digunakan secara hemah memang ramai keluarga telah melepasi garis paras kemiskinan ini.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil. Yang Berhormat Bukit Lanjan boleh ringkaskan kerana soalan ini telah dijawab banyak kali, tapi hanya B macam soalan B yang belum dijawab.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Puan Speaker dan Terima kasih Y.B. Dengkil.

a) Statistik kehadiran pelancong adalah seperti berikut :

Tahun	Kehadiran Pelancong
2008	5,677,221
2009	5,647,641
2010	5,833,858
2011	6,040,418
2012	6,366,110
2013	5,165,703

b) Impak atau sumbangan kepada ekonomi Selangor adalah melalui pengembangan industri perkhidmatan dan ini merupakan penyumbang tertinggi kepada kadar KDNK di Negeri Selangor. Ini juga merupakan satu pencapaian yang terbaik bagi industri perkhidmatan yang secara tidak langsung telah memberi peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Pada masa yang sama, PBT dapat mengutip hasil daripada sektor perkhidmatan ini seperti hotel-hotel, taman tema, *homestay*, restoran-restoran dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan pelancongan. Pendapatan pelancongan Negeri Selangor ini dipanggil dengan *Tourism Reseats* mengikut tahun adalah seperti berikut :

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Pendapatan Pelancongan (RM)</b>
2008	3,982,002,809.40
2009	3,961,255,397.40
2010	4,091,868,001.20
2011	4,236,749,185.20
2012	4,465,189,554.00
2013 (September)	3,623,224,084.20

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Dan memang seperti yang disebut oleh Puan Speaker. Sasaran macam mana kita boleh dapat mencapai sasaran adalah melalui beberapa langkah-langkah yang saya telah senaraikan sebelum ini tapi secara ringkasnya melalui acara promosi, memperkenalkan Selangor melalui siri promosi ke luar negeri dan juga dalam negeri, pertemuan '*Business to Business*' (*B to B*) dengan penggiat industri dan sebagainya.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih, Puan Speaker. Terima kasih Y.B. EXCO. Seperti mana yang kita maklum, Tahun Melawat Malaysia Tahun 2014 tahun depan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat apakah bentuk kerjasama Kerajaan Negeri dan juga Kementerian Pelancongan dalam menjayakan misi nasional Tahun Melawat Malaysia 2014. Terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih, Dengkil. Saya rasa mungkin Dengkil tidak ada dalam Dewan bila saya jawab semalam, tapi secara ringkasnya *TMY* ataupun Tahun Melawat Malaysia 2014 kita ada hubungan dan juga sokongan yang amat baik antara Kementerian Pelancongan dan juga Tourism Selangor dan Kerajaan Negeri dan di Negeri Selangor memang kita sudah lancarkan, boleh dikatakan antara yang pertama melancarkan kempen Melawat Malaysia 2014 di daerah Sabak Bernam dan beberapa PBT sudah merancang kan beberapa pelancaran dan juga program-program, acara-acara dan sebagainya. Pada masa yang sama, kita juga melalui Tourism Selangor kita mengikut beberapa program promosi *TMY* 2014 bersama dengan Tourism Malaysia dengan Kementerian Pelancongan dan sebagainya. Saya rasa isu pelancongan, sektor pelancongan adalah satu sektor yang amat penting di bukan sahaja di Selangor tetapi di seluruh Negara dan yang penting adalah kita jangan politikkan. Sebelum ini memang ada masalah besar, saya nak cakap secara

terus terang ya, kita tidak dapat peruntukkan daripada *Federal*, ada sekatan dan sebagainya. Tapi saya rasa saya haraplah dengan Menteri Pelancongan yang baru mungkin ada staf-staf dan rancangan yang baru, kita boleh sama-sama bekerjasama untuk menaikkan, mengharumkan nama Malaysia dan juga meningkatkan perkhidmatan dalam sektor pelancongan dan juga untuk makluman Yang Berhormat Dengkil dan juga Y.B.-Y.B. dalam Dewan ini, Menteri Pelancongan sebenarnya antara negeri-negeri pertama Yang Berhormat Menteri Pelancongan melawat adalah di Negeri Selangor dan beliau datang ke sini melawat i-City dan juga Shah Alam dan beliau kagum dan telah maklum kepada kita semua bahawa dia harap kita ada satu kerjasama yang amat erat antara dua pihak.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Puan Speaker, 149.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK: PEMBELIAN TANAH BAGI TAPAK MASJID/ SURAU**

149. Kerajaan Negeri telah meluluskan permohonan melalui Jabatan Agama Islam Selangor(JAIS) untuk pengambilan balik tanah bagi tujuan tapak Surau Al-Taqwaniah, Kg. Paya Jaras, Mukim Sungai Buloh. Tanah tersebut dikenali sebagai Hak milik HS(M) 1257 PT 815, Kampung Baharu Sungai Buloh, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling bagi tujuan tapak Surau Al-Taqwaniah, Kampung Paya Jaras Hulu Dalam, Sungai Buloh.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status terkini permohonan tersebut?
- b) Bilakah pengambilan ini dijangka selesai sepenuhnya?

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih kepada Paya Jaras. Paya Jaras tanya kaitan dengan status tanah yang sepatutnya telah dipohon untuk tapak Surau Al-Taqwaniah dan soalan Paya Jaras ini telah juga disebut dalam ucapan semalam. Jadi, saya akan jawab terus dan takkan singgung lagi dalam penggulungan selepas daripada itu nanti. Jadi, tentang status permohonan itu pihak JAIS telah memohon pengambilan ke Pejabat Tanah Petaling pada 5.10.2012 dan Jabatan Agama Islam

Selangor telah mengemukakan permohonan status terkini melalui surat ke Pejabat Tanah Petaling pada 30.9.2013. Pejabat Tanah Petaling memaklumkan bahawa kertas pengambilan telah siap dan dalam semakan pegawai yang bertanggungjawab untuk mengangkat ke Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Mesyuarat EXCO dan bilakah pengambilan ini dijangka selesai sepenuhnya? Jadi pengambilan ini akan dijangka selesai ialah bergantung kepada keputusan yang akan dibuat dalam Mesyuarat EXCO nanti dan pelaksanaan proses kerja di Pejabat Tanah di Pejabat Tanah dan Daerah masing-masing. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Soalan 150 dan 152 telah dijawab bersekali dengan soalan 32, Batu Caves.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Tuan Speaker, tak dijawab, ini adalah spesifik Taman Danau.

**TUAN SPEAKER:** Projek Perumahan?

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG :** Ya.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDULSAMAD:** Tuan Speaker, tapi soalan ini adalah spesifik kepada isu..

**TUAN SPEAKER:** Ok.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDULSAMAD:** Di Kuala Kubu Baharu. Terima kasih kepada Tuan Speaker dan juga kepada Kuala Kubu Baharu. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek PPR Kg. Hassan yang terdiri daripada 300 unit rumah teres 1 tingkat yang dibina di atas tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Projek ini telah dimulakan pada 27 Julai 2011 dan telah memperoleh CCC pada 25 Julai 2013. Projek PPR ini telah diluluskan untuk dijual kepada golongan berpendapatan rendah terutamanya golongan setinggan di kawasan tersebut dalam usaha penempatan semula Peneroka Bandar di kawasan berkenaan. Pemilihan nama-nama pembeli yang layak dibuat oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jawatankuasa Pemilihan Pembeli Bagi Penjualan PPR Kg. Hassan yang ditubuhkan bagi tujuan tersebut serta menentukan mekanisme pengurusan penjualan PPR berkaitan. Untuk makluman Yang Berhormat, nama Peneroka Bandar yang dikenal pasti telah mendapat pengesahan daripada Pejabat Tanah/ Daerah Hulu Selangor dan proses pemindahan bergantung kepada keputusan akhir KPKT memandangkan projek tersebut dibina oleh Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.



**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Projek ini telah dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan. Kampung Hasan sudah lama dah, kita pun cuba untuk selesaikan masalah. Adakah ini bermakna penduduk-penduduk di Kampung Hasan akan diberikan rumah-rumah yang telah dibina dengan projek ini dan siapa akan jadi penguatkuasa ataupun pejabat untuk pemilih orang-orang yang akan dapatkan rumah-rumah ini yang telah dibina oleh Kerajaan Pusat.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Ada dalam jawapan saya bahawa pemilihan nama pembeli yang layak dibuat oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan KPKT melalui Jawatankuasa Pemilihan Pembeli Bagi Penjualan PPR Kampung Hasan iaitu kita libatkan penduduk tempatan sekali. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Er.....Batu Caves tidak hadir. Semenyih.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ:** Tuan Speaker, soalan 152.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK : CUKAI PBT**

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jenis-jenis cukai dan lesen yang dikutip oleh PBT?
- b) Nyatakan kadar setiap jenis cukai dan lesen yang dikenakan oleh PBT?
- c) Berapakah jumlah hasil kutipan cukai dan lesen dari 2008-2012 mengikut PBT?

**TUAN SPEAKER:** Pihak Kerajaan soalan 152.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ:** Er.... Cukai PBT.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, Puan Speaker. Jenis-jenis cukai dan lesen yang dikutip oleh PBT adalah seperti berikut:

- (1) Cukai Taksiran atau Cukai Pintu.
- (2) Lesen Penjaja.
- (3) Lesen Gerai
- (4) Lesen Pasar
- (5) Lesen Industri Pembuatan.
- (6) Lesen Kejuruteraan.
- (7) Lesen Perkhidmatan Pembuatan.
- (8) Lesen *Establishment* Makanan.
- (9) Lesen Perniagaan dan Perindustrian
- (10) Lesen Kedai Makan.
- (11) Lesen Stor atau Gudang.
- (12) Lesen Iklan.
- (13) Permit Sementara.
- (14) Lesen Hiburan.
- (15) Lesen Salut Plastik.
- (16) Lesen Pusat Cyber.
- (17) Lesen Pusat Kecantikan dan Kesihatan.
- (18) Lesen Kolam Renang.
- (19) Lesen Pusat Sukan.
- (20) Lesen Hotel.
- (21) Lain-lain Bayaran Lesen.

Kadar cukai taksiran dikenakan adalah seperti di Lampiran A yang akan dihantar kemudian manakala kadar lesen yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor adalah berbeza mengikut jenis perniagaan berdasarkan kadar bilangan yang telah ditetapkan di dalam Jadual Undang-undang Kecil Lesen seperti senarai berikut:

- (1) Undang-undang Kecil Pelesenan *Trade* Perniagaan dan Perindustrian 2007.
- (2) Undang-undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan 2007.
- (3) Undang-undang Kecil Pusat Cyber dan *Cafe Cyber* 2007.
- (4) Undang-undang Kecil Iklan 2007.
- (5) Undang-undang Kecil Krematorium 2007.
- (6) Undang-undang Kecil Kolam Renang 2007.
- (7) Undang-undang Kecil Pasar 2007.
- (8) Undang-undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing 2007.
- (9) Undang-undang Kecil Hotel 2007.

- (10) Undang-undang Kecil Penjaja 2007.
- (11) Undang-undang Kecil Pelesenan *Establish* Makanan 2007.
- (12) Undang-undang Kecil Pusat Sukan Persendirian 2007.
- (13) Undang-undang Kecil Tempat Letak Kereta Persendirian 2005.

Jumlah hasil kutipan cukai dan lesen PBT adalah seperti berikut:

MBSA bagi tahun 2012 RM211 juta.  
Bagi Petaling Jaya tahun 2012 RM219 juta.  
Bagi Majlis Perbandaran Klang tahun 2012 RM168 juta.  
Bagi Majlis Perbandaran Subang Jaya tahun 2012 RM180 juta.  
Majlis Perbandaran Selayang RM98 juta.  
Majlis Perbandaran Kajang RM88 juta.  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya RM94 juta.  
Majlis Perbandaran Sepang RM59 juta.  
Majlis Daerah Hulu Selangor RM42 juta.  
Majlis Daerah Kuala Selangor RM23 juta.  
Majlis Daerah Kuala Langat RM24 juta.  
Majlis Daerah Sabak Bernam RM5.1 juta.  
Jumlahnya bagi tahun 2012 adalah RM1,211.1 juta.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya nak tanya kerajaan, adakah kerajaan menyemak ataupun cadangan untuk kenaikan cukai pintu di Negeri Selangor?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, Puan Speaker. Buat masa ini belum ada rancangan untuk kajian tersebut. Tetapi kajian akan dibuat kerana kita sudah lama tidak menaikannya sebenarnya. Ini satu perkara yang sensitif tetapi kita harus menghadapinya sebab seperti yang saya sebutkan di Dewan ini, sebagai kerajaan kita kadang-kadang menghadapi keadaan di mana kita hendak membuat satu keputusan yang betul atau nak buat satu keputusan yang popular. Kita boleh buat satu keputusan yang popular sebagai *popularize* tetapi kalau bebannya terlalu berat maka yang akan seksa juga adalah rakyat kerana kalau kita tidak menaikkan cukai buat selama-lamanya apakah yang akan dihadapi oleh kerajaan adalah hasil tidak mencukupi untuk menanggung perkhidmatan atau mengekalkan mutu perkhidmatan. Jadi bererti kita akan menurunkan tahap perkhidmatan yang kita berikan. Bererti umpamanya kalau

cukai pintu kita tidak naik buat 10 tahun akan datang apa yang akan berlaku adalah kekerapan kutip sampah akan kita kurangkan sebab duit tak cukup, sebab setiap tahun kos kita naik, kita tahu minyak naik, kos pekerja, naik semua naik. Jadi kalau kita tak naikkan orang tak kerja. Jadi bagaimana dengan hasil yang sama kita dapat mengekalkan mutu perkhidmatan kalau kita tidak menambahkan hasil. Jadi itu adalah hakikat, kita boleh menjadi hero, jadi *popularize* tak naik tetapi akhirnya kita yang akan menghadapi masalah (Dewan bertepuk). Jadi itu kita kena, walaupun kita tak setuju apa yang berlaku di Kuala Lumpur. Tetapi apa yang dilakukan oleh Kuala Lumpur itu sebenarnya betul untuk menaikkan memandangkan kos dah melonjak sebenarnya, melambung dah, tetapi cuma kita rasakan mungkin kadar itu tak betul, jadi tidak bererti bahawa kita tidak akan naikkannya tetapi kita mahu kajian dari masa ke semasa. Selagi kita boleh menanggung, kita menanggung dan pada masa itu, pada masa yang sama kita juga cari jalan untuk mengurangkan kos, untuk mengurangkan pembaziran dan saya rasa dari segi itu Kerajaan Negeri Selangor telah kita banyak lakukannya, kita terbukti, terbukti dalam keadaan yang gini kita dapat kurangkan kos yang tidak harus pembaziran tidak ada, tetapi itu tidak bererti kita tak layak naik gaji sebab kita semua ADUN pun menanggung kos yang tinggi pada zaman inflasi (Dewan bertepuk, ketawa).

**TUAN SPEAKER:** Semenyih dulu.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ:** Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin bertanya EXCO bahawa baru-baru ini berlaku gerai dirobuhkan di khususnya di MPKj di Kajang di mana mereka ini dulu diberi lesen gerai, lesen gerai ini diberi dan kemungkinan ada buat penambahan atau sebagainya tetapi baru ini dirobuhkan, dirobuhkan gerai-gerai mereka. Saya nak bertanya apakah langkah PBT ataupun kerajaan, adakah ingin membuat Pemutihan kepada gerai-gerai yang di roboh ini, dibina semula tempat yang lebih selesa atau sebagainya? Apakah perancangan selepas diroboh gerai-gerai ini dan

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Semenyih, soalan jauh daripada soalan pokok.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ:** Betul, ini isu

**TUAN SPEAKER:** Soalan pokok mengenai cukai sekarang mengenai perobohan gerai

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ:** Tak, ini mengenai isu. Ok, mereka ini bayar lesen gerai jadi ada *income*. Ada datang berkunjung jumpa saya. Jadi mereka ni bayar lesen gerai, ada lesen tetapi dirobuhkan.

**TUAN SPEAKER:** Tak perlu jawab kerana semua kalau macam tu semua soalan PBT kita boleh kaitkan dengan soalan pokok. Semua orang bayar lesen, bayar cukai tetapi jauh daripada soalan pokok ye, cukai. Ha... Sungai Burong.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ:** Ok.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, apakah Yang Berhormat setuju walaupun kadar cukai pintu itu dinaikkan tetapi oleh kerana penilaian kepada harta-harta di kawasan PBT ini telah pun dibuat, dikaji semula dan nilai ini sebenarnya sudah semakin tinggi kerana itu cukai yang dikenakan telah menjadi tinggi dan ini telah memberikan bebanan kepada terutamanya golongan-golongan yang di sektor, yang mempunyai rumahlah bukan komersial ye, yang rumah. Jadi apakah kerajaan negeri akan memberikan pengurangan diskaun kepada mereka. Yang keduanya ialah bila kadar cukai ini tidak dinaikkan adakah janji untuk mengurangkan cukai ini yang terlibat sama tu akan dimansuhkan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Puan Speaker, sebenarnya dalam untuk menaikkan cukai itu ada dua caranya. Satunya kita menaikkan kadar daripada 7 peratus kepada 7.5 peratus, itu kita naik kadar. Yang satu caranya kita tak naikkan kadar tetapi kita menilai memandangkan, menilai semula memandangkan nilai harta itu sudah meningkat dan dah lama pun kita tak lakukannya. Tetapi kalau kita naikkan, kalau kita menilai semula pun memandangkan kenaikan nilai harta pada 5 tahun yang kebelakangan ini agak tinggi maka mungkin apabila penilaian semula dibuat dengan kadar sedia ada pun angka tu akan jauh, akan tinggi melonjak tetapi untuk itu kita boleh memikirkannya sama ada kita turunkan kadarnya dengan harga nilai yang lebih tinggi ataupun kita juga boleh bagi diskaun. Itu akan dipertimbangkan. Tetapi buat setakat ini belum ada lagi, ye, belum ada lagi cuma kita rasa kita boleh bertahan lagi kita bertahan tetapi kita jangan menganggap bahawa kita boleh mengekalkan cukai buat selamalamanya. Sementara itu memang kita mengakui dalam manifesto pilihan raya 2008 ada dijanjikan nak kurang tetapi bila kita memegang semula kita merasai sebenarnya tidak praktikal kalau kita nak bagikan semua. Oleh itu kita memberikan potongan kepada pangsapuri. Sementara itu 5 tahun yang lalu kita tak naik, tak naik pun, walaupun kita dah katakan, ada orang kata kita tidak menepati janji, tak bagi diskaun kepada semua, kita mengaku tetapi itu selepas 5 tahun, itu kita janji pada 2008 tetapi pada 2013 pilihan raya umum kita tak bagi janji lagi dan rakyat telah pun menghakimi perkara itu dalam pilihan raya dan setuju (Dewan bertepuk) dengan kita sebab itu dia memberikan sokongan yang kuat kepada Pakatan Rakyat. Jadi perkara itu sudah selesai, sudah selesai, kalau nak bangkit tak isu-isu lagi sebab rakyat sudah membuat keputusan. Ya, terima kasih.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya nak minta penjelasan, soalan saya yang mengenai, yang rumah-rumah ni, jadi membebankan kepada mereka, tadi dah jawab yang di *flat* tu ada bagi orang kata pengurangan tetapi bagi yang rumah-rumah biasa. Ini kadang rumah-rumah ni rumah yang dimiliki secara orang kata pusaka, jadi dia tidak mampu, dia duduk pun bergantung kepada orang kata subsidi ataupun kebajikan dan sebagainya. Jadi mereka ini tak mampu, golongan ini. Adakah kerajaan juga akan misalnya membuat mereka membuat rayuan ataupun memohon pertimbangan orang kata pengurangan ataupun rebet atau sebagainya.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Kita buat penilaian semula ada dua caranya. Satunya secara umum, kita buat dasar kita menilaikan semula semua harta benda kita dalam kawasan majlis tertentu, itu satu caranya. Satu cara itu kita tak buat, buat masa ini tidak ada keputusan pada dasar untuk semua tetapi apabila ada sesebuah rumah itu katakan, mula-mula dia tanah kosong, dibina rumah sudah tentu nilainya berlainan kita akan menilai semula kalau ataupun rumahnya satu tingkat dia bangunkan jadi dua tingkat ataupun dia membesarkannya memang kita akan menilai semula dan ini adalah bergantung kepada sistem yang ada sekarang di mana kita bergantung kepada nilainya, bergantung kepada keluasannya, berlainan dengan di United Kingdom dia bergantung kepada penduduk, satu rumah berapa penduduk, itulah cukai pintu, mengikut kepala. Kita tidak, kita ikut nilai pasaran, ikut keluasan. Jadi untuk kes seperti yang tak mampu mewarisi pusaka, tak mampu itu kes yang amat kurang bilangan mungkin 0.01%. Jadi kita tak boleh ambil itu sebagai nak minta pertanyaan, apa tu, dasar. Kalau ada sekalipun, kita boleh pertimbangkan kalau ada dikemukakan bukan tidak, tetapi kalau kerajaan tidak setuju, katakan tidak setuju untuk memberikan kelulusan kepada rayuan tersebut maka itu adalah menepati dasar di mana kita kenakan cukai sama kepada yang semua. Jadi kalau dia mampu mewarisi hartanah yang besar sudah tentu dia mampu menanggung cukai pintu kalau tidak dia jualkan itu beli harta yang lebih kecil, itu senang sahaja. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan 153.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK: DATA BANK KAWASAN PENEROKA BANDAR/SETINGGAN**

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah keluasan tanah kerajaan yang diduduki oleh peneroka bandar/setinggalan di seluruh Selangor?
- b) Apakah kategori kawasan tanah tersebut?
- c) Berapakah nilai hasil di segi premium atau hasil cukai yang boleh diuruskan secara optimum?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** *Bismillahir rahmanir rahim.* Puan Speaker, Y.B. Hulu Kelang bertanyakan tentang data bank kawasan peneroka bandar dan kawasan-kawasan yang kita katakan kawasan setinggalan. Mengikut data yang terkini, jadi peneroka ini juga bertambah-tambah. Tapi data yang terkini sejumlah 1,677 ekar tanah kerajaan negeri yang diduduki oleh peneroka. Di Petaling (31 ekar), di Klang (50 ekar), di Gombak (240 ekar), di Hulu Selangor (98 ekar), di Sabak Bernam (tak sampai suku ekar). Jadi maknanya. Tapi di Kuala Selangor (1,153 ekar), di Kuala Langat (50), Hulu Selangor (42) dan di Sepang (12 ekar). 1,677. semua ini kita kategorikan di bawah pertanian.

Kemudian, dia tanya tentang nilai. Kalau pertanian pun kalau di Petaling (31 ekar), dia punya anggaran nilai ialah RM4juta. Di Klang (50 ekar) RM4.3 juta. di Gombak (240 ekar), RM5.2 juta. Hulu Langat (98 ekar), RM4 juta. Di Kuala Selangor (1,153 ekar) tak sampai RM1 juta. Maknanya sebab tanah jauh. Jadi di Sepang (12 ekar) saja RM1.6 juta. Jadi, kalau ditanya kalau kita tukar pula dia jadi perumahan berapa nilainya. Jawapannya ialah RM41 juta. Jadi, ini keadaannya sekarang dan kerajaan mula nak menyelesaikan perkara ini tapi berperingkat-peringkat kerana kita tidak mengamalkan konsep 'Zero Setinggalan'. Tak ada. Jadi, kita selesaikan. Tapi dia boleh duduk di situ dan kita selesaikan penempatan di kawasan-kawasan tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan 154.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(KINRARA)**

**TAJUK: BAS KOMUNITI**

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sejauh manakah usaha kerajaan untuk mengadakan perkhidmatan bas komuniti di kawasan bandar?
- b) Berapa buah bas yang dicadangkan untuk menjayakan program ini?
- c) Berapa peruntukan kewangan yang akan dibelanjakan?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan 154. Kinrara bertanyakan berkaitan dengan bas komuniti. Usaha kerajaan untuk mengadakan perkhidmatan bas komuniti di kawasan bandar adalah dengan memberikan galakan kepada majlis bandar raya dan majlis perbandaran untuk mengenal pasti laluan yang sesuai untuk bas komuniti ini memberikan perkhidmatan. Kriteria pemilihan kawasan ini ialah seperti berikut :-

- (i) Sukar mendapat perkhidmatan awam;
- (ii) Kawasan perumahan yang padat;
- (iii) Tidak mendapat perhatian daripada syarikat bas terlibat;
- (iv) Laluan bas - kawasan tumpuan, kemudahan awam, pusat kesihatan, pejabat kerajaan, pusat bandar dan lain-lain.

Kaedah pelaksanaannya juga masih dalam penelitian sama ada kaedah kontrak ataupun perjanjian antara PBT dengan syarikat pengangkutan bas sedia ada atau kaedah pembelian bas oleh PBT dan dioperasikan oleh PBT. Dua unit bas dicadangkan untuk menjayakan program ini bagi menampung dan melicinkan operasi perkhidmatan bas ini.

Kerajaan negeri Selangor melalui PBT bercadang untuk menyediakan perkhidmatan kenderaan komuniti berupa bas untuk kegunaan orang awam khususnya golongan warga emas, orang kelainan upaya, golongan yang berpendapatan rendah dan kurang kemampuan untuk berurusan di kawasan pentadbiran agensi kerajaan contohnya di MBSA, memperuntukkan kewangan bagi pembelian bas komuniti sebanyak RM500,000 sebagai tambahan kepada bas komuniti sedia ada disumbangkan oleh syarikat korporat pada tahun 2013. Ia adalah antara perkara di bawah Pelan Tindakan 5 Tahun Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kajang? Tidak hadir. Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan nombor 156.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK: AKU JANJI MENTERI BESAR**

156. Aku janji Menteri Besar Selangor ada menyatakan akan memelihara dan melindungi kesucian dan keagungan agama Islam sebagai agama negeri dari diganggu-gugat oleh mana-mana pihak dan turut menghormati hak agama lain diamalkan.

Bertanyakan kepada Y.A.B. Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan kerajaan negeri Selangor untuk memastikan aku janji ini dilaksanakan?
- b) Apakah tindakan yang diambil untuk memastikan kesucian kalimah Allah tidak disalahgunakan?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Speaker, Y.B. Sungai Burong bertanyakan atas tajuk aku janji Menteri Besar. Saya nak bacakan semula tentang apa yang saya nyatakan di dalam belanjawan yang saya bentangkan tempoh hari iaitu aku janji ini merangkumi ikrar, menjunjung prinsip-prinsip Rukun Negara, memelihara dan melindungi kesucian dan keagungan agama Islam sebagai agama rasmi, mempertahankan kedaulatan institusi beraja dan melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab dengan integriti yang tinggi, penuh rasa tanggungjawab, bebas gejala rasuah, amanah, jujur dan ikhlas. Dan sebagai Menteri Besar, saya juga akan memelihara hak dan keistimewaan masyarakat Melayu tanpa menafikan kepentingan sah kaum lain seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri 1959, mendahulukan rakyat selagi ia tidak menjejaskan kestabilan, kemakmuran dan keselamatan negara, memelihara hak baik dengan kerajaan persekutuan dan negeri-negeri dalam persekutuan Malaysia serta memastikan perpaduan antara kaum dengan menitikberatkan semangat muhibah dan kerjasama etnik yang erat.

Apakah tindakan yang diambil untuk memastikan kesucian kalimah Allah tidak disalahgunakan? Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan telah membuat kenyataan yang kalimah Allah bagi negeri Selangor adalah hak orang Islam. Itu saja. Jadi, saya rasa atas dasar itu tak perlu kita pertikaikan dan juga tidak payah diperbincangkan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Soalan tambahan. Saya mengucapkan penghargaan terima kasih atas komitmen Y.A.B. Menteri Besar untuk mempertahankan dan melindungi kesucian agama Islam dan juga menghormati hak-hak agama lain di negeri Selangor. Soalan saya ialah kerana baru-baru ini ada cadangan supaya tentang isu kalimah Allah ini cadangan supaya dipinda undang-undang di negeri Selangor ini. Cadangan ini dibangkitkan oleh pihak pembangkang juga daripada Pakatan Rakyat supaya dipinda undang-undang negeri Selangor itu untuk membolehkan supaya kalimah Allah ini digunakan juga oleh selain agama Islam. Jadi, apakah pendirian Yang Amat Berhormat tentang perkara ini? Adakah kita mesti mempertahankan juga? Sebab ini adalah, (pertama) titah Duli Yang Maha Mulia Sultan yang telah pun jelas maksudnya, (yang kedua) ada juga kumpulan-kumpulan yang ingin atas nama kesamarataan dan juga untuk hak kebebasan ini telah cuba meminta menekan kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri bagi

**TUAN SPEAKER:** Ringkaskan soalan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Bagi menghapuskan enakmen-enakmen yang berkaitan dengan apa ini jenayah seperti yang telah dituntut oleh golongan Komango ini. Apa pendirian Y.A.B. Menteri Besar? Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Speaker, tiada cadangan ataupun usaha untuk membentangkan pindaan-pindaan mengenai perkara tersebut di dalam Dewan.

**TUAN SPEAKER:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Puan Pengerusi, yang soalan saya yang keduanya tak jawab lagi. Komango ini.

**TUAN SPEAKER:** Komango tak berkaitan dengan soalan aku janji Menteri Besar. Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih Puan Speaker, soalan 157.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD**

(IJOK)

**TAJUK: HAIWAN LIAR**

157. Kawasan desa seperti Ijok menghadapi masalah keganasan haiwan liar seperti monyet yang merosakkan tanaman serta mencerobohi kediaman penduduk kampung.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah / tindakan Jabatan Haiwan Negeri untuk membendung masalah ini?

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih Puan Speaker dan terima kasih kepada Ijok. Ijok ingin kepastian berkaitan dengan langkah-langkah bagi tindakan Jabatan Haiwan Negeri untuk membendung masalah pencerobohan haiwan liar seperti monyet terhadap kediaman dan juga tanaman masyarakat kampung. Sebagai jawapannya, kerajaan negeri dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara atau PERHILITAN Negeri Selangor telah mengambil tindakan seperti berikut :-

- (i) Aduan diterima melalui beberapa saluran seperti e-mail, telefon dan e-Aduan;
- (ii) Merekodkan maklumat pengadu seperti lokasi kejadian, nama pengadu, alamat pengadu, nombor telefon, maklumat spesies atau konflik dan masalah yang dihadapi;
- (iii) Maklumat aduan akan disalurkan kepada Pejabat PERHILITAN Daerah yang berkenaan untuk diambil tindakan.;
- (iv) Pejabat PERHILITAN Daerah akan mengambil tindakan ke atas aduan dalam masa 3 hari bekerja; dan
- (v) Tindakan selanjutnya adalah sama ada memasang perangkap, tembak mati atau sebagainya.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Silakan.

**TUAN SPEAKER:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Kaedah ataupun cara-cara yang ada, Ijok dapati tak memuaskan dan banyak masalah masih ketara. Misalnya, cara yang memasang sarang yang besar. Ijok dapati bahawa monyet-monyet sekarang dah pandai. Mereka boleh keluar dari sarang-sarang yang ada. Inilah aduan penduduk di Ijok. Apa cara baru ataupun kaedah baru dalam rancangan negeri untuk mengatasi masalah ini?

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih kepada Ijok. Memang kita menyedari bahawa ada beberapa tindakan-tindakan yang dilakukan ini tidak masih belum lagi mencapai kepada fokus untuk menghalau ataupun sehingga kepada binatang-binatang liar ini tidak membolehkan binatang ini tidak datang. Maka, memang kita dapati bahawa binatang masih lagi walaupun usaha-usaha telah dibuat. Namun, pihak PERHILITAN saya percaya dan yakin bahawa akan terus untuk mengkaji bagaimanakah tindakan seterusnya sebab yang terbaru saya difahamkan bahawa PERHILITAN telah mencipta satu bom suara tanpa peluru daripada gas untuk menghalau binatang. Dan kita akan tengok dari segi keberkesanannya dan kalau ianya boleh digunakan untuk menghalau untuk digunakan, maka akan digunakan. Ada beberapa tempat lagi saya tengok, saya pergi melawat ada pihak pengusaha ladang ini dia memasang (dengan usaha sendiri) dia pasang *sound system* di ladang mereka, kadang dia pasang mengaji kadang dia pasang. Jadi, dengan bunyi bising ada kesan juga. Di kata bahawa binatang tak berapa kurang daripada menghampiri tempat-tempat itu. Jadi, itu pun kita akan kajilah mungkin binatang ini pun dia minat juga mengaji ni. Terima kasih.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya?

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya sebenarnya tak puas hati cara kita menangani ni (makhluk perosak terutamanya monyet ini). Sebenarnya ada banyak cara-cara untuk (apa orang kata) kajian habitat dan mengawal habitat ini supaya dia dikawal bilangannya di dalam ini. Perkara ini sekarang ini dah teknologi kajian-kajian yang maju telah ada perkara ini. Tapi saya ingat fokus ini. Saya, soalan

saya ini mengapa kita tak berikan fokus? Sebab ancaman daripada ini telah menjejaskan bukan saja tanaman, tetapi kadang-kadang dia merosakkan harta benda.

**TUAN SPEAKER:** Soalannya?

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Soalannya tadi tu la. Jadi, fokus (apa ini) apakah tak diberikan keutamaan untuk memastikan bahawa kita ini tak naklah daripada dulu sampai sekarang ni cerita dok monyet-monyet ini menyerang rumah-rumah di kawasan ini. Sebab dia bukan saja sekarang ni melibatkan tanaman, tetapi juga melibatkan harta benda, rumah, bumbung-bumbung rumah tercabut. Dia masuk dalam, belakang rumah, di dapur-dapur rumah. Ini benar. Saya bila pergi Kuala Selangor (contohnya) di Bukit Melawati itu, kawasan perumahan itu terpaksa (dorang kata) jadi kurunglah. Macam penjara pula untuk mengawal daripada ancaman monyet-monyet ini. Sekian, terima kasih.

**Y.B TUAN SALEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih kepada Sungai Burong. Bukan sahaja Kuala Selangor bahkan rumah saya sama juga Yang Berhormat Sungai Burong dan saya juga berkeinginan untuk menghantar satu surat kepada PERHILITAN ini supaya memfokuskan perkara ini sebab masalahnya bukan masalah Selangor tetapi masalah yang berlaku di mana-mana pun, di Perak pun sama juga masalahnya. Dan banyak tempat, jadi masalah apabila tempat habitat mereka itu semakin, semakin berkurang maka sebab itu dia sudah masuk ke kawasan-kawasan ini dan saya minta satu perbincangan yang memfokus cara bagaimana nak mengatasi ini boleh dilakukan kerana dia di bawah tanggungjawab PERHILITAN sendiri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah Ahli yang Berhormat semua, Saya mempersilakan Setiausaha untuk urusan seterusnya memandangkan jam sudah menunjukkan pukul 11.00 pagi.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan mesyuarat seterusnya sambungan usul Peruntukan Pembangunan 2014.

**TUAN SPEAKER:** Saya mempersilakan pihak kerajaan jika ingin menjelaskan apa-apa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABD. SAMAD:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Yang Berhormat ada Yang Berhormat sekalian ada membangkitkan tentang isu Rumah EXCO. Ingin saya memaklumkan di sini bahawa keputusan Mesyuarat EXCO pada 12 Jun 2003 telah mengarahkan supaya EXCO menduduki Rumah EXCO. Jadi ianya tidak dikosongkan. Walau bagaimana pun ingin saya menegaskan di sini pada sepanjang 5 tahun yang lepas Rumah EXCO itu tidak kosong, ia sentiasa digunakan untuk terlampau banyak program. Banyak program diadakan di situ di mana program sama ada program kerajaan atau pun Ahli Majlis atau pun Ahli Dewan Negeri kerap menggunakan Rumah EXCO dan Dewannya untuk program seperti Program Latihan dan program-program yang lain dan ini sebenarnya dapat menjimatkan akan kos daripada kita menggunakan dewan atau menggunakan hotel. Jadi menjawab soalan tersebut ingin saya menjelaskan di sini bahawa Rumah EXCO no. 1 telah diperuntukkan kepada Sabak. No. 2 kepada Cempaka, No. 3 kepada Kota Alam Shah, No. 4 kepada Sementa, No. 5 kepada Sungai Pinang, No. 7 kepada Batu Tiga, No. 8 masih kosong. No. 9 kepada Sijangkang. Dan No. 10 kepada Selat Klang. Ingin saya mengambil akan keputusan atau mengambil kesempatan ini untuk menegaskan bahawa kenapa kita membuat keputusan sedemikian, adalah kita merasakan seperti mana yang Sungai Burong telah membangkitkan bahawa sekiranya rumah itu ditinggal atau didiami ianya akan lebih diurus. Berkenaan dengan Rumah Hantu ya, yang dibangkitkan oleh Sungai Burong, memang ada satu rumah yang bermasalah dan kita sedang berusaha untuk menghalau akan penghuni yang tidak dijemput itu insya Allah. Perkara yang mungkin ditinggalkan oleh Kerajaan yang lepas saya tidak tahu sebab ada perkara-perkara yang tidak diingini berlaku di situ.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Maksudnya ni bukan orang kata, ini memang berhantulah rumah ni. Ada penjelasan tu..

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABD. SAMAD:** Mungkin Sungai Burong tahu sebab ini daripada yang lepas kita cuma mewarisi benda itu. Ada satu rumah yang memang ada masalah kita cuba menghalau perkara itu.

Seterusnya telah dibangkitkan tentang pembangunan semula, Rawang membangkitkan tentang kampung-kampung lama seperti mana seperti Kampung Tradisi China iaitu Kampung Rajah. Memang betul kalau kita nak bangkitkan atau kita nak bangunkan secara "....." adalah dengan izin pembangunan-pembangunan yang kecil sudah tentu ianya akan memakan belanja yang tinggi terutamanya dari segi infrastruktur jadi

bermakna tetapi bagaimana cadangan ini boleh dikemukakan oleh pihak swasta di mana kita gabungkan beberapa kampung-kampung yang usang atau kawasan-kawasan yang usang untuk kita bangunkan menjadi kawasan-kawasan yang lebih bertenaga lagi. Dan tadi dan semalam juga Sri Andalas ada membangkitkan tentang Bukit Beruntung di mana Bukit Beruntung ini perlu dimanfaatkan. Memang betul Bukit Beruntung ini sekarang ini kita lihat terdapat tanda-tanda dan terdapat pembangunan-pembangunan yang melihatkan bahawa Bukit Beruntung itu boleh dibangunkan semula dan ia memang dalam perancangan kerajaan dan seterusnya adalah tentang Bukit Gasing. Ada telah membangkitkan tentang kajian semula Rancangan Struktur Negeri Selangor atau pun RSN 2035. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gasing yang telah membangkitkan perkara tersebut.

Mengenai Kajian Semula Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 Kerajaan Negeri melalui JPBD Negeri Selangor sedang dalam penyediaan Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 atau pun RSN selaras dengan keperluan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 Akta 172 Kajian Semula RSN Selangor 2035 ini apabila diwartakan akan menggantikan RSN Selangor 2020. Kajian Semula RSN Selangor 2035 ini telah dimulakan pada 4 Jun 2012. Beberapa siri bengkel dan mesyuarat teknikal dan mesyuarat pemandu bersama agensi jabatan kerajaan termasuk di negeri-negeri sempadan telah diadakan bagi memastikan penyediaan Kajian RSN 2035 ini menetapi akan keperluan semasa dan yang penting juga ia adalah menyeluruh RSN 2035 ini merupakan Kajian Perancangan Bersepadu yang melibatkan kajian separuh sektor perancangan di antaranya ialah pengangkutan dan lalu lintas, perumahan, guna tanah, fizikal, perniagaan dan perkhidmatan perindustrian, pelancongan, kemudahan masyarakat, pemeliharaan alam sekitar dan pembangunan infrastruktur dan utiliti. Telah dibangkitkan adakan kita dipaksa oleh lebuh raya-lebuh raya kenapa kita tidak sendiri yang merancang akan lebuh raya-lebuh raya akan datang. Ini semua akan kita buat atau kita cadangkan di dalam kajian RSN Selangor 2035 ini. Kajian semula RSN Selangor 2035 ini akan dibuka kepada orang awam dan pihak berkepentingan bagi mendapatkan pandangan maklum balas, cadangan dan bantahan dalam tempoh sebulan dijangkakan pada bulan Mac 2014 selaras dengan keperluan Akta 172 jadi bermakna ini akan dibuka mulai Mac 2014 untuk dengan izin “krutinise” oleh rakyat. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, Tuan Speaker. Saya ucapkan terima kasih kepada Kampung Tunku, Hulu Kelang, Sekinchan, Sri Andalas, Sungai Burong, Kota Anggerik, Kinrara, Batu Caves, Damansara Utama, Rawang, Pandamaran dan Taman Templer yang telah pun membangkitkan isu-isu berkaitan dengan portfolio yang dipertanggungjawabkan kepada saya.

Tuan Speaker, tentang Medan Selera yang tidak diselenggara atau tidak diselenggara dengan baik, PBT yang berkenaan boleh membuat permohonan. Kemukakan permohonan kepada STANDCO sekiranya permohonan itu munasabah maka STANDCO PBT akan meluluskan peruntukan untuk penyelenggaraan Medan Selera tersebut. Walau bagaimana pun pihak penjaja juga harus memahami sebenarnya Medan Selera yang dibina oleh PBT itu adalah dibina, ditanggung oleh hasil daripada rakyat. Jadi apa yang sewa yang dipungut itu subsidi, disubsidikan oleh PBT jadi itu yang setakat yang mampu ditanggung oleh PBT. Sebenarnya gerai-gerai yang disewa di restoran harganya jauh lebih tinggi dan kita tidak boleh menghalang kalau ada penjaja yang berminat untuk berniaga di restoran dengan harga tinggi kerana di situlah kemudahannya berlainan jadi mereka tidak boleh meminta supaya diberikan subsidi terlalu tinggi.

Berkenaan Pulau Ketam ya, peruntukan sebanyak RM408,000.00 yang diberikan kepada pelupusan sisa pepejal di Pulau Ketam. Cadangan kampung Tunku telah kerajaan membina sebuah tenaga loji tenaga sisa di Pulau Ketam. Sesungguhnya ini adalah tidak praktikal memandangkan dengan kapasiti yang memang ini kalau dibina loji tenaga sisa tidak fleksibel. Dan untuk ini Kerajaan negeri telah pun mengambil alih pelupusan sisa pepejal daripada Alam Flora sejak 2012 tetapi bagi pengurusan sisa pepejal di Pulau Ketam dan Sungai Lima ia telah diuruskan sendiri oleh Kerajaan Negeri melalui Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (UPEN). Kos mengurus sisa pepejal di Pulau Ketam dan Sungai Lima menelan belanja sebanyak RM 34,000.00 sebulan dan tidak ada cukai pungut sama Pulau Ketam ataupun Sungai Pinang. Kita menanggung semuanya. Kos tersebut meliputi 2 buah bot pengangkutan iaitu pengangkutan laut dan darat seperti kos sewa bot dan lori termasuk sewa jeti. Ia juga meliputi gaji seramai 15 orang pekerja iaitu 9 orang pekerja di tempatkan di Pulau Ketam dan 4 orang pekerja di Sungai Lima. Manakala 2 orang pekerja ditempatkan di tanah besar bagi membawa sampah ke tapak pelupusan *sanitary* Jeram dengan menggunakan lori. Jadual operasi kerja kutipan sampah di Pulau Ketam dan Sungai Lima dilakukan setiap hari. Setiap hari kekerapannya, setiap hari. Dan mereka tidak payah membayar cukai pintu. Sampah yang dikutip akan dikumpul di tapak pengumpulan sampah sementara. Selepas itu sampah akan diisi ke dalam bot untuk dihantar ke tanah besar kecuali hari Ahad. Purata sebulan sampah yang telah dibawa keluar di Pulau Ketam dan Sungai Lima ialah sebanyak 5 tan sebulan. Jadi dengan 5 tan sebulan ini kalau dibina loji tenaga sisa habanya tidak mencukupi untuk menghasilkan tenaga elektrik. Habanya hanya mungkin cukup untuk nak buat parti *barbeque*. Saya yang mencukupi ya. Dan kemudiannya tanah perkuburan telah pun dijawab pada semalam semasa menjawab soalan daripada Sungai Pelek. Berkenaan dengan penyelenggaraan dewan orang ramai yang dibangkitkan oleh Hulu Selangor Kerajaan Negeri memang sentiasa mengambil berat tentang perkara itu walau pun dengan



peruntukan yang terhad tapi pihak Kerajaan Negeri tapi hak Kerajaan Negeri akan juga memberi perhatian yang cukupnya dan sekiranya ada keperluan, sila kemukakan permohonan kepada pihak PBT atau UPEN untuk diberikan peruntukan yang sewajarnya.

Berkenaan dengan pengagihan peruntukan untuk Tokong dan Kuil yang dicadangkan oleh Sekinchan, supaya dilakukan dengan mekanisme yang sama dengan pengagihan peruntukan untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina tu kita akan kaji buat masa ini belum ada lagi cadangan untuk berbuat demikian kerana keadaan agihan peruntukan RM3 juta kepada Kuil, Tokong, Gereja dan sebagainya termasuk Guada itu keadaannya berlain dengan agihan peruntukan kepada Sekolah Rendah Cina, Tamil dan Sekolah Agama Rakyat. Keadaannya berlainan mungkin tidak praktikal tapi kita kaji.

Berkenaan dengan soalan yang dibangkitkan oleh Sri Andalas, tentang kolam tadahan yang telah pun dicadangkan di Klang dan sebagainya selepas berlakunya banjir pada tahun 2011 dan 2012 itu sesungguhnya ia ada juga permohonan peruntukan daripada Pihak Majlis Perbandaran Klang pada masa itu sebanyak RM50 juta. Tetapi apabila dikehendaki untuk mengemukakan butir-butirnya termasuk BQnya tapi butir-butir itu tidak dikemukakan. Maka adalah kalau mengikut dasar sekarang, kerajaan akan melihat, meneliti butir-butir tersebut sebelum peruntukan diluluskan. Jadi sudah tentu sekiranya ada keperluan dan sekiranya dibekalkan dengan butir-butir permohonan, sudah tentu kerajaan akan memberi perhatian yang serius. Oleh itu saya berharap semua pihak Berkuasa Tempatan juga termasuk jabatan-jabatan berkenaan. JPS, JKR dan sebagainya apabila mengemukakan permohonan khususnya permohonan untuk projek-projek yang memakan belanja yang besar, kemukakan butir-butirnya dalam bentuk seboleh-bolehnya supaya kita dapat memastikan wang yang dibelanjakan itu yang diperuntukkan, tidak dibazirkan.

Sungai Burung membangkitkan soal kesesakan jalan raya dan sebenarnya kerajaan negeri telah mengambil beberapa langkah ya, secara holistik untuk mengatasi masalahnya Tapi yang kalau seperti yang dibangkitkan oleh Sungai Burung bahawa kesesakan lalu lintas itu berlaku semasa *pick hours* itu adalah fenomena seluruh dunia. Kalau hanya *pick hour* sahaja ada kesesakan lalu lintas kita tak risau sangat sebab itu memang sebab semua orang masa itu nak keluar, nak balik pejabat, nak pergi sekolah dan sebagainya, memang *pick hours* berlaku di mana-mana. Tapi yang kita yang kita risau adalah dia berlaku pada bila-bila masa seperti di Kuala Lumpur. Tak kira *pick hours*, tak *pick hours* dia juga tetap juga sesak. Itu lagi tenat masalahnya. Tapi di Selangor kita agak bernasib baik kerana yang berlakunya biasanya hanya pada *pick hours* sahaja. Walau bagaimana pun beberapa langkah telah diambil termasuk

perancangan untuk mengadakan perkhidmatan bas perbandaran di mana telah saya maklumkan kepada dewan ini, lapan kertas kerja telah pun diterima daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan itu kita akan menelitinya untuk memastikan PBT kita mampu dari segi kewangan untuk melaksanakannya dan sekiranya ianya memerlukan peruntukan negeri kita juga akan melihat kemampuan negeri untuk menanggung. Kerana kita seperti yang saya sebutkan berulang kali bahawa kita tidak mengutip cukai yang khusus untuk menanggung perkhidmatan tersebut. Melainkan sekiranya ada pulangan daripada cukai daripada pihak kerajaan pusat maka kita akan dapat melakukannya dalam masa yang lebih singkat lagi dan juga penubuhan Majlis Pengangkutan Awam yang telah pun dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kepada dewan ini yang merupakan satu majlis yang akan melihat secara keseluruhan bagaimana kita merancang untuk sistem pengangkutan pada masa akan datang. Bukan untuk hanya menyelesaikan masalah semasa ini dan juga antaranya adalah kerajaan negeri akan melaksanakan dan telah pun mengarahkan Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa untuk menggubalkan satu dasar umum untuk *Transit Oriented Development* TOD di mana mengikut dasar ini kerajaan akan membenarkan *plot ratio* dan juga *densiti* yang lebih tinggi di kawasan yang dalam lingkungan empat ratus meter daripada terminal ataupun transit untuk pengangkutan awam termasuk MRT, LRT, DRT dalam lingkungan empat ratus meter itu akan dibenarkan *plot ratio* yang lebih tinggi dan *densiti* yang lebih tinggi. Dan ini juga sebenarnya ada juga dapat tentangan. Tapi sekiranya kita tidak mengambil iktibar dan juga mengambil pengalaman dan tidak merujuk kepada pengalaman di pembangunan bandar di luar negara, maka kita akan ketinggalan dan ini tidak seperti TOD ini kita tidak menciptanya kita tidak ini bukan sesuatu yang dicipta oleh kita sebenarnya ianya telah pun lama di laksanakan di Bandaraya- Bandaraya seperti Melbourne, New York, Hong Kong. Jadi kita sebenarnya menggunakan pengalaman orang lain untuk memajukan sistem pengangkutan di dalam negeri kita sendiri ini.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sungai Pinang, Bukit Gasing minta mencelah.

**Y.B. TUAN RAVI A/L RISHYAKARAN:** Tetapi yang bezanya di Melbourne, Hong Kong dan New York sistem transit amat matang, amat berkesan dan amat berleluasa. Di Petaling Jaya, di Shah Alam, di Subang Jaya dan seluruh Selangor masih lagi sistem pengangkutan awam tidak lengkap. Saya mohon TOD yang di mana *plot ratio* yang lebih tinggi di beri tidak dilaksanakan sehingga sistem pengangkutan awam sempurna di seluruh Selangor.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Bila dibangkitkan Bukit Gasing sering dibangkitkan, kita tak ada ini, tak ada ini. Bila kita nak rancang secara holistik dia minta tunggu matang. Bila tak, bila lah kita nak tunggu sampai dia matang. Sebab itu lah kita

perlu satu perancangan. Sebab itulah kita tubuhkan majlis pengangkutan awam. Dapatkan *feed back*, buat lawatan, kita minta pendapat daripada konsultan. Jadi kita kena merancang. Kita tak boleh tunggu sampai matang. Sampai kalau kita tak merancang sudah tentu dia tak matang. Jadi tak boleh kita, kalau tidak bila dia matang nanti, nanti lagi terabur dia tak matang kalau kita tak ada perancangan. Saya juga ambil maklum bahawa Bukit Gasing yang telah pun membangkitkan di dewan ini beberapa kali yang lalu mengatakan kita perlukan PBT, kena merancang. Bila sistem pengangkutan kena merancang pada peringkat kita nak mulakan satu pembangunan. Itulah yang kita, kita nak sediakan. Kita nak sediakan pembangunan, sebab itu kita dah sediakan draf, draf struktur Selangor 2035, merancang, itulah kena merancang. *You cannot wait*. Tak kan kita nak tunggu. Apa nak kita tunggu kalau kita tak merancangnya. Yes. Sila.

**Y.B. TUAN RAVI A/L RISHYAKARAN:** Betul kita perlu merancang. Saya tak minta tunggu untuk merancang. Merancang tu patut bermula sekarang. *Don't hold back on the planning*. Merancang untuk pengangkutan awam yang bagus, merancang untuk pengangkutan awam yang lengkap di mana *you can move from any point to any point in Selangor by public transport* dengan izin. Apabila kita merancang perkara itu dan apabila *public transport* itu di sediakan barulah kita tingkatkan *plot ratio*. Buat masa ini saya rasa tidak *wajar* di tingkatkan *plot ratio* sehingga kita siap merancang sehingga *public transport* tersebut disediakan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Kita merancang, tapi apabila ada pembangunan tertentu memang dalam rancangan kita tapi belum ada yang dah sudi. Unit tertentu dah siap nak lakukannya, unit tertentu belum siap lagi. Kita tak boleh tunggu sampai semua pihak dah siap ah.. Pemaju dah ada pinjaman tunggu nak buat pembangunan dah. Tak boleh kita nak tunggu sampai semua dan siap. Kita tidak mungkin, kita merancang itu kita dah letak bererti kita dah ada peruntukan tanah, dah ada peruntukan kemudahan, peruntukan dah siap dah. Jadi kita tak mungkin tak mampu melakukannya serentak *so we have to let something go first, That its the facts*. Kita tak boleh tunggu sampai penduduk sudah masuk baru kita nak rancang tambahkan densiti. *It's not possible*. Itu bukan merancang. Merancang bererti kita dah lihat apa yang hendak kita buat. Apa yang dapat kita masukkan pada peringkat ini. Apakah yang kita akan masukkan kemudian. Itu kita merancang. adii apabila kita mengambil bantahan kerana oh... keadaan ini bukan belum matang tak dapat kita tunggu dia matang, kita kena matangkan dia kadang-kadang. Kita kena bawa dulu kerana ada keperluan. Keperluan itu dia bukan bergantung kepada satu perkara. Umpamanya perancangan untuk membangunkan, memperluaskan apa tu universiti, Hospital Universiti Malaya. Dan mendesak apabila hospital itu menghadapi pesakit sebanyak 1.2 juta setahun dan nak memperjelaskan. Kita kena lihat apa tu faktor itu juga. Jadi dalam perancangan kita

berhati-hati. Tapi apabila kita melangkah kadang-kadang kita belum sesuatu itu belum sampai kita kena buat juga. Jadi itu yang kita hadapi ini, kadang-kadang kita buat keputusan itu kita kena lihat jangka masa panjang macam mana. Kita tak boleh lihat apa yang berlaku dulu. Kita kena rancang apa yang akan kita hendak, apa yang kita hendak pada masa depan. Kita kena rancang sekarang. Tapi apabila kita melakukannya bukan semua ciri-ciri yang kita nak tu ujud pada masa yang sama tapi kita kena lakukan juga.

Berkenaan dengan yang dibangkitkan oleh Kota Anggerik bahawa ICT dikecualikan kolam tadahan. Sebenarnya kita tidak mengecualikannya. Tidak ada pengecualian di peringkat

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker mohon. Saya bertanya kepada EXCO. Pertama yang mana dahulu, kena buat kolam tadahan dahulu atau habiskan pembangunan dahulu. Soalan kedua. Siapa yang bertanggungjawab untuk memastikan ianya dilaksanakan MBSA ataupun JPS. Ketiganya, kalau tak dibuat apa tindakan yang boleh kita buat pada majlis tersebut.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Sememangnya dalam perancangan pembangunan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkuasa. Sebab dia adalah pihak yang memberi kelulusan. Tetapi sebelum kelulusan dibuat sudah tentu pandangan ulasan dari pelbagai jabatan teknikal akan dilihat semula sebelum kelulusan diberikan. Oleh itu, dari segi itu memang sebelum Majlis Perbandaran atau Majlis Bandaraya Shah Alam meluluskan plan tersebut sudah tentu ulasan atau input daripada jabatan teknikal termasuk Jabatan JPS ia akan dimasukkan untuk dipertimbangkan jadi selepas itu baru diberi apa ni kelulusan kepada ICT. Dalam hal ini saya telah pun dimaklumkan tidak ada pengecualian diberikan dan sekiranya berlaku ia tidak membina sudah tentu kita ambil tindakan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya tak mahu berdolak-dalik. Saya merujuk kepada kedua jabatan. Ulasan daripada JPS betul. Penguatkuasaan daripada MBSA. Tapi MBSA kata dia tidak ada kuasa untuk menguatkuasakan. Ini kena dijelaskan dan saya berhubung dengan kedua-dua jabatan semalam. Nampaknya tidak ada kata putus ataupun tak berani nak masuk ICT. Dia rasa dia *immune* sangat.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Saya bukan yang suka berdolak-dalik. Bagi saya *straight forward*. Ada tu ada, tak da tu ada. Tak da tu tak ada, ada tu ada. Itu senang je. Kalau dah ada dapat kelulusan daripada MBSA, MBSA kata, JPS kata kolam tadahan kena dibuat, masukkan syarat kena dibuat. Kalau tidak dibuat kita ambil tindakan. Jadi tidak ada soal MBSA tak berani masuk ICT. Saya belum terima laporan

bahawa MBSA tak berani masuk ke ICT. Kita kerajaan kenapa kita takut nak masuk ke tapak ICT. Kalau sekiranya benar, saya nak kalau benar, kalau tunjukkan bukti, kalau benar kita akan ambil tindakan. Kalau Dato' Bandar tak berani masuk, saya masuk. Kalau pegawai kita tak boleh masuk, saya masuk. Tapi saya, saya minta kalau ada tuduhan yang seperti ini bagilah yang konkrit. Saya rasa tidak adil ya, kalau katakan ada kesilapan di mana-mana kita kena mengaku. Kalau saya katakan memberikan kenyataan yang tidak benar di dewan ini saya akan memohon maaf. Senang. Tapi bagi saya laporan yang saya terima adalah tidak ada pengecualian diberikan kepada ICT setakat ini yang saya terima. Jadi tidak ada soal kalau Yang Berhormat ada bukti bahawa sebenarnya ada pengecualian, sila kemukakan kepada saya dan saya akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Bagi Kerajaan Negeri Selangor kita melainkan ada keadaan yang luar biasa kita akan pastikan jabatan kita khususnya di bawah PBT kena pastikan semua prosedur, semua peraturan hendaklah dipatuhi melainkan ada keadaan yang luar biasa dan itu pun perlu mendapat keputusan daripada EXCO sebelum ia boleh dibenarkan. Dan saya buat masa ini saya belum ada lagi, belum ada lagi maklumat bahawa ICT diberi pengecualian.

Berkenaan dengan Kinrara. Ya memang apa tu, Kinrara memohon supaya lebih peruntukan untuk CCTV. Buat masa ini kita dah belanja banyak. Dah dua tiga kali saya bangkit dewan ini, apa yang kita boleh belanja untuk pemasangan kamera CCTV lebih banyak daripada yang dilakukan oleh Kementerian Perumahan di seluruh negara. Kita di Selangor bilangan kamera CCTV lebih banyak dipasang oleh Kementerian Perumahan di seluruh negara. Kalau nak minta lagi kita beri, tapi kita kena tanggung lagi, kita kena belanja lagi. Buat masa ini 414 kamera yang dipasang itu beroperasi dengan baik. Tapi buat masa ini ada lagi 29 yang belum dapat beroperasi. Bukan kerana kita tak bayar. Sebabnya adalah tenaga elektrik belum dapat masuk lagi. Ha.. itu menjadi kekangan. Kalau tenaga TNB itu di bawah Kerajaan Negeri Selangor itu tiada masalah. Masalahnya dia di bawah kerajaan pusat ya. Walaupun ia sebagai korporat tapi kita tidak berkuasa ke atas nya hanya kerajaan pusat. Jadi itu yang kita nak pastikan bahawa yang 414 ini dioperasikan dengan baik lepas itu kita akan masuk ke peringkat yang kemudiannya.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Minta mencelah.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih. Saya ingin nak tanya Y.B. Sungai Pinang bahawa bagi pemasangan CCTV memang saya merasa kerajaan Negeri Selangor telah menambah baik usahanya untuk memasang atau memastikan CCTV ini berfungsi dengan baik. Akan tetapi di MPAJ kerajaan Selangor belum memasang

CCTV atau mempunyai peruntukan untuk memasang CCTV di sekitar kawasan di bawah penyelenggaraan MPAJ yang mana di MPAJ kita ada 27 anggota untuk membuat rondaan yang merupakan bilangan anggota yang tertinggi kalau dibandingkan dengan kerajaan tempatan yang lain di Negeri Selangor. Jadi saya minta penjelasan atau cadangan bagi Yang Berhormat Sungai Pinang atas perkara tersebut. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Sebenarnya Ampang Jaya telah pun memasang CCTV sebelum apa ni kerajaan membuat keputusan. Oleh itu peruntukan kita menumpu kepada kawasan di luar Ampang Jaya. Walau bagaimana pun sekiranya ada perlu boleh kemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri sudah tentu kalau dengan peruntukan yang mencukupi kita akan melakukannya kerana ini adalah untuk menjamin keselamatan rakyat ini. Bila itu yang itu adalah sebabnya kenapa walau pun itu bukan di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri tetapi Kerajaan Negeri juga sanggup membiayai segala perbelanjaan untuk memasang kamera CCTV ini. Berkenaan dengan persimpangan antara Persiaran Kewajipan dan Persiaran Murni. Saya rasa naik tarafnya mungkin kena rujuk pada Majlis Subang Jaya kerana saya percaya itu adalah di bawah penyeliaan Majlis Perbandaran Subang Jaya dan walau memang kita setuju pembinaan infra seboleh-bolehnya dibuat sebelum ataupun serentak dengan pembangunan yang di buat, tapi kadang-kadang juga disebabkan kekangan tertentu, maka terpaksa dibuat. Tapi untuk infra yang asas memang disyaratkan hendaklah di buat dahulu sebelum pembangunan di majukan. Tapi infra seperti lebuh raya mungkin tidak dapat dibuat sebelum pembangunan kerana ia melibatkan kos yang berlainan, melibatkan jabatan yang berlainan ya, Kalau nak buat lebuh raya itu bukan di bawah bidang kuasa pihak Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri hanya boleh dalam masa perancangan itu menyediakan tanah rizab untuk membina lebuh raya. Tetapi kita tidak boleh melakukannya melainkan pertama ada peruntukan. Keduanya ada kelulusan daripada jabatan-jabatan di bawah Kerajaan Persekutuan termasuk LLM. Jadi itu adalah kekangan yang dihadapi dalam keadaan ini.

Berkenaan dengan isu Rumah Ibadat Bukan Islam yang dibangkitkan oleh Batu Caves, memang kerajaan negeri memberi perhatian kepada Rumah Ibadat Selain Islam tapi sekiranya kita hanya meletakkan syarat bahawa yang lebih seratus (100) tahun itu harus diberi perhatian kita kena lihat pada hakikatnya juga, sebab apabila kita melihat kepada dakwaan bahawa tokong tertentu, kuil tertentu mempunyai sejarah lebih seratus (100) tahun, ia kita mengakui mungkin sejarahnya melebihi seratus (100) tahun tapi struktur yang adanya tidak lagi bernilai dia struktur yang ada tu struktur baru dalam seratus (100) tahun tu dah beberapa kali dia buat pengubah suaian struktur yang ada adalah struktur sepuluh (10) tahun yang lalu, dia tidak bernilai dari segi sejarah, tidak boleh dijadikan sebagai pusaka oleh sebab itu apabila kita menceritakan seratus (100)

tahun itu kita nak tanya seratus (100) tahun dari sejarah ataupun seratus (100) tahun disebabkan bangunannya dah seratus (100) tahun, itu ada perbezaannya.

Jadi kalau kita hanya menceritakan secara umum maka dia mengelirukan dan sekiranya kalau kita nak lihat sebenarnya banyak kuil, banyak tokong memang sejarahnya seratus (100) tahun, tapi dari segi *architecture* nya nilai pusakanya dia tidak ada itu kita kena beza kan secara profesional.

**YB. DATO' TENG CHANG KHIM:** Damansara Utama.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya nak minta penjelasan.

**YB. DATO' TENG CHANG KHIM :** Ya, sila.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Puan Speaker, berkaitan dengan penjelasan EXCO itu dengan rumah ibadat yang takrifan seratus (100) tahun dan sebagainya tapi saya dalam perbahasan kita meminta bagaimana dengan peruntukkan yang tiga juga RM3,000,000) setahun boleh ditambah hingga enam juta (6,000,000) seperti yang Ahli-ahli minta dalam perbahasan tersebut. Sekian, terima kasih.

**YB. DATO' TENG CHANG KHIM:** Itu saya akan bawa kepada Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor (MMKN), ha sesungguhnya bagi saya satu perkara yang baik sebab sekarang ini permohonan yang ditujukan ke pejabat saya memang melebihi tiga juta ringgit (RM3,000,000) jadi sudah tentu kalau ada peruntukan dalam keadaan kemampuan kita akan memberikan. Kerana walaupun enam juta (6,000,000) sekalipun adalah angka yang agak rendah, tapi kita kena pastikan bahawa pengagihan itu adil, pengagihan itu ada mekanisma yang lebih adil di mana tokong-tokong ataupun rumah ibadat yang lain diberi peruntukkan mengikut keperluan yang sebenarnya.

**YB. DATO' TENG CHANG KHIM :** Puan Speaker, berkenaan yang dibangkitkan oleh Damansara Utama, bahawa dalam peruntukkan yang sedia ada ini di muka surat 61, di mana ada pengurangan sebanyak 7.5 juta ini sebahagian besarnya lebih kurang ada 6 juta yang diperuntukkan di tahun yang lepas adalah untuk CCTV, tapi kita tidak memperuntukkan 6 juta untuk CCTV untuk tahun 2014 maka dipindahkan sebab itulah yang lebih rendah.

Kemudian dari segi keselamatan, kerajaan negeri hanya boleh membantu kerana walaupun kita berusaha usaha yang dilakukan oleh Majlis Bandar raya Petaling Jaya dan Majlis Bandar raya Shah Alam memang kita dah buat permohonan, mereka mampu untuk menubuhkan pasukan polis bantuan tapi tidak diluluskan, itu yang menjadi

kekangan kepada kita sebenarnya saya amat sakit hati pada dua (2) hari yang lalu apabila saya membaca iklan ia iklan daripada *Public Bank* mempelawa orang ramai untuk memohon jawatan sebagai polis bantuan untuk *Public Bank*, bank dibenarkan SUNWAY dibenarkan tapi kerajaan tidak dibenarkan. Ha itulah saya mohon mungkin rakan-rakan kita di sebelah sana bisiklah dengan Menteri kita ini adalah untuk keselamatan, ya Ahli Parlimen tak boleh bisik, Ahli Parlimen kena berucap, berucap itu ia kena semangat emosi kadang-kadang dia tak diterima.

**YB. TUAN LAU WENG SAN:** Bisik-bisik sahaja boleh, bisik sahaja bukan bahas, terima kasih Yang Berhormat Sungai Pinang, terima kasih Puan Speaker, saya ingin bertanya sama ada mungkin ke kerajaan mempertimbangkan satu cara yang berbeza, cara yang berlainan sedikit iaitu kerajaan meminta persatuan penduduk atau persatuan peniaga khususnya sekarang ini masalah jenayah ini berlaku di kawasan-kawasan komersial kawasan-kawasan yang ada kedai dan kedai makan dan sebagainya mereka menubuhkan satu persatuan peniaga (*business association*) dan mereka buat polis bantuan di kawasan mereka dan sebagai kerajaan negeri kita boleh memberikan sedikit sebanyak peruntukan sama ada ini mungkin tidak sebab saya rasa *they no have to think somewhere up to this matter (kurang jelas)* jadi minta pendapat daripada EXCO.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Kalau persatuan penduduk persatuan peniaga kalau dia tubuhkan pasukan polis bantuan boleh dibenarkan lagi malu kerajaan negeri, lagi malu kerajaan tempatan kita kerajaan tak boleh buat tapi persatuan boleh buat saya rasa pun kita kena adil dengan kerajaan persekutuan saya rasa mereka tak akan buat setakat itu sampai itu dia nak buat tidak lah, kalau tidak dia dilihat sebagai menindas, saya tidak ada sangka jahat terhadap Kerajaan Pusat saya rasa tak akan buat sampai tahap itulah tapi saya minta la ha..sila...sila...

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Saya minta penjelasan sedikit Puan Speaker, saya balik ke belakang mengenai CCTV lah saya nak tanya sikit kepada pihak kerajaan sama ada kita dah buat perbelanjaan yang agak besar, PBT dan sebagainya belanja untuk tujuan keselamatan CCTV apakah? ada satu bentuk kajian ataupun penemuan statistik dengan pemasangan CCTV yang kita telah buat perbelanjaan ini dapat mengurangkan kadar jenayah dan sebagainya supaya apa yang dibelanjakan itu mempunyai *value for money* lah yang kita belanjakan dan pengurangan dapat diturunkan dan sebagainya sama ada statistik melalui pihak keselamatan polis dan sebagainya jadi ini akan memudahkan perancangan-perancangan di masa yang akan datang.



**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Apabila saya melawat ke Majlis Perbandaran Subang Jaya, saya telah pun diberi taklimat bahawa selepas pemasangan kamera CCTV kawasan-kawasan *hot spots*, kawasan-kawasan perniagaan itu menurut perangkaan daripada pihak polis kadar jenayah turun sebanyak 30%, itu yang saya perolehi daripada Subang Jaya dan ramai yang tidak tahu sebenarnya CCTV yang kita pasang itu bukan sahaja disambungkan ke Majlis Perbandaran kita tetapi juga disambungkan ke Balai Polis yang berdekatan.

Jadi di Balai Polis kita semuanya ada kelengkapan dipasang CCTV mereka hanya pasang TV dapat apa yang dirakam daripada CCTV yang dipasang oleh Kerajaan Negeri Selangor dan saya dimaklumkan juga bahawa Ketua Polis negara begitu kagum dengan itu dan juga nak rasmikan ya TV di balai raya itu mengagumkan sebab tidak ada kerajaan negeri yang lain melakukan atau mampu melakukannya. Kita nak pertingkatkan ini lagi dan juga apa ni soal yang dibangkitkan tu, CCTV ini kita akan pertingkatkan lagi tapi seperti yang saya sebutkan tadi kita nak pastikan semua beroperasi dengan baik sebelum kita melangkah ke peringkat atau fasa yang kemudiannya.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Mohon penjelasan. Saya Taman Medan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Sila..sila..

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Yang Berhormat EXCO adakah? CCTV ini hanya tumpuannya di kawasan-kawasan komersial ataupun tempat-tempat di pilih mengikut statistik jenayah yang berlaku di pihak PDRM, sebab bukan sahaja jenayah yang berlaku di kawasan perniagaan tetapi juga di taman-taman perumahan juga berlaku pecah rumah dan sebagainya. Mohon penjelasan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Kita lihat pada keutamaan dahulu, sebab yang banyak berlaku ini jenayah ini adalah di kawasan-kawasan yang *hot sport*, jadi mereka memasang kawasan *hot sport* di kawasan yang kesesakan lalu lintas itu lebih serius. CCTV ini bukan dipasang hanya untuk menjaga keselamatan tetapi juga membantu untuk mengawal kesesakan lalu lintas jadi dia mempunyai fungsi yang *multiple* fungsi, sebab itu buat masa ini setakat yang kita mampu kita pasang 414 yang paling banyak umpamanya di Majlis Bandar raya Petaling Jaya ada 60 jadi kita kena ikut keutamaan.

Jadi sebab itu kita masih belum lagi mampu untuk memasangnya di kawasan apa ni perumahan, bila kita fikir mampu kita akan lakukan dan pada masa itu kita juga menggalakkan dan saya nak rujuk sebenarnya kepada laporan akhbar hari ini yang

menyatakan bahawa saya akan mengadakan perjumpaan dengan bank dan persatuan perniagaan itu juga tidak tepat, sebenarnya saya telah pun mengadakan perjumpaan dengan pihak bank dan juga pihak perniagaan dan pihak bank memang bersetuju dan pihak perniagaan mungkin melibatkan kos mungkin ambil masa sedikit, tujuannya adalah supaya kalau peniaga juga bekerjasama mereka memasanginya dengan kos sebenarnya tak tinggi dalam lingkungan 2,000 hingga 3,000 dah dapat pasang kamera di luar premis, jadi itu akan menjadikan diseluruh pelosok kawasan perniagaan kita ada CC kamera jadi sudah tentu dia berkesan kerana di negara-negara yang lain dah terbukti berkesan. Kalau tak dapat cegah pun kita dapat mengesan penjenayah dalam masa yang singkat kerana adanya CCTV di semua penjuru di kawasan perniagaan ini.

Damansara Utama juga bertanya kenapa? diperlukan tiga puluh juta (30,000,000). Tiga puluh juta itu adalah untuk pengambilan balik tanah untuk tanah perkuburan jadi itu adalah sebahagian daripada peruntukan yang diberikan, dan juga

Kampung Tunku tadi saya terlepas soalan ini, adakah? kita bersetuju kalau persatuan peniaga atau penjaja menubuhkan, jadi ada beberapa masalah pertamanya, memerlukan kewangan juga yang keduanya bila kita bergantung kepada *volenturerism* mungkin kita ada masalah untuk memantapkan kerja rondaan ini oleh polis bantuan ini jadi itu memerlukan sebenarnya institusi kerajaan ataupun institusi korporat yang besar di mana kewangannya mantap dan juga tenaga kerjanya mantap jadi idea itu boleh dikaji tapi buat masa ini kita belum melihat kepada perkara itu kerana dia melibatkan faktor yang negatif ya.

Ha tentang Rawang ya, pengalihan dewan orang ramai, jadi pendirian kerajaan negeri adalah jelas bahawa sekiranya tanah itu tanah kerajaan maka kita akan mengambil balik cuma mungkin sebelum ini cara yang kita gunakan itu ada mungkin lembut maka orang yang tidak mematuhi undang-undang dia berleluasa sedikit, tetapi bagi saya ini sekiranya ada bukti bahawa dewan orang ramai itu dibina di atas tanah kerajaan negeri maka kita harus mengambil balik dengan apa cara sekalipun yang akhir sekali kita pergi ke Mahkamah untuk mendapat harta kita.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH:** Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya Bangi.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH:** Terima kasih Puan Speaker, terima EXCO, mohon sedikit penjelasan mengenai pengambilan balik tanah ini, ada beberapa kawasan yang dibangunkan lama yang menentukan beberapa posisi Dewan Orang Ramai kawasan lapang pasar sebagainya dan pada hari ini dilihat dan dinilai oleh

masyarakat setempat ini masyarakat sahaja bahawa dia tak sesuai untuk maksud itu contohnya untuk pasar basah memang tak sesuai lagilah, dan kedudukan kilang tak sesuai sedangkan yang sesuai adalah berada di tapak yang lain yang dikatakan tapak padang awam. Apa? pendirian negeri untuk kita menukar status tapak-tapak ini untuk maksud kegunaan yang sama untuk *public*. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima kasih Yang Berhormat Bangi, itu tidak menjadi masalah kerana dalam Perancangan Bandar selalu kita pinda juga kawasan zonnya kita pinda kerana perkembangannya menyebabkan kita terpaksa membuat perubahan, jadi bagi saya tidak ada masalah dan prosesnya termasuk juga pengambilalihan Dewan Orang Ramai kita prosesnya kita mulakan dengan rundingan dahulu dan sekiranya rundingan itu tidak berhasil maka kalau perlu kita pergi ke mahkamah maka kita pergi ke mahkamah kerana itu adalah tanah kerajaan negeri itulah hak rakyat kita perlu mengambil alih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya nak mohon penjelasan sedikit.

**TUAN SPEAKER:** Ya Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Sebab kalau semalam ikut penjelasan salah seorang wakil peguam dia katakan yang keputusan itu cuma cara macam mana kita nak ambil alih jadi ada tak? pihak kerajaan negeri akan bertindak drastik sebab saya nampak ada beberapa tempat pihak penguat kuasa pergi potong itu dia punya grill sahaja lepas itu ambil alih terus, tapi mungkin ada tempat yang saya nampak dengan cara ini dia memang ada pergeseran jadi ada tak? Kita ada satu *standard* punya cara dan kita setkan satu *time frame* supaya semua ini diambil alih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Cara yang paling selamat adalah kita pergi ke Mahkamah, dapatkan perintah Mahkamah. Bagi saya itu tak ada, sebenarnya itu yang paling cara yang paling selamat dan cara yang paling teratur. Tak semestinya dia makan masa yang lama. Saya kira dalam kebanyakan kes tak perlu kita menggunakan apa tu cara *reed* ya. Apa tu... yang apa peguam tentu faham apa yang sebut *reed*. *Reed* tu mungkin ambil masa yang panjang tapi kalau kita boleh pergi dengan saman pemula mungkin boleh-boleh dapat dengan cepat khususnya kalau kita, kalau ada kes yang di mana kita boleh anggapnya sebagai apa tu.. sebagai setingan mungkin dalam masa yang tersingkat kita boleh ambil order 89 jadi kemungkinan jadi mungkin pada masa kita nak buat dahulu proses undang-undang itu tidak dilihat maka kita menganggap bahawa kita boleh ambil tindakan dengan hanya memotong kunci, mangga dan sebagainya. Ya, kita boleh menetapkan satu SOP untuk semua tidak ada masalah. Terima kasih. dan yang dibangkitkan oleh Pandamaran tentang

pembangunan, perancangan pembangunan kampung baru Cina, GNG harus diambil kira jadi sebenarnya di kebanyakan di kampung baru khususnya dalam Selangor ini soal perancangan pembangunan tu tidak ada. Kebanyakannya adalah pembangunan infrastruktur yang sedia ada. Kita menaik taraf jadi sukar untuk mengambil kira soal nak pasang benarkan *gated guard and guarded* tapi kalau dengan persetujuan daripada pemilik tanah di dalam kampung baru itu bahawa mereka hendak membangunkan semula dengan perancangan yang baru mungkin kita boleh ambil kira dan itu juga sebenarnya terpulang kepada mereka mengikut permohonan yang mereka perolehi kerana sekarang ni kawasan kediaman GNG ini dengan izin adalah atas permohonan di peringkat perancangan lagi oleh pihak pemaju itu bukan inisiatif daripada Kerajaan kerana itu adalah hartanah persendirian, mereka ada hak untuk membangunkan mengikut cara yang mereka kehendaki dengan syarat mereka mematuhi peruntukan undang-undang.

Ya, Puan Speaker, Taman Templer juga membangkitkan dewan orang ramai memang kalau ada masalah peruntukan, tidak ada masalah sebenarnya kalau perlukan peruntukan buat permohonan tapi tidak semesti permohonan tu semua di lulus cuma kalau ada masalah kewangan boleh kemukakan kita boleh bincang kita ada mesyuarat berkala yang kita bincangkan, dan soal banjir dan

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Mohon penjelasan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, silakan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Berkaitan dengan dewan orang ramai tadi, mungkin Kerajaan Negeri boleh beri peruntukan tetapi tanah ataupun tapak untuk dewan tersebut mungkin kalau di Petaling Jaya sukar untuk mencari tanah milik Kerajaan untuk pembinaan dewan orang ramai hanya yang tinggal adalah dimiliki oleh pemaju ataupun persendirian. Adakah ini dibolehkan, maknanya dimohon peruntukan daripada Kerajaan Negeri untuk pembinaan dewan orang ramai di atas tapak persendirian.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tapak persendirian sekiranya ada apa tu..kebenaran daripada pemilik tanah boleh bincang panggil mesyuaratnya tapi saya rasa tidak ada kemungkinan pemilik tanah persendirian tu sudi untuk membenarkan kita membina dan kita juga tidak menerangkan ada jaminan tertentu kita tidak akan membina menggunakan wang Kerajaan untuk membina bangunan kerajaan di atas tanah persendirian. Memang tidak ada dasar itu pun melainkan pemilik tanah itu sudi untuk menyerah balik tanah itu kepada Kerajaan maka kita boleh pertimbangkan mengikut kemampuan peruntukan yang kita ada.

Puan Speaker, Kuala Kubu Baharu membangkitkan 4% faedah yang dikenakan ke atas PBT kerana membuat pinjaman untuk membaiki cerun. Ya... tidak ada

**Y.B. PUAN LEE KEE HONG:** 4% pinjaman.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Faedah.

**Y.B. PUAN LEE KEE HONG:** Faedah pinjaman untuk membaiki cerun.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Membebankan... ada.

**Y.B. PUAN LEE KEE HONG:** Ohh... yang penjelasan yang Rawang yang membawa meminta penjelasan daripada saya tapi saya kata saya tak nak jawab soalan ni.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ohh.. (ketawa) sebenarnya telah pun ditetapkan oleh Kerajaan Negeri sekiranya terbukti kemudian selepas pinjaman itu digunakan dan terbukti bahawa memang pinjaman itu digunakan sepenuhnya untuk pembaikan cerun maka ada syarat-syarat yang akan ditetapkan sekiranya PBT menepati syarat itu maka pinjaman itu boleh ditukar menjadi geran. Itu adanya. Ya...

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Boleh saya tahu, apakah syarat-syarat yang ditetapkan sebab untuk contoh di Rawang memang pinjaman itu yang untuk baiki cerun telah digunakan sebaiknya oleh Pihak Majlis Perbandaran Selayang. Syarat tu sama ada mereka penuhi untuk dilepaskan daripada kadar 4% tu.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Itu saya perlukan notis.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sungai Pinang, 10 minit lagi.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya. Tak perlu pun. Terima kasih. Ya. Itu 4% yang kita kenakan boleh ditukar ya keseluruhan pinjaman boleh ditukar kepada menjadi geran dengan syarat bahawa mereka memenuhi syarat-syarat akan ditetapkan oleh Kerajaan Negeri tetapi salah satu, itu adalah salah satu sebabnya kenapa Kerajaan Negeri mengenakan 4% apa tu.. faedah ke atas pinjaman itu adalah untuk memastikan setiap sen dalam peruntukan tu digunakan untuk pembaikan cerun dan bukan untuk maksud yang lain selain daripada apa yang dipohon. Yang keduanya, adalah kerana cerun-cerun, banyak cerun-cerun yang menghadapi masalah itu adalah disebabkan oleh keputusan PBT itu sendiri apabila mereka meluluskan perancangan atau meluluskan KM iaitu Kelulusan Merancang mereka telah pun membenarkan pihak

pemaju menyerah balik cerun kepada Kerajaan Negeri, itu yang menyebabkan masalah dalam perancangan mereka, jadi oleh sebab itu, satu dasar telah dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri supaya sekiranya dalam tapak pembangunan itu ada cerun-cerun maka cerun-cerun itu tidak akan Kerajaan Negeri terima. Kita mesyuaratkan apa tu pihak PBT meletakkannya di bawah, di dalam kawasan pembangunan baru supaya yang pemilik akan datang itu dikehendaki untuk memelihara, menyelenggara cerun di dalam kawasan itu. Mereka akan menjadi tuan punya berkongsi.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Ya... ya...saya faham.

**TUAN SPEAKER:** Tunggu... tunggu.. sekejap Yang Berhormat Rawang, Yang Berhormat Sungai Pinang, Yang Berhormat Balakong sudah lama minta mencelah.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ohh.. ya... sila.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih, Tuan Speaker, saya nak minta penjelasan adakah pengecualian 4% ini ataupun geran ini terhad untuk pinjaman bagi kerja-kerja cerun sahaja ataupun untuk infrastruktur yang lain.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Itu yang masalah dihadapi oleh Kerajaan Negeri. PBT mohon untuk cerun bila bagi dia buat tujuan lain. Itu tidak dibenarkan. Syarat ni ketat.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Maksud saya kalau macam permohonan dia untuk menyelesaikan masalah banjir, dia digunakan untuk tujuan yang dia mohon.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Buat masa ini belum ada permohonan seperti itu. Kalau ada boleh dikemukakan, Pihak Kerajaan Negeri agar boleh mempertimbangkannya tapi buat masa ini apa ni permohonan hanya untuk pembaikan cerun jadi itulah salah satu sebabnya Kerajaan Negeri menetapkan untuk masa akan datang cerun-cerun itu tidak akan dikembalikan dan sebelum ini disebabkan PBT meluluskan permohonan pemaju dengan menyerah balik cerun-cerun yang tidak boleh dipakai dan dianggap sebagai tanah lapang. Tanah lapang yang curam sebab pemaju tidak boleh bangunkannya dia serah pada kita jadi tak adil untuk Kerajaan Negeri menanggungnya. Itu salah satu sebabnya kenapa dasar itu dibuat.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya nak mohon penjelasan, Puan Speaker, jadi saya untuk pengurusan cerun ni saya bersetuju memang tiada pemantauan yang ketat. Ambil contoh di Rawang banyak projek sebelum ini yang sebenarnya bukan zaman kita diluluskan zaman sebelum ini tapi tidak dipantau diambil balik dan lepas itu tidak diselia

dengan baik. Itu lah sebabnya pentadbiran sekarang kena tanggung macam kita sekarang semua kena tanggung apa sistem yang ditinggalkan tetapi apa yang kita telah lakukan saya rasa adalah kita pantau dari sekarang dan saya nampak kalau ada inisiatif yang baik yang ditunjukkan oleh PBT sepatutnya kita bertimbang rasa untuk waive kan untuk tidak menambah maksudnya beban mereka dan saya rasa wang yang baik yang tinggal tu boleh digunakan sebaiknya untuk jaga aspek-aspek perkhidmatan PBT kepada orang awam.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya. Yang Berhormat Rawang kasihan kepada PBT ya kena tanggung tapi siapa yang akan kasihan kepada Kerajaan Negeri yang terpaksa menanggung. Yang membuat kesilapan itu adalah PBT tapi yang menanggung pulak Kerajaan Negeri jadi itu antara sebabnya kenapa kita menetapkan dasar yang baru ini.

Ya, Ijok mencadangkan LED apa tu lampu LED... torchlight itu memang boleh dipertimbangkanlah tapi memandangkan kos dari segi capexnya adalah lebih mahal. Memang dari segi penyelenggaraan lebih murah ya, *maintanancenya* lebih murah tapi modalnya mahal jadi belum lagi ya dalam dasar Kerajaan.

Semenyih, ya tentang tapak pelupusan ya yang RDX itu disebabkan pencemaran yang dilakukan ditapak *landfilled* yang sebelum itu terpaksa kita tutup dan kita telah pun menyediakan tapak *landfilled* di Tanjung 12 tetapi pengusaha itu merasakan bahawa kos yang ditanggung tu terlalu berat maka mereka tidak sanggup nak pergi sampai ke Tanjung 12 dan mereka telah sebahagiannya telah pergi ke tapak pelupusan di Labu di Negeri Sembilan. Jadi kita tak dapat membuka, tak de tanah lagi di keliling apa tu loji RDX di apa tu di Semenyih untuk digunakan oleh pengusaha RDX ni. Itu lah masalahnya apabila saya menjawab soalan bagaimana kita nak lupuskan sisa pepejal ini. RDX ini juga mendatangkan masalah kerana dia tidak dapat berjalan ataupun beroperasi dengan efisien di mana sebahagian daripada setinggi, saya kalau tak silap saya sebanyak 30% daripada sampah itu kena pergi ke *landfilled* jugak jadi kita kena mengkaji dari segi itu jugak.

**Y.B. TUAN MOHD. SHAFIE BIN NGAH:** Mohon penjelasan Tuan Speaker,

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Ya, Bangi.

**Y.B. TUAN MOHD. SHAFIE BIN NGAH:** Terima kasih, Puan Speaker. Terima kasih YB. EXCO. Saya ingin menarik semula cadangan yang disebut oleh YB. Semenyih tadi

mengenai bau itu, saya fikir yang sekarang ini adalah di RDX itu bukan di *landfilled* itu. Jadi mohon penjelasan sama ada kita boleh menguruskan pencemaran bau yang sedang berlaku di RDX itu, bukan di *landfilled*, di RDX itu. Terima kasih. Stockfilled dia.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya untuk itu, Majlis Perbandaran Kajang telah pun memperolehi pinjaman RM2 juta daripada Kerajaan Negeri untuk melupuskan *stockfilled* tersebut dan dalam Mesyuarat MTES sebelum ini pada bulan lepas MTES telah dimaklumkan bahawa *stockfilled* itu telah pun dibersihkannya semua.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Adakah itu dikenakan 4% faedah jugak. Minta penjelasan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya. Kalau itu kesilapannya kena tanggunglah, siapa buat kesilapan, kena tanggung.

**Y.B. TUAN MOHD. SHAFIE BIN NGAH:** Bukan YB, itu 4% tu kena caj jugak ke, ke MPKJ.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya.

**Y.B. TUAN MOHD. SHAFIE BIN NGAH:** 2 juta pinjaman itu kena 4% dikenakan juga ke.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Mestilah sebab MPKJ gagal memantaunya dari awal. Bukan Kerajaan Negeri yang memantaunya, bukan Kerajaan Negeri yang suruh ambil RDX. Jadi siapa yang buat kesilapan dia kena tanggung. Siapa jadi YDP, siapa jadi Ahli Majlis semua kena tanggung. (Ketawa).

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Mohon celah

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Sungai Pinang benarkan atau tidak kerana masa dua minit.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Sekejap sahaja.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Ada dua minit lagi.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Memandangkan ada banyak perkara yang berlaku sebelum Kerajaan Pakatan Rakyat menjadi Kerajaan Negeri Selangor jadi boleh kah kami mohon supaya Kerajaan Negeri Selangor bagi garis panduan macam mana kita



nak tukarkan pinjaman serta faedah itu kepada geran secepat mungkin. Jadi kita boleh pantau atau gesa supaya Kerajaan Tempatan serahkan satu *report* yang bagus kepada Kerajaan Negeri sememangnya mereka serius atas pengurusan kewangan masing-masing. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Kita pastikan dia, duit tu belanja dengan betul dulu baru kita kenakan syarat beritahu (ketawa). Kalau tidak dia asyik nak tanya, nak *convert* tapi kerja tak buat nanti berlaku tanah runtuh Kerajaan Negeri pulak disalahkan. Duit dah turun jadi pastikan, jangan mohon ya. Yang Berhormat sekalian yang prihatin dengan pembaikan cerun ini pastikan PBT guna duit tu untuk baiki cerun jangan buat jamuan-jamuan besar yang mewah. Saya tak buat tuduhan, saya suruh jangan aje.. nasihat aje.. (ketawa).

Paya Jaras, bahawa hanya dua PBT yang mesra OKU. Saya dimaklumkan bahawa kesemua 12 PBT tu ada program OKU yang paling cemerlang adalah 3 PBT iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan juga Subang Jaya. Jadi mungkin program untuk OKU tidak begitu sempurna tapi janganlah sampai menuduh bahawa kita tidak mesra kepada OKU memang Kerajaan inilah Kerajaan yang paling apa tu ..mesra kepada OKU sampai kita lantik OKU untuk menjadi Ahli Majlis tapi kita tak semestinya meletakkannya syarat tapi kita dah sampai tahap itu. Saya rasa Kerajaan Negeri Selangor merupakan yang paling mesra kepada OKU sampai stiker *parking* yang percuma pun dibekalkan untuk digunakan di seluruh Selangor. Mana ada Kerajaan seperti ini. (tepuk meja). Ya. Kerajaan Negeri Selangor. Dengan itu, terima kasih, Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Baiklah, Yang Berhormat semua, jam sudah menunjukkan pukul 12.00 tengah hari dengan itu saya tangguhkan sesi penggulungan pihak Kerajaan hingga pukul 2.30 petang hari ini. Dewan ditangguhkan.

**[ Dewan ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari ]**

[ Dewan disambung semula ]

**TUAN SPEAKER** Selamat petang semua. Perbahasan, penggulangan pihak Kerajaan disambung semula. Saya jemput Yang Berhormat Batu 3.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Puan Speaker. Saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa ADUN yang telah pun membangkitkan tentang isu 2 isu besar iaitu tentang isu pembudayaan wanita dan juga berkaitan dengan OKU. Untuk menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Hulu Kelang ya, isu pembudayaan wanita tentang mengatakan bahawa kos peruntukan untuk sediakan pusat wanita berdaya agak membebankan. Eloklah ianya ditukarkan kepada program-program yang melahirkan wanita-wanita yang berkemahiran tertentu. Jadi saya ingin menjawab di sini. Sebenarnya kalau dilihat apa yang di, telah diperuntukkan di bawah bajet pembangunan wanita, di antaranya adalah untuk menyediakan pusat-pusat wanita berdaya ini, kos yang, yang diperuntukkan sebenarnya lebih kepada membaik pulih dan memanfaatkan dewan-dewan yang tidak diguna pakai ataupun pusat-pusat khidmat yang ditambahkan ya program untuk dijadikan salah satu program di bawah pusat khidmat itu adalah pembudayaan wanita. Jadi, baik-baik pulih dewan-dewan ini adalah sama ada ianya milik dewan di bawah pengurusan Pejabat Daerah ataupun dewan Majlis, ianya bekerjasama dengan pihak-pihak Majlis untuk memberikan satu, satu kawasan ataupun satu ruang kepada wanita untuk boleh berhubung jalin dan juga beraktiviti di tempat masing-masing. Jadi kalau diikutkan, apa yang diperuntukkan di bawah pembangunan wanita adalah untuk membantu pusat wanita berdaya melengkapkan dewan-dewan tersebut dengan peralatan yang kita yakin ianya boleh menambah pendapatan, minta maaf. Pada mulanya untuk menambahkan kemahiran kepada wanita, selepas itu, selepas mereka berkemahiran, kita akan membekalkan peralatan-peralatan untuk mereka boleh bekerja dan berdikari bersendirian di tempat masing-masing.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Minta penjelasan.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Ia, silakan.

**TUAN SPEAKER** Ia, Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO, dalam sesi penggal yang lepas, memperbaiki dewan ditanggung oleh peruntukan ADUN, RM20,000.00 lebih. Peralatan ditanggung oleh ADUN dan program-program hingga ke RM30,000.00 ke RM40,000.00 setahun untuk wanita kita keluarkan

peruntukan ADUN. Jadi maknanya kalau, kalau ada bantuan langsung daripada peruntukan EXCO dia akan meringankan dan akan melancarkan lagilah. Adakah, soalan saya, adakah dalam sesi ini peruntukan daripada EXCO akan diturunkan untuk Program PWB? Kepada program.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Ya, Hulu Kelang. Saya belum sampai ke atas jawapan tersebut. Jadi sebenarnya selain daripada itu memang kita lihat, memang ada bantuan secara langsung yang diberikan kepada, kepada semua pusat-pusat wanita berdaya sama ada bantuan berbentuk peralatan ataupun bantuan untuk mengisi aktiviti-aktiviti yang dirancang secara berkala, berstruktur iaitu program-program yang menepati 12 fokus wanita berdaya ataupun program-program yang, yang kita rasakan, kita berikan *empowerment* ataupun pembudayaan kepada wanita itu sendiri untuk melaksanakan program-program. Boleh dikatakan peralatan yang saya sebenarnya telah pun menjawab dengan soalan dan pertanyaan dan kita telah keluarkan hampir RM807,500.00 daripada duit peruntukan EXCO terus kepada pusat-pusat wanita berdaya. Tapi untuk menjawab persoalan daripada ADUN Hulu Kelang, saya tidak mengatakan bahawa ianya wajar dibantu sebabnya peruntukan daripada Yang Berhormat untuk peruntukan dewan negeri tersebut sebenarnya sewajarnya di bawah *Gender Responsive Budget* dengan izin Puan Speaker, ianya sewajarnya diperuntukkan juga program-program untuk membantu aktiviti wanita di kawasan. Selalunya kalau kita bincangkan tentang GRB ini, ianya memperuntukkan 30% juga daripada peruntukan yang ada. Jadi kalau saya, saya *highlight* kan tentang kalau peruntukan ADUN itu RM500 ribu, maknanya RM150 ribu paling kurang diperuntukkan untuk aktiviti wanita dan tidak salah kalau sebahagiannya ataupun separuh daripadanya diberikan melalui memberikan aktiviti bersama di bawah pusat wanita berdaya. Jadi itu yang saya nak nyatakan. Bahawa kalau katakan dari sudut bajet peruntukan, kita sebenarnya *initiate* ataupun memulakan program-program ini supaya satu, mesti ada ya tempat untuk memberikan ruang kepada wanita berkumpul. Selepas itu ianya boleh di bawa ke tempat-tempat selain daripada pusat-pusat wanita berdaya itu sendiri. Boleh dibawa ke taman-taman, di kawasan-kawasan perumahan dan sebagainya tetapi

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Minta penjelasan.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Ya, sila.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Jadi makna tidak ada peruntukan khusus, tidak ada komitmen daripada EXCO untuk peruntukan ADUN, untuk program wanita PWB di DUN masing, DUN kami.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Hulu Kelang, saya dah jawab tadi. Saya kata ada. Maknanya kalau dana di sudut peralatan aje kita dah keluarkan sebanyak RM807,500.00 di mana Hulu Kelang sendiri telah pun mendapat manfaat sebanyak RM17,500.00 dalam bentuk peralatan. Ada, ada catatannya dan di sudut program-program juga, kita ada program-program yang berstruktur yang telah kita belanjakan sebanyak RM387,500.00

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tak, tak, itu yang dah lepas saya bertanya yang akan datang?

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Yang akan datang, *Insyah-Allah*, program yang kita sasarkan itu adalah program yang membawa pendekatan yang sama tetapi tidak lagi di dalam bentuk peralatan tetapi ianya lebih daripada membentuk program-program yang memberikan kefahaman dan kemahiran wanita dalam kebudayaan yang pelbagai, 12 fokus tersebut. Jadi, untuk akan datang kita juga sebenarnya mencadangkan supaya kerajaan negeri mengiktiraf peranan wanita itu dengan memperuntukkan satu bajet yang khusus supaya penyelia-penyelia wanita berdaya juga diberikan satu *allowance* yang tetap supaya mereka boleh mengaktifkan. Tetapi ini dalam, masih dalam bentuk kajian jadi saya tidak boleh mengumumkan tetapi ia tertakluk kepada perbincangan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri nanti untuk sama ada menerima perkara ini sebab kita telah pun memberikan peluang kepada penyelia untuk mempergiatkan pusat wanita berdaya ini dengan memberi *allowance* sebanyak 6 bulan dan kita lihat *Alhamdulillah*. Ya, aktivisme wanita di kawasan masing-masing telah pun dilonjakkan. Jadi untuk itu, saya juga menegaskan tentang bebanan yang disebut oleh Hulu Kelang itu, *InsyahAllah* saya juga faham dan bebanan ini bukan sahaja tertakluk kepada ADUN semata-mata. Sebenarnya Kerajaan Selangor juga terpaksa memikul bebanan ini bila mana tidak ada peruntukan langsung yang diberikan oleh kerajaan pusat melalui kerajaan negeri. Tidak seperti mana Jabatan Kebajikan Masyarakat, walaupun ianya senarai bersama tetapi ada peruntukan yang disalurkan melalui kerajaan negeri tetapi untuk wanita 100% ianya datang daripada kewangan kerajaan negeri. Jadi untuk tahun depan, peruntukan pembangunan sebanyak RM1 juta itu kita akan fokuskan untuk program pembangunan wanita dan kebanyakannya adalah menyalurkan melalui pusat wanita berdaya. Jadi itu tentang jawapan saya kepada Hulu Kelang tetapi saya harapkan pusat wanita berdaya ini akan menjadi satu pusat wanita yang boleh berjaya dan berdaya jika semua ADUN-ADUN dapat memahami aspirasi itu.

Bagi menjawab apa yang ditimbulkan oleh Damansara Utama, Damansara Utama menyatakan tentang kita perlu melihat ya pembangunan wanita ini ataupun kebudayaan wanita ini tidak dalam aspek sosial semata-mata tetapi eloklah ianya

dilihat juga dalam aspek ekonomi. Saya ingin menegaskan kepada Damansara Utama bahawa peruntukan bajet tahun depan sama ada yang dalam buku bajet RM1 juta dan juga apa yang telah dinyatakan oleh Dato' Menteri Besar sebanyak RM30 juta yang akan juga diperuntukkan daripada rizab yang akan kita perlu bentangkan perancangannya dan akan diterima oleh ADUN semua di dalam Dewan Negeri nanti adalah untuk memastikan bahawa ekonomi wanita juga di antara salah satu aspek penting selain daripada sosial dan politik untuk kita pastikan wanita kita berdaya dalam semua aspek. Jadi dalam konteks ekonomi, saya tidak, tidak menolak bahawa dalam pasaran kerja yang ada sekarang ini wanita hanya mengisi, hanya 45%. Jadi untuk melonjakkan perkara tersebut, selalunya kalau kita minta statistik ia hanya melihat kepada statistik daripada Jabatan Buruh dan statistik yang mengambil kira wanita bekerja di sektor formal, ya sektor formal. Sedangkan peranan wanita dalam konteks membangunkan negara ataupun negeri itu adalah secara langsung, adalah bila mana beliau membantu keluarga berpendapatan sama ada beliau bekerja di sektor formal ataupun informal. Jadi sebab itu pusat wanita berdaya selain daripada pusat wanita berdaya, Kerajaan Selangor telah pun membuat beberapa dasar tertentu untuk satu, membantu mereka yang di sektor formal ini supaya ada peningkatan. Contohnya kalau kita tengok apa yang dibicarakan oleh Damansara Utama tentang ramainya wanita yang, yang saya tidak nafikan sekarang ini bukan lagi isu pendidikan. Mereka berada di banyak pusat-pusat pengajian tinggi tetapi akhirnya mana pergi mereka bila mereka tidak dapat masuk dalam sektor formal ini? Tetapi kadang-kadang bukan mereka tidak, tidak diterima tetapi itu ada kadang-kadang pilihan wanita itu sendiri. Ya, pilihan wanita itu sendiri. Jadi bukan tahap pendidikan yang menyebabkan mereka tidak dapat mengisi tetapi wanita tersebut memilih untuk memastikan keutamaan pada ketika itu untuk menjaga keluarga. Jadi di situ mereka memilih untuk bekerja luar daripada pasaran kerja. Jadi di situ saya nak menunjukkan satu, bagi mereka di dalam sektor formal ini, kerajaan telah membuat beberapa dasar iaitu tentang *work place child care* yang telah saya jawab soalan pagi tadi. Yang mana kita memastikan bahawa penjagaan kanak-kanak tempat kerja itu wujud. Ya, apa yang dibuat atas dasar itu kita telah pun melihat tentang keperluan. Jadi kita lihat taska-taska ada yang perlu di tempat kerja, ada yang, yang tidak logik diadakan di tempat kerja. Contohnya dalam perbincangan saya dengan FMM ataupun Persatuan Pekilang-Pekilang Malaysia. Kenapa kita kata tidak adanya pusat penjagaan di kilang-kilang? Satu, jawapan daripada mereka, bukan mereka tidak menyediakan ataupun tidak mahu menyediakan pekerjaan, minta maaf, tidak mahu menyediakan tempat penjagaan tetapi persoalannya, kadang-kadang untuk pergi tempat kerja itu mengambil masa yang lama. Ya, makan masa dengan *traffic jam* dan sebagainya dan juga kawasan industri tersebut ataupun perkilangan tersebut tidak kondusif. Jadi FMM telah bersetuju untuk memberikan satu peruntukan khas kepada di bawah kebajikan wanitanya untuk melaksanakan taska-taska di pusat ataupun di komuniti tersebut. Ya, jadi ada

perbincangan saya nak katakan di sudut dasar, di mana sistem sokongan kepada wanita bekerja, kita telah membuat beberapa perbincangan selain daripada memastikan tempat kerja jabatan kerajaan sendiri, agensi kerajaan telah wujud taska ataupun pusat penjagaan. Kita bincang dengan pihak perkilangan sebab wanita industri kita yang bekerja dalam bidang industri pun ramai. Tetapi kita juga melaksanakan satu program baru iaitu tahun lepas dan *Insyallah* tahun depan kita akan mempertingkatkan iaitu kita memastikan wanita-wanita yang ingin meletakkan anak mereka di pusat-pusat jagaan tidak formal iaitu di rumah diiktiraf sebagai tempat penjagaan yang sah, yang berlesen ya. Makna tak semua orang mampu untuk menghantar anak ke tempat institusi *establish* tetapi di rumah juga boleh *establish* dengan kita memberikan ruang kepada wanita yang selama ini menjadi *baby sitter* dengan izin Puan Pengerusi, Puan Speaker. Kita juga memberikan mereka ruang untuk melesenkan perniagaan tersebut. Jadi, bagi mereka yang tidak bekerja, di sinilah datangnya pusat wanita berdaya ingin memberikan wang kepada wanita untuk menambahkan pendapatan sama ada melalui pusat wanita berdaya ataupun ingin saya bacakan hari ini tentang kejayaan 2 program yang kadang-kadang kita lupa. Ianya juga membantu wanita dalam menambah ekonomi keluarga iaitu salah satunya program Skim Sel yang mana Program Skim Sel dan Mimbar ini satu program mikro kredit yang kita berikan kepada wanita khususnya ya. Ia telah berjaya melahirkan wanita yang berpendapatan RM5,000.00 ke atas seramai 3,062 orang. RM5,000.00 ke atas ni sebulan, bukannya setahun (tepu). Begitu juga mereka yang berjaya mendapat, menambah pendapatan RM1,000.00 hingga RM499.00 adalah seramai 3,880 orang. Jadi kita *keep track* mereka ni semua. Dan untuk Mimbar pula, kita berjaya memberikan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Silakan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Terima kasih Puan Speaker. Saya sebenarnya amat agak menyanjung tinggi usaha-usaha yang dinyatakan oleh Yang Berhormat EXCO untuk memartabatkan wanita khususnya ibu tunggal dan sebagainya. Cuma satu perkara sahaja yang saya rasa perlu dibentangkan di sini ialah kebanyakan program-program yang dilaksanakan oleh PWB melibatkan premis-premis kerajaan seperti dewan orang ramai, balai raya PBT. Dan pernah sekali ada satu program PWB yang hendak dilaksanakan di kawasan saya tidak dapat berjalan kerana dewan orang ramai itu tidak mempunyai kapasiti untuk menampung aktiviti itu. Masalah yang saya rasa boleh *go straight to the point* ialah kekurangan pemasangan kabel 3 fasa. Bekalan elektrik 3 fasa dan untuk memasukkan, untuk melaksanakan program bakeri di tempat itu memerlukan fasiliti ini

dan PBT tidak ada. Jadi saya rasa, kadang kala kelicinan gerak kerja PWB ini bukan bergantung pada kapasiti ataupun peralatan ataupun kemudahan yang ada dan malah saya ingin mengatakan bahawa kerajaan *facilities* yang kita ada di PBT kadang kala dia tidak boleh *co-op*. Jadi saya berharap perkara ini, masalah-masalah teknikal ini sebelum program itu hendak dilaksanakan, pastikan di setiap tempat ada kemudahan yang mencukupi. Kalau tidak kita kena perbetulkan dulu.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Kampung Tunku. Itu memang saya setuju. Maknanya kalau kita kalau dilihat ya tentang permulaan program Pusat Wanita Berdaya ini kapasiti yang kita sasarkan tidaklah sehebat yang ada tetapi bila kita telahpun memperuntukkan peralatan yang dalam konteks peralatan industri contohnya kalau mesin jahit itu, mesin jahit industri bukan lagi *portable* dan sebagainya dia memerlukan satu kapasiti elektrik dan sebagainya yang lebih baik. Jadi situlah sebenarnya perlu satu maklumbalas bersama...ya...selalunya Kerajaan Selangor sentiasa memberikan sesuatu ....apa....satu tindakan bila adanya laporan itu kita terus akan berbincang dengan pihak PBT dan Pejabat Daerah untuk melaksanakannya. Tetapi apa yang saya ingin ulang balik bahawa Alhamdulillah kita lihat apa yang Kg. Tunku cakap itu adalah satu perkara yang real ataupun yang benar sekarang ini dimana pusat-pusat Wanita Berdaya kita dulu pada mula kita buka pada tahun 2010 nampak macam tidak ada tak ramai yang ketahui. Sekarang ini boleh dikatakan saban minggu hujung minggu penuh program-program dan akhirnya sekarang ini saya juga berdepan dengan bagaimana nak membantu wanita-wanita kita yang telah kreatif ini untuk selain daripada memberi mereka peralatan supaya mereka boleh buat bekerja dirumah sebab dulu bila tak ada Pusat Wanita Berdaya ini mana-mana wanita datang ke Jawatankuasa tetap wanita atau pun Kerajaan Prihatin. Mereka perlukan mesin untuk menambah pendapatan akhirnya bila tidak ada tidak ada guidance ataupun bantuan berterusan daripada sudut skill dan sebagainya mereka akhirnya jual saja mesin-mesin tersebut. Tetapi sekarang kita reverse kembali. Kita kata datang ke pusat ini dapat kemahiran yang terbaik lepas itu baru kita bagikan definisi samada mereka ini layak atau tidak untuk mendapat mesin-mesin tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Batu Tiga lima minit lagi.

**Y.B.TUAN LAU WENG SAN:** Sekejap saja. Jadi Puan Speaker inilah KPI yang kita nyatakan disini dimana ianya merupakan sesuatu program yang kita boleh menilai kejayaan program tersebut. Kalau program itu dijalankan dengan peruntukan yang besar tetapi akhirnya kita tak dapat menilai samada program itu berjaya atau tidak. Saya rasa ianya tidak berbaloi untuk, bukan sahaja untuk wanita tetapi juga untuk Kerajaan Negeri Selangor.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tidak, saya ingin menyatakan sebenarnya setiap program yang dilaksanakan kita ada program penilaian. Dan kita telah tahu sebenarnya pencapaian-pencapaian daripada Pusat Wanita Berdaya bukan saja pencapaian program tetapi kita juga melihat tentang bagaimana, apakah penyelia itu telahpun mencapai matlamat yang telah disasarkan. Jadi kita telah ada program, ada satu assessment tersebut .....

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan.....

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tetapi apa yang ingin saya nyatakan tadi saya mengulangi bahawa dengan adanya Pusat Wanita Berdaya ini Alhamdulillah selain penilaian kita lihat adanya progress, ya, yang telahpun berlaku disitu.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Terima kasih YB Exco Bahagian Wanita. Minta penjelasan PWD DUN Sri Serdang sejauh manakah kelulusan yang telah diberi nama tapi tidak bergerak. Sekian terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Sri Serdang, saya minta maaf sebab soalan tu baru bagi saya jadi saya tak dapat nak bagi jawapan yang tepat tapi InsyaAllah saya akan kemukakan. Tetapi diantara Pusat Wanita Berdaya yang perlu perhatian lebih memanglah Sri Serdang sebab dia masih belum berdaya, ya. Tapi izinkan saya sebab saya tak banyak masa lagi untuk meneruskan jawapan saya. Jadi selain daripada itu semalam sebenarnya kita telah melancarkan pusat ataupun Selangor PWB Mart. Iaitu hasil daripada bila mana wanita-wanita kita yang telah berjaya di sudut ekonomi kita bantu mereka untuk bagaimana untuk memasarkan produk mereka samada di sudut fizikal ataupun di sudut maya. Jadi sekarang ini kita dah ada branding tersendiri iaitu Selangor PWB Mart yang mana kita harapkan dengan adanya ini wanita-wanita kita akan berpendapatan dengan pelbagai ....ya....dengan pelbagai saluran-saluran yang samada saluran itu terus ataupun mengikut online. Jadi itu tentang Pusat Wanita Berdaya. Saya ingin jawab sedikit sahaja daripada Paya Jaras tentang OKU yang mana Paya Jaras ingin mengetahui di bawah Dasar Kerajaan adakah bangunan-bangunan dan rumah kedai untuk ruang, untuk golongan OKU dan juga PDK untuk dilaksanakan. Itu yang saya dapat garaplah, ya. Jadi, jawapannya memang ada di bawah Dasar Kerajaan bantuan yang telah diberikan adalah bantuan menyediakan peralatan yang sesuai untuk PDK-PDK tersebut. Ianya bukan setiap DUN kita ada satu .....mesti wajibkan PDK tetapi apa yang kita buat apa yang kerajaan buat adalah memberdayakan pusat-pusat yang sedia ada kita angkatkan dan kita establishkan, kita namakan dia sebagai Pusat Pemulihan Dalam Komuniti yang khususnya kebanyakannya kepada OKU. Jadi disitu kerajaan memberikan peruntukkan sehingga 50,000.00 untuk menyediakan peralatan yang sesuai untuk OKU. Begitu juga kerajaan



membayar elauns pekerja di pusat tersebut di mana elauns tersebut Penyelia mendapat 1,200.00 dan petugas mendapat 800.00 mensasarkan kepada satu petugas kepada sepuluh pelatih. Dan juga kerajaan ada memberikan sedikit bayaran sewaan maksimum RM3,000.00 dan juga beberapa program yang mana kita harap kelak bila kita memberdayakan Pusat Pemulihan dalam Komuniti ini ramai lagi OKU kita akan mendapat kesempatan untuk boleh berinteraksi social dengan masyarakat luar. Jadi, adakah cadangan untuk membuat setiap DUN PDK, saya jawab tidak ada buat masa ini tetapi sekarang ini telahpun ada empat tiga (43)PDK seluruh negeri Selangor. Sekian itu saja jawapan saya.

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih YB. Batu Tiga. YB Seri Kembangan, sepuluh minit.

**Y.B. TUAN EAN YHONG HIAN WAH:** Ya, terima kasih Puan Speaker. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Sekinchan, sahabat saya Kampung Tunku, dan juga Pandamaran yang begitu prihatin ya tentang pembangunan di Kampung Baru Bagan tersusun. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat tidak sekalipun meminggirkan kampung-kampung tersebut. Dalam lima tahun yang lepas kerajaan negeri telah memperuntukkan lebih daripada 20 juta ringgit untuk membangunkan Kampung Baru. Sebanyak 414 projek infrastruktur telah dilulus dan dilaksanakan. Bagi tahun 2014 Kerajaan Negeri akan terus memperuntukkan sebanyak lima juta ringgit demi pembangunan Kampung Baru. Jikalau kita berbanding dengan pentadbiran yang lama hanya dua ratus ribu setiap tahun sahaja. Mengenai cadangan untuk mempertingkatkan peruntukkan Kampung Baru secara peribadi saya menyambut baik tentang cadangan ini tapi ia perlu dikaji semula pada bajet tahun 2015 yang akan datang. Selain itu secara dasar Kerajaan Negeri untuk menjawab soalan daripada Pandamaran, secara dasar Kerajaan Negeri tidak membenarkan rumah kediaman di Kampung Baru untuk ditukarkan kepada kilang ataupun stor kerana ia bercanggah dengan zoning dan akan menyebabkan kacau ganggu kepada penduduk yang berdekatan. Walau bagaimanapun pihak berkuasa tempatan boleh memberi pertimbangan untuk membenarkan sebahagian kawasan perumahan di Kampung Baru untuk ditukar kepada komersial jikalau ia berada di tempat yang sesuai dan perlu melalui proses Pendegaran Awam. Kerajaan Negeri juga mengambil berat tentang isu keselamatan di Kampung. Justeru itu Kerajaan Negeri telah memperuntukkan lima ribu ringgit untuk setiap JKKK Kampung termasuk Kampung Tradisi dan Kampung Baru untuk menubuhkan pasukan peronda sukarela. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sijangkang

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Speaker. Sijangkang, saya rasa banyak diantara boleh dikatakan semua daripada pembahas-pembahas kita dua puluh satu orang itu menyentuh berkaitan dengan infrastruktur yang mana saya kira ini keaktifan daripada pembahas-pembahas kita ataupun ADUN-ADUN kita. Saya ingat saya terus kepada jawapan yang khusus walaupun .....sebelum itu saya nak menyentuh sedikit mungkin sebagai satu rujukan kepada kita. Saya ingin menyebut berkaitan dengan jalan yang ada di Negeri Selangor ini. Kalau kita lihat bahawa jalan di Negeri Selangor secara keseluruhannya ada lebih kurang 18,910.998 km dan ini ada beberapa kategori yang kita boleh kategori kan termasuklah kategori jalan itu sendiri lepas tu ada yang dikategorikan mengikut agensi ataupun jabatan dan juga ada kategori-kategori yang dibawah jabatan-jabatan cuma saya nak menyebutkan disini daripada jalan sepanjang 18910.998 km itu kalau kita lihat daripada pembahagian jalan mengikut agensi atau jabatan Jabatan Kerja Raya mempunyai jumlah 4721.192 km, Jabatan Pengairan dan Saliran 1,060.068 km, jalan Majlis Daerah sejumlah 4276.152 km, jalan Penguasa Tempatan 8756.586 km dan jalan di bawah Pejabat Daerah.....saya kira itu saja jumlahnya. Kalau kita melihat jalan mengikut daerah, jalan Daerah Kuala Langat 795.349 km, Hulu Langat 236.121, Klang 538.28 km, Selayang 1,239 km, Kuala Selangor 761.827 km, Petaling 178.388 km, Sepang 300.67 km, Hulu Selangor 343.382 km, Sabak Bernam 936.662 km, Ampang Jaya 15.364km, Gombak 167.91km. Cuma saya nak betulkan tadi, Selayang 1.239km yang dibawah daerah. Saya kira di peringkat bandaran ni banyak jalan-jalan adalah dibawah Majlis Perbandaran. Jadi saya ingat ini adalah sebagai satu mungkin sebagai rujukan kepada kita apabila kita membincangkan soal jalan di Negeri Selangor. Saya terus kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFEI BIN NGAH:** Maaf mencelah Speaker. Terima kasih Puan Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya tertarik dengan penjelasan jalan-jalan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat EXCO sebentar tadi. Yang merujuk kepada material jalan itu sendiri. Saya sebenarnya mahu mendengar daripada Yang Berhormat EXCO tentang landskap jalan itu yang bagi saya sebahagian daripada jalan yang sepatutnya dibaikpulih ataupun ditingkatkan. Apakah tidak melibatkan landskap dalam program tambahan bajet ini ataupun bagaimana. Terima Kasih.

**Y.B TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Ok, penyelenggaraan jalan kita bahagikan kepada dua. Satu, adalah penyelenggaraan sendiri. Yang itu adalah dibawah peruntukkan MARIS yang mana melalui agensi-agensi dan juga melalui yang...apa ini.....kita swastakan KPSLCM. Yang kedua adalah pembinaan juga dan naik taraf. Dalam bajet yang kita sentuh dalam siding ini adalah berkaitan yang naik taraf dan juga binaan jalan. Ok.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFEI BIN NGAH:** Saya mohon sikit lagi. Maksud saya ialah kita berhadapan dengan keadaan jalan yang baik nanti tetapi landskap tidak baik. Tidak ada penghijauan ataupun landskap yang lama tu dibiarkan maksudnya ialah pokok-pokok bunga atau yang tanaman yang ditanam tu dah lah lama dibiarkan ataupun usang. Atau tidak ada ke inisiatif untuk mencantikkan seluruh jalan-jalan di Selangor ini untuk itu. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR.AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Bangi. Peruntukkan yang kita ada untuk penyelenggaraan jalan ataupun perabot jalan ini adalah di bawah program MARRIS yang mana tidak melibatkan landskap cuma pemotongan rumput itu pun bergantung kepada jenis jalan. Samada jalan itu jalan protokol, jalan sekunder ataupun jalan *premier*...ia mempunyai...aa..sekejap...saya ingat dari segi landskap yang tanam pokok, tanam bunga dan sebagainya itulah sebahagian besarnya adalah di bawah pihak berkuasa tempatan, menggunakan peruntukkan-peruntukkan pihak Berkuasa Tempatan.

**TUAN SPEAKER** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHHD. HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih, Puan Speaker. Yang Berhormat EXCO saya ingin memohon penjelasan kalau aspek penyelenggaraan jalan raya ataupun kemudahan-kemudahan yang terdapat di jalan raya tu apakah ianya meliputi hanya semata-mata premix ataupun longkang semata-mata sedangkan dalam takrifan jalan raya itu adalah meliputi segala bentuk apa yang ada dalam rizab jalan raya itu sendiri. Mohon Penjelasan.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** (suara di dalam radio tak dengar). Peruntukan bahu jalan, ketiga peruntukan rumput yang mengikut seperti mana yang saya nyatakan tadi ada jalan protokol, ada jalan major, ada jalan sekunder, ada jalan minor yang mempunyai tempoh-tempoh pemotongan yang berbeza-beza. Kemudian ada, *maintenance of road furniture* (dengan izin) kemudian ada *maintenance of pigges and culvert*, itu juga termasuk, termasuklah *cleaning or the draine* (dengan izin) dan juga *routing petrolling*. Ini di antara beberapa perkara di dalam pengurusan jalan di bawah peruntukan MARIS.

Ok, saya terus kepada perkara isu yang pertama yang dibangkitkan oleh Kampung Tunku berkaitan dengan kesesakan jalan di Port Klang iaitu Jalan Kem. Sebenarnya di Port Klang ada satu projek reka dan bina jejambat melintasi landasan kereta api di jalan Port Klang yang sedang dalam pelaksanaan. Hal ini sedikit sebanyak menyebabkan kesesakan lalu lintas dan ini adalah tujuannya untuk mengelakkan kalau sekarang ini dia nak lalu kalau ada kereta api lalu terpaksa tutup tapi dengan pembangunan

jejambat yang melintasi jalan ini maka tidak akan ada kacau ganggu dengan lintasan kereta api dan juga lalu lintas yang sedia ada. Pun begitu antara yang disebutkan tempoh hari terpaksa u-turn satu jarak yang agak jauh. Ini sebenarnya adalah sebagai langkah daripada mitigasi untuk mengelakkan daripada kesesakan yang akan berlaku. Kalau kita, buka simpang-simpang yang sedia ada maka akan berlaku kesesakan yang lebih teruk daripada apa yang berlaku pada masa ini. Pun begitu saya kira, pihak JKR telah mengambil beberapa langkah mitigasi termasuklah antaranya kerja-kerja yang dilaksanakan mengikut syif siang dan malam. Kerja-kerja untuk melaksanakan secara berfasa dan beberapa perkara yang lain.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan. Terima kasih. Sebenarnya apa mengikut apa yang kami baca daripada laporan akhbar iaitu aduan daripada Persatuan Hollion Malaysia yang mengatakan bahawa pertukaran laluan ini dan kekurangan perbincangan ini adalah masalah yang utama yang diutarakan mereka iaitu kekurangan perbincangan dengan *stakeholder*, Persatuan Hollion Malaysia menyebabkan mereka menanggung kerugian yang begitu besar. Jadi saya rasa perkara ini harus kita tangani dengan serta-merta kerana kerugian yang dimaksudkan itu bukannya satu amaun yang kecil dan ianya mempunyai impak yang besar bukan sahaja kepada ekonomi Selangor tetapi juga Port Klang tetapi juga impak kepada seluruh Lembah Klang. Saya tak pasti apakah peranan yang boleh dimainkan oleh Kerajaan Negeri kerana projek ini difahamkan ialah adalah projek yang dilaksanakan oleh JKR.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih, kalau ikutkan daripada laporan dan penerangan di dalam pembentangan Mesyuarat MTES yang dibentangkan dalam lebih kurang tiga minggu ataupun sebulan yang lalu, kita mendapati bahawa seolah-olahnya perbincangan dengan pihak masyarakat dengan tempatan dan juga beberapa kilang-kilang ataupun industri yang berada di situ tidak menunjukkan satu masalah yang besar sebab tu saya kira program ini dapat diteruskan kerana yang penting mungkin saya tak nafikan dalam masa terdekat ini akan berlaku sedikit sebanyak kesesakan lalu lintas, masalah itu sudah tentu berlaku di dalam pembangunan tetapi saya kira yang penting apa bila selesai projek ini ia akan memberikan impak yang lebih baik terutamanya kepada masyarakat tempatan dan pengguna-pengguna di kawasan Pelabuhan Klang itu sendiri.

Kedua, berkaitan dengan berhubung dengan perkara yang dibangkitkan isu pengurangan peruntukan di bawah program banjir, saya kira walaupun pada tahun ini peruntukan di lihat sebagai agak berkurangan daripada segi pengurusan banjir kalau dibandingkan tahun lepas daripada 27 juta kepada 21 juta tetapi kalau kita lihat secara umumnya walaupun pengurusan banjir itu saya tidak nafikan bahawa ia juga akan melibatkan berkaitan dengan naik taraf sistem saliran dan juga program pengurusan lembangan

sungai yang saya kira juga ada di dalam peruntukan tersebut yang saya lihat ada penambahan daripada segi peruntukan naik taraf sistem saliran dan juga projek pengurusan Lembangan sungai yang mana saya rasa ini juga akan memberikan impak secara keseluruhan di dalam program pengurusan banjir agar ia dapat dikurangkan dan sudah tentulah beberapa projek-projek lain yang sudah dimulakan sebelum ini termasuklah program tebatan banjir Sg. Rasah sebahagiannya kita sudah dapat selesaikan. Saya kira daripada segi itu, peruntukan itu sudah dapat dikurangkan daripada segi perbelanjaan yang akan kita belanjakan pada tahun hadapan. Kalau saya melihat sendiri berkaitan dengan pencapaian perbelanjaan bagi peruntukan JPS sepanjang rancangan Malaysia Ke 10, saya lihat tidak lah seteruk yang kita sangkakan kalau kita lihat pada tahun 2011 peruntukan 45 juta dapat dibelanjakan sejumlah 41.37 juta iaitu perbelanjaan lebih kurang 91.9%. Tahun 2012, 65 juta dapat dibelanjakan 63.173 juta iaitu 97.2% dan pada tahun 2013 ini sejumlah 44.75 juta dan kemajuan sehingga 26 November sudah dibelanjakan 33.034 juta iaitu 73.8%. Pun begitu saya tidak menafikan berlaku kelewatan daripada segi tender dan juga pelaksanaan projek-projek itu kerana saya kira ada beberapa perkara yang perlu diperbaiki oleh pihak JPS sendiri terutamanya daripada bentuk kekangan penjawat yang..

**TUAN SPEAKER** Yang Berhormat Sijangkang, Seri Andalas minta penjelasan.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih EXCO, saya tidak nafikan bahawa JPS pun telah belanja besar dan juga telah buat banyak kerja di dalam Negeri Selangor. Apa yang diminta-minta oleh banyak ADUN di sini ialah masalah-masalah pembanjiran di dalam taman-taman perumahan bukan di sungai-sungai dan juga tepi-tepi sungai. Saya tahu ada masalah dia. Macam mana saya telah bangkitkan di dalam hujah saya *matured housing estate* apa langkah Kerajaan untuk atasi masalah banjir di dalam taman-taman ini sebab punca banjir ialah *source* dia ialah di taman kalau air dari taman tidak boleh dikeluarkan kepada sungai, taman tu akan banjir. So berapakah, macam mana kita ADUN ini boleh minta untuk dana untuk atasi masalah ini, nombor satu, nombor dua saya dengar pun ada simpanan caruman parit oleh negeri. Berapa jumlah dia simpanan carum parit yang ada sekarang dengan simpanan di dalam negeri.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih, Seri Andalas. Saya kira semua sedia maklum bahawa apabila *pocket development* daripada sebelum tahun 2000 berlaku yang mungkin tidak agak tidak berapa terancang daripada segi salirannya yang akhirnya berlaku redian yang berbeza yang menyebabkan penyumbang juga masalah banjir yang berlaku pada hari ini cuma saya melihat bahawa penyelesaian isu banjir ini bukan satu perkara yang begitu mudah perlu ada satu kajian yang menyeluruh bukan kita hanya selesaikan satu-satu spot begitu tetapi memerlukan satu kajian yang

akhirnya bagaimana kita menyelesaikan secara menyeluruh sebab itu saya tak nafikan walaupun Kerajaan selain daripada peruntukan yang kita utuhkan peruntukan tahunan ini ada peruntukan caruman parit walaupun saya, saya tak berapa pasti berapa jumlah yang ada tetapi sebahagian besar daripada projek-projek yang dilakukan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran juga menggunakan peruntukan yang begitu besar daripada caruman parit dan saya kira kalau tidak ada di dalam bajet ini sudah tentulah caruman parit ini juga boleh digunakan, hatta mungkin *reserve* yang kita ada ini boleh dipertimbangkan sekiranya ada keperluan yang begitu mendesak saya tak nafikan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Penjelasan.

Penjelasan. Terima kasih. Saya, saya difahamkan memang kita sudah ada satu rancangan keseluruhan untuk atasi masalah banjir. Contohnya di dalam Daerah Klang saya ingat JPS minta untuk RM1.4 billion kalau tak silap saya. Saya tahu rangka panjang itu, jangka panjang itu sudah ada tetapi saya minta, apa yang kita minta ialah untuk tiap-tiap tahun kita ada sedikit dana yang boleh diperuntukkan oleh negeri di mana kita boleh atasi masalah ini dengan kerja-kerja yang kena dibuat. Prioriti kan, *prioties areas* di mana kita boleh belanja dengan peruntukan yang kita ada sebab lagi satu soalan kalau lah katakan mana-mana ADUN ya dengan kerjasama dengan majlis tempatan dan juga agensi-agensi Kerajaan kita boleh buat satu kertas kerja yang menunjukkan bahawa ini lah tempat-tempat nya penting yang kita kena belanja dan atasi masalah banjir di tempatan-tempatan. *Localise areas*, ini kita boleh, saya.. saya harap boleh sampai kepada EXCO untuk ambil tindakan dan Negeri boleh buat keputusan kemudian kalau saluran itu boleh dikatakan oleh EXCO bahawa kita boleh belanja dan negeri memang setuju dan ada peruntukan itu untuk dibelanjakan atas kes-kes macam ini, saya ingat semua ADUN di sini boleh kertas kerja boleh disampaikan kepada EXCO pertimbangan EXCO untuk lanjutkan.

Lagi satu ialah di dalam soalan saya, tadi Sungai Rasah, EXCO sebut sudah selesai masalah ini tetapi pengalaman saya dengan rakan saya di tepi ni dia bagi saya satu surat yang MTES punya yang katakan sudah lama kita telah pun ada projek-projek lama sampai sekarang statusnya, *I think you have to update the status* tentang projek-projek ni. Kalau nak kita, saya boleh bagi kepada EXCO kemudian untuk lihat dan untuk atasi beberapa projek yang telah pun dinyatakan di sini. *Paper* ini dikeluarkan oleh MBSA walaupun dikeluarkan oleh MBSA untuk saya nampak tindakan dia untuk JPS dan juga JKR sama-sama dia tapi ini sudah lama dah *so weather the status was same* or kita telah pun buat kerja untuk atasi masalah ini di dalam kawasan.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Ok. Terima kasih. Saya sangat setuju dengan cadangan Seri Andalas supaya ada satu jawatankuasa untuk melihat berkaitan

dengan banjir dan saya kira pada hari ini pun di dalam mesyuarat pembangunan dan tindakan daerah sudah ada perkara-perkara yang dibincangkan berkaitan dengan banjir dan saya melihat kekuatan Majlis Pembangunan Daerah itu sendiri perlu memainkan peranan supaya melihat ataupun membincangkan secara khusus berkaitan dengan banjir ini dan setakat ini yang saya, isu yang dibawa Klang memerlukan 56 juta untuk projek tebatan banjir itu saya ingat, setahu saya tidak pernah dibawa dalam mesyuarat MTES lagi. Mungkin boleh dibawa ke peringkat negeri untuk kita bincangkan seperti mana yang Seri Andalas sebutkan tadi, saya kira untuk program tebatan banjir Sungai Rasah saya tidak mengatakan perkara ini sudah selesai sebenarnya perkara ini masih lagi di dalam perancangan untuk menyelesaikan masalah banjir ini. Kalau boleh saya sebutkan setakat 2013, kerja-kerja yang ada kerja-kerja yang telah siap selesai dijalankan ada kerja-kerja di dalam proses berjalan pembinaan dia dan juga ada beberapa program yang masih lagi di dalam perancangan yang mana saya kira daripada segi kos projek apabila kita dapat laksanakan keseluruhannya lebih kurang berjumlah 136.8 juta ringgit. Buat masa ini, ada beberapa kerja yang telah selesai dijalankan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor sejumlah 6 projek. Jabatan Kerja Raya sejumlah 2 projek dan kerja-kerja yang sedang berjalan yang telah, sedang dijalankan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor ada 2 projek dan yang telah dilakukan oleh Majlis Perbandaran Shah Alam ada 3 projek yang telah selesai dilakukan dan Jabatan Kerja Raya ada 3 projek yang juga telah selesai dilakukan. Cuma ada beberapa kerja yang dalam perancangan di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor dan saya kira antara perkara yang sangat besar yang di dalam perancangan kita untuk pelaksanaan dalam masa terdekat adalah yang mana di bawah Jabatan Kerja Raya menaik taraf *road side drain* di kiri kanan jalan batu tiga lama.

Saya terus kepada perkara yang dibangkitkan oleh Hulu Klang, berkaitan dengan cadangan kerja pembaikan tebing Sungai Kemensah dan perkara ini akan dilihat dalam program pada tahun 2014 dan untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat Sungai Kemensah dan Sungai Kelang di Hulu Klang terlibat di dalam projek *river of life* yang mana bertujuan untuk meningkatkan kualiti air sungai kepada Kelas 2B menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan. Berkaitan dengan lalu lintas di jambatan di jalan Kampung Kemensah jalan yang sempit dan berada di dalam jalan itu adalah jalan yang sempit dan berada di dalam rizab JPS maka adalah sesuai untuk di bina jalan baru dan membuat pengambilan balik tanah mengikut spesifikasi JKR. Sebab itu diletakkan di bawah naik taraf tapi atas tajuk membina kerana jalan itu kecil dan perlu dibina baru dan keadaan jalan itu dalam rizab JPS sebenarnya.

Perkara yang dibangkitkan oleh Y.B. Sekinchan berkaitan pembinaan benteng *amour rock* di Muara Bagan Sekinchan yang mana pada tahun 2010 dan 2011 JPS telah

laksanakan. Manakala pada tahun ini JPS akan melaksanakan projek mengorek muara Bagan Sekinchan di Pantai Redang bernilai RM730,600.00 sepanjang 1.2 kilometer menggunakan peruntukan Persekutuan. Yakni dari peruntukan. Bagi cadangan tambahan pembinaan benteng *Ammorock* yang dibangkitkan oleh Y.B. Sekinchan sepanjang 100 meter, JPS akan mengambil maklum dan siasatan akan dilaksanakan terlebih dahulu mengikut kesesuaian di tapak. Manakala bagi permohonan menaik taraf ban dan benteng di Parit 6 Sekinchan, JPS juga mengambil maklum dan siasatan tapak akan dilaksanakan dan akan dilihat cadangan struktur yang sesuai untuk dilaksanakan di kawasan-kawasan tersebut.

Berkaitan dengan kelulusan peruntukan P12 - 04928 di bawah projek menaik taraf jalan Sabak Bernam pada tahun 2014. Ini berkaitan dengan *missing link* sepanjang 500 meter di Jalan Parit 5. Yang ini akan, Kerajaan Negeri telah meluluskan projek P21, Peruntukan P12 di bawah projek menaik taraf Jalan Sabak Bernam pada tahun 2014 dengan anggaran sebanyak RM1 juta. Kita cuba gunakan duit peruntukan itu. Justeru itu bagi *missing link* sepanjang 500 meter di Jalan Parit 5 Jabatan Kerja Raya akan melaksanakan projek ini pada tahun 2014.

Saya ingat Andalas, Seri Andalas tadi saya sudah sebutkan. Dan Seri Andalas juga sudah mengutarakan beberapa persoalan.

Bagi Permatang, jalan-jalan ladang di kawasan Permatang akan dilaksanakan oleh JPS sepanjang, dilakukan oleh JPS sepanjang tahun bagi tahun 2013, 2013 setakat ini telah membelanjakan lebih kurang RM150 ribu untuk penyelenggaraan di kawasan Permatang. Skop kerja yang dilaksanakan adalah menambak geseran dan juga kuari das. Biasanya JPS akan melaksanakan kerja pembaikan jalan ladang sehingga ke hujung jalan mengikut keutamaan dan peruntukan yang ada.

Bagi Sungai Burong berkaitan dengan tiada projek naik taraf jalan daripada Jalan Raja Muda Musa B42 ke Jalan Persekutuan 5. Projek menaik taraf Jalan Raja Muda B42 sepanjang, Raja Muda Musa B42 sepanjang 17 kilometer sedang dalam proses pembinaan. Walau bagaimanapun jalan sambungan B42 ke Jalan Persekutuan 5 masih di peringkat reka bentuk. Dan saya kita tindakan-tindakan akan diambil pada tahun hadapan.

Berkaitan dengan kunci air laut di kawasan Sungai Burong, yang mana secara keseluruhannya sudah diganti dengan yang baru oleh pihak AIDA, Barat Laut Selangor iaitu di Parit 3 dan 4. Dan ianya berfungsi dengan baik. Walau bagaimanapun memang terdapat kerosakan kunci di kawasan sawah dan kerja-kerja penambahbaikan



kunci air tersebut dijalankan secara berperingkat pada tahun, mengikut tahap kerosakan yang berlaku di sana.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Puan Pengerusi, penjelasan. Saya ingin bangkitkan yang ada lagi yang belum disiapkan itu kalau lihat di Parit antara sempada. Antara Parit 4 dan Taliair 4. Dia ada saluran yang macam bentuk V daripada *main cannel*. Di situ memang keadaannya kritikal dan meruncing. Ada masa-masa kalau di musim kedua tu memang air tak cukupkan kerana pam itu terpaksa menggunakan pam-pam biasa. Jadi kalau, ini sebagai interimlah. Jadi kalau dalam jangka panjang kena ada sistem saluran apa kunci air dibaiki semuanya. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Sungai Burong. *Insyallah* kita akan lihat perkara itu. Seterusnya isu yang dibangkitkan oleh Kota Anggerik berkaitan dengan kemudahan sukan. Kita memang mengenal pasti bahawa di Negeri Selangor ini kita mempunyai kekurangan kemudahan sukan dengan peruntukan yang agak terbatas pada ketika ini walaupun satu ketika dulu Majlis Sukan Negeri Selangor mempunyai aset yang begitu besar tetapi sehingga pada hari ini kanu yang diutarakan oleh Kota Anggerik terpaksa menjalani latihan di Melaka. Sebenarnya latihan kanu itu adalah antara persediaan untuk menghadapi SUKMA pada tahun hadapan yang mana kita adakan latihan itu di Sungai Cincin, Melaka adalah untuk pasukan Elit kanu seramai 8 orang termasuk jurulatih bagi persediaan SUKMA tahun hadapan di Perlis. Ia diadakan di sana kerana kosnya yang agak rendah iaitu lebih kurang dalam 4,000 hingga 6,000 sebulan meliputi penyewaan, kelengkapan, peralatan, penginapan dan juga makanan. Pasukan kanu kita sebenarnya pernah menjalankan latihan di Tasik Putrajaya sebelum ini tetapi terpaksa berpindah kerana kosnya begitu tinggi mencecah 10,000.00 sebulan. Tempat latihan di Selangor memang setakat ini mereka gunakan terusan Sungai Sirih kawasan itu memang tidak sesuai untuk menjalani latihan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Speaker.

**TUAN SPEAKER** Ya, Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Sukan kanu menawarkan sekitar 18 pingat di Sukan SUKMA dan kita sering tertinggal dengan Terengganu di peringkat akhir bila kanu kita kalah. Berbanding bola sepak satu hanya medal di tawarkan jadi dari segi strategi kita kena fokus kepada sukan-sukan yang menawarkan banyak macam *lawn ball*, kanu dan lain sekali cuma bila Negeri Selangor berlatih di Negeri Melaka tu dia rasa tak sedap lah macam Selangor tak ada sungai, tak ada tasik dan lebih kalau kita bina pusat latihan kita di sini untuk masa depan jadi itu lebih baik pada kita berlatih di Negeri Melaka.

**TUAN SPEAKER** Yang Berhormat Sijangkang, saya bagi lima minit lagi.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Ok. Terima kasih. Sebenarnya kita berusaha untuk mendapatkan tempat yang kenal pasti iaitu di kawasan Puchong beberapa tasik yang ada kita kenal pasti di sana cuma pada masa ini kita belum lagi mendapat kebenaran ataupun permit daripada Pihak Berkuasa Tempatan yang kerana kita dimaklumkan bahawa tasik-tasik itu adalah kepunyaan persendirian.

**Y.B. PUAN GAN PEI MEI:** Puan Speaker, mohon penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI MEI:** Sebab saya ada bangkitkan satu isu tentang jalan di Rawang B27 sebab tadi saya nampak EXCO sudah masuk ke aspek yang lain, saya takut nanti tercicir. Adakah akan dijawab. Jalan B27, Rawang lepas Rawang tol ke Bandar Tasik Puteri.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Ok. Terima kasih. Berkaitan dengan peruntukan yang diberi menaik taraf B27 adalah sebanyak 26 juta walau bagaimanapun kos bagi pengalihan utiliti telah menelan belanja sebanyak 25 juta adakah Kerajaan Negeri untuk memperuntukkan peruntukan tambahan bagi projek ini. Bilakah Kerajaan Negeri akan menaik taraf jambatan yang merentangi Lebuhraya PLUS.

Sebenarnya Kerajaan Negeri akan memperuntukkan peruntukan yang secukupnya bagi pelaksanaan projek B27 ini bagi projek jambatan yang merentangi Lebuhraya PLUS ke B27 semakan reka bentuk akan dilaksanakan pada tahun 2014 dan dijangka akan di tender pada akhir tahun 2014.

**Y.B. PUAN GAN PEI MEI:** Saya nak mohon penjelasan sikit. Kalau kita rujuk kepada butiran projek dalam Buku Anggaran Perbelanjaan ini, saya ingin tahu rasional kenapa bahagian yang nampak tidak begitu kritikal di letakkan dalam projek dulu sedangkan sebenarnya *bottom neck* tu ataupun punca kesesakan tu adalah di bahagian yang lain dan sama ada JKR telah jalankan satu kajian yang menyeluruh tentang keadaan trafik di situ sebelum kita *start* dengan satu bahagian yang bukan begitu penting dan perlu untuk selesaikan kesesakan lalu lintas.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih. Saya kira ada kajian-kajian yang telah dijalankan walau bagaimanapun saya kena cuba lihat apa sebenarnya yang perkara ini telah berlaku dan saya akan bagi jawapan kemudian.

Kemudian, berkaitan dengan soalan daripada isu yang dibangkitkan oleh Sungai Air Tawar. Keadaan jalan Sungai Tengah yang sempit menyebabkan sering berlaku kesesakan dan juga kemalangan jalan raya dan juga permukaan jalan beralun di jalan Sungai Besar, Sungai Air Tawar. Jalan besar Sungai Air Tawar sepanjang 5 kilometer. Kerajaan Negeri bercadang untuk membuat kajian keperluan bagi mengatasi masalah ini dan Kerajaan Negeri akan membuat kajian bagi mengatasi masalah kerja dan kerja-kerja selenggara akan dilaksanakan di bawah peruntukan MARIS bagi tahun hadapan dengan anggaran sejumlah 2.5 juta daripada Jabatan Kerja Raya.

Seterusnya daripada Kinrara berkaitan dengan projek naik taraf jalan yang telah dibincangkan bagi mengatasi kesesakan lalu lintas di Puchong namun tiada peruntukan. Kerajaan Negeri bercadang akan membuat kajian keperluan bagi mengatasi masalah ini dan bagi perkara yang berkaitan dengan naik taraf jalan Persiaran Kewajipan dan Persiaran Murni dan juga USJ dan Subang Jaya sebenarnya oleh kerana terdapat pembangunan yang pesat di tepi jalan ini Kerajaan Negeri akan mensyaratkan kepada pemaju untuk menaik tarafkan Persiaran Kewajipan dan Persiaran Murni adalah di bawah bidang kuasa Majlis Perbandaran Subang Jaya.

Untuk isu yang dibawa oleh Batu Caves, berkaitan dengan jalan Sg Tua yang agak padat dan sesak. Jalan Sg. Tua akan dibuat kajian juga keperluan untuk di naik tarafkan menggunakan peruntukan yang sedia ada kemudian peruntukan bagi projek laluan hijau yang perlu bagi menyelesaikan kesesakan lalu lintas setempat. Projek pembinaan membina laluan hijau Bandar Baru Selayang ke jalan Sg Tua untuk Batu Koyan B23 ditangguhkan sebab ada kes Mahkamah. Yang ini kita akan tangguhkan sehingga kes Mahkamah selesai dan jalan Sg. Kertas juga akan dibuat kajian keperluan untuk menaik taraf jalan ini.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Mohon mencelah. Tuan Speaker, berkenaan penjelasan tadi berkenaan Persimpangan Kewajipan Murni di Subang Jaya yang akan disyaratkan kepada pemaju tetapi saya mohon penjelasan dia telah disenaraikan di dalam Buku Bajet ini di dalam perkara 18 di bawah Daerah Petaling projek sebanyak 20 juta ringgit tetapi tiada peruntukan untuk tahun depan.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Saya kira peruntukan itu memang diuntukkan di situ cuma kita melihat kepada sudah tentulah kalau jalan-jalan yang mana ada pemaju-pemaju yang juga kita mensyaratkan untuk memberikan kerjasama untuk menaik taraf jalan di situ, saya kira juga menjadi tanggungjawab kepada pihak pemaju untuk bersama-sama menaikkan taraf Persiaran Kewajipan tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Banyak lagi ke Yang Berhormat Sijangkang?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Ada beberapa, ada satu lagi. Berkaitan dengan peruntukan perkara yang dibangkitkan oleh Kuala Kubu Bharu. Peruntukan 3 juta kerja-kerja membaik cerun. Oh, saya ingat yang ini telah dijawab oleh Yang Berhormat Sungai Pinang. Itu sahaja. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Selat Kelang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** Terima kasih Speaker. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu pendidikan dan pembangunan modal insan yakni ini membuktikan Ahli-ahli Yang Berhormat sangat mengambil berat tentang aset atau harta kekayaan paling utama Negeri Selangor iaitu insan atau rakyatnya. Terima kasih khusus kepada Taman Templer, Seri Serdang, Sungai Air Tawar, Batu Caves, Paya Jaras dan lain-lain. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Sungai Air Tawar, kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor sentiasa memantau keadaan guru Kafa sebagai modal insan yang diamanahkan untuk memastikan insan yang mereka didik berjaya menjadi khalifah *fil-arqaa* yang disebut masih mendapat imbuhan di bawah garis kemiskinan daripada seawal 2008 lagi. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan Pakatan Rakyat Selangor telah menaikkan elaun guru Kafa sebanyak 2 kali dan elaun Kafa di Negeri Selangor adalah paling tinggi di Malaysia. Namun, kerajaan Pakatan Rakyat Selangor masih terus memperjuangkan nasib guru Kafa, pihak BPSM atau Bahagian Pembangunan Sumber Manusia JAIS dalam proses merangka Skim Pengajian Guru Kafa agar dapat elaun dinaikkan pada RM 1,500.00. Mengenai sekolah agama peringkat sekolah menengah, sebenarnya kerajaan negeri sedang mengkaji dasar penyediaan institusi pendidikan agama supaya kumpulan yang *aulauwiya* diutamakan dan didahulukan keperluan dan kemaslahatannya lebih-lebih lagi yang berisiko tinggi untuk terjebak dalam pelbagai masadahayat di peringkat menengah. Perkara ini kita perlu lakukan dengan mengambil kira aset premis atau sekolah dan tanah serta tenaga modal insan sedia ada agar tidak terlalu membebankan tanggungan rakyat Negeri Selangor. Di antara inisiatif yang mahu diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah memaksimumkan SRA yang sedia ada untuk diguna bersekali dengan permulaan sekolah menengah Kafa mulai 2014, *Insyaa-Allah*.

Untuk makluman Batu Caves dan Taman Templer mulai 2014 sembilan Kafa menengah akan dimulakan di seluruh Selangor kecuali Sabak Bernam kerana Sabak Bernam ini mempunyai tujuh SMA iaitu Sekolah Menengah Agama. Kita harus sedar tanggung jawab menyediakan jenis sekolah pilihan rakyat mana-mana golongan ibu bapa adalah jatuh di bawah Kementerian Pendidikan atau Kerajaan Pusat. Jadi dan ibu

bapa di Selangor sebagai rakyat Malaysia adalah berhak atau mempunyai hak yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Malaysia dan jangan lupa 25% KDNK adalah di sumbang oleh rakyat Selangor. Sewajarnya Kementerian Pendidikan akur kepada kehendak rakyat yang beragama Islam di Selangor yang mahu lebih banyak Sekolah Menengah Agama. Segala permasalahan teknikal yang melibatkan sekolah rendah atau sekolah menengah yang di bawah kerajaan Selangor yang mungkin telah disentuh oleh Paya Jaras, memang patut dikaji dan dirancang dengan betul agar masalah umum menjadi paksi keputusan kepada JAIS. Jadi saya minta pihak JAIS ambil tindakan dengan segera. Saya mengambil maklum saranan baik Batu Caves yang mencadangkan latihan teknikal seperti baik pulih *smart phone* dan sebagainya untuk remaja belia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Tetap Pendidikan telah memulakan langkah merakyatkan Kolej INSPEN di mana kursus latihan teknikal yang tidak memerlukan perpindahan peralatan besar dan berat seperti baik pulih telefon bimbit, jahitan dan sebagainya boleh diadakan di beberapa kawasan di seluruh Selangor dengan menggunakan sistem sedia ada iaitu Pusat Tuisyen Rakyat Selangor yang akan *Insyah-Allah* dengan izin, di *re-branding* atau di *upgrade* ke fasa demi fasa. Maksudnya peranan dan fungsi koordinator Pembangunan Modal Insan ini diwujudkan di setiap DUN selama 5 tahun ini akan diperluas dan diperkembangkan untuk menangani masalah remaja belia bagi benar-benar memberdayakan mereka untuk menjadi modal insan yang mampu diuruskan di bidang akademik atau teknikal mengikut potensi masing-masing. *Insyah-Allah* ini akan menjadi sub-set Program Jom Kerja yang telah kita amalkan selama ini dan akan dikendalikan oleh Jawatankuasa Pembangunan Insan Selangor bersama dengan SSIC, anak syarikat seperti Kumpulan Perangsang, IPT, Kolej INSPEN dan *role model* dari kalangan belia yang berjaya. Inisiatif ini adalah bertujuan untuk mempersiapkan dengan izin *mind set, heart set, soul set* remaja belia ke arah realiti alam kerjaya dan ia akan melibatkan JKKK dan PEBT serta Ketua Komuniti.

Seterusnya mengenai agenda pembangunan insan, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menyedari dasar pendidikan sepanjang hayat dan mencapai hala tuju Selangor 2025 iaitu Negeri Idaman, Maju Sejahtera Dan Berkeadilan.

Pembudayaan formula SPIES, satu hasil penemuan pemikiran di luar kotak ke dalam kehidupan pimpinan dan masyarakat Selangor adalah agenda penting ke arah mendukung visi dan misi Selangor. Ia bertujuan untuk mitigasi insan liabiliti dan berbudaya *distractive* yang akan menjadi penghalang tercapainya visi menjadi punca kerugian dan akan menjadi punca persekitaran yang tidak harmonis dan sejahtera. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di antara modul yang kita akan perkenalkan ialah modul *Ego Management* supaya rakyat Selangor menjadi insan yang bersifat

dengan izin *learnable* dan *teachable*. Maksud *learnable* ialah insan yang mampu mengajar atau orang lain boleh belajar daripadanya untuk memastikan kelangsungan ilmu *test-it*, atau *test-it knowledge* dengan izin. Dan *teachable* ialah insan yang sentiasa boleh diajar atau menerima ilmu baru yang mungkin asing bagi beliau.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** Ya okay, sila.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Berapa banyak akan dibelanjakan untuk program ini?

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** Tak dengar, tak dengar apa Yang Berhormat?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Berapa banyak akan dibelanjakan untuk program ini?

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** Berapa banyak belanja apa? Belanja?

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Berapa banyak akan dibelanjakan untuk program ini?

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** Untuk program mana?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Untuk Program *Ego Management*.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** Oh, ini *it's part of...it's a module. It's a module. It's nothing new about it. It's part of* dia punya apa.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Dia telah dilancarkan? Sudah berlarut?

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** Di dalam apa, akan diperkenalkan, itu yang saya sebutkan. Yes dan ini selari dengan misi EXCO Pendidikan ya untuk membudayakan ilmu.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat EXCO akan masuk ke sekolah untuk melancarkan program ini?

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** Tidak perlu apa Yang Berhormat sebab seperti Yang Berhormat tahu kita ada dua parti sistem. Kita tidak dibenarkan secara, secara apa ya, secara praktikalnya oleh Kementerian Pendidikan. Saya ada menulis surat kepada Jabatan Pelajaran Selangor untuk membuatkan lawatan ke Jabatan Pendidikan

Selangor. Surat yang saya terima daripada Jabatan Pendidikan Selangor ialah; 'Kami tidak ada halangan sekiranya Yang Berhormat mendapatkan kelulusan daripada Menteri Pendidikan'. Jadi kita tidak perlu, kita akan buat luar daripada persekitaran sekolah melalui PIBG dan saya sebut tadi JKKK, Ketua Komuniti, kita akan menggunakan yang lain. Kita kena lebih bijak sana daripada mereka yang menyekat kemajuan kita.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan. Adakah program ini akan dijalankan dalam bahasa yang lain seperti dalam bahasa Mandarin dan Tamil untuk *benefit* mereka yang kurang faham dengan bahasa kebangsaan.?

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** Saya memang tengah mencari mereka yang ada mempunyai kemahiran berbagai-bagai bahasa untuk berkomunikasi secara berkesan. Contohnya untuk Ketua Komuniti India, kita mencari orang yang mampu menjadi Fasilitator untuk menterjemahkan dalam bahasa yang mereka faham. Ini memang dari dalam apa, penggal yang lepas kita ada ADUN Balakong dan isterinya yang menjadi Fasilitator dalam bahasa Mandarin dan mereka sangat teruja dengan program tersebut tetapi dia baru peringkat permulaan, dia belum meluas lagi.

**Y.B. TUAN MOHD. SHAFIE BIN NGAH :** Penjelasan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Bangi.

**Y.B. TUAN MOHD. SHAFIE BIN NGAH :** Terima kasih Puan Speaker. Terima kasih YB EXCO. Saya macam terkejut dengar kata EXCO tak boleh masuk sekolah. Ini arahan ni kepada EXCO yang ini atau semua EXCO hatta kepada MB kita juga. Minta penjelasan.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** Terima kasih la Bangi ya. Seperti saya kata itu hitam putih daripada Jabatan Pelajaran tetapi memang apabila saya sendiri tidak ada buat *appointment* dan sebagainya, bila ada masalah ada isu di sesebuah sekolah, contoh; ada kebakaran ataupun ada masalah di dalam sekolah saya terus masuk ke dalam sekolah itu, memang Pengetua begitu pucat dan begitu takut melihat EXCO, bukan sebab saya nak buat apa-apa, bukan nak buat ucapan dan sebagainya tetapi mereka rupa-rupanya mereka ini diberi amaran keras dan akan memang ada kes apabila saya masuk ke situ dan lepas 3 bulan, Pengetua itu telah dipindahkan. Itu minta maaf lah. Jadi saya teruskan...

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Puan Pengerusi boleh minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Sebenarnya benda yang sama pun berlaku di sekolah-sekolah rendah agama di mana ADUN-ADUN Barisan Nasional pun tak dibenarkan masuk. Saya bagi contoh sekolah rendah yang kita perjuangkan di bina di Kampung Sungai Tanjung Darat pun sekarang saya tak boleh masuk lah. Sama aje.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** Bezanya tidak ada arahan daripada Menteri Besar, EXCO Pendidikan ataupun Jabatan Agama Islam Selangor. Itu bezanya, yang ini hitam putih pun ada. Okay saya teruskan Speaker. Jadi SPIES juga bertujuan untuk membanteras gejala negatif seperti masalah polarisasi kaum, pembaziran tenaga muda dan mewujudkan budaya positif atau melahirkan umat cemerlang yang boleh membangunkan Selangor negeri yang aman makmur serta diampuni dan diberkati oleh Allah S.W.T. Saranan Taman Templer untuk seluruh Ahli Yang Berhormat termasuk Ahli Pembangkang adalah sangat dengan izin *timely* dan bagus, rahmat untuk semua. Ya, ini sejajar dengan pengiktirafan yang dilakukan oleh Dewan ini yang telah menaikkan taraf Ketua Pembangkang dengan menambah elaunnya. Ini kerana Pembangkang juga adalah modal insan yang penting untuk dicemerlangkan. Dewan ini akan lesu dan lembap tanpa Pembangkang yang boleh melakukan *check and balance* dengan izin. Tapi Taman Templer sekiranya ADUN Pembangkang mempunyai indeks SPIES yang tinggi jangan pula ADUN Kerajaan pula mempunyai indeks SPIES yang rendah dan masih kelabu dengan konsep SPIES. Jadi kita ini adalah kita perlu mencemerlangkan semua pihak semua Ahli Yang Berhormat.

Terima kasih kepada Paya Jaras yang mengingatkan ibu bapa OKU juga sepatutnya dimasukkan dalam Program SPIES. Saya bersetuju dengan saranan Paya Jaras dan memang keluarga OKU adalah contoh insan yang paling sabar dalam sesebuah masyarakat. Bukan senang nak jaga anak OKU dan keluarga OKU. Memang mereka sepatutnya diberi perhatian khusus.

Batu Caves mencadangkan agar program serupa PLKN diusahakan oleh Kerajaan Negeri Selangor. *Insya-Allah* saya akan membawa idea tersebut untuk dibincangkan di dalam Jawatankuasa Pendidikan. Dalam masa terdekat ini partisipasi maksimum remaja belia ke dalam masyarakat akan direalisasi dalam program SPIES di Village yang terlibat pimpinan belia setempat termasuk PEBT, Belia JKK, masjid, surau, siswa siswi dan NGO-NGO termasuk rakan sebaya di kalangan alumni SPIES. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Kota Alam Shah.



**Y.B. TUAN GANABARAU A/L VERAMAN :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Kebanyakan isu-isu yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di bawah STANCO saya adalah tentang kemiskinan, rumah ibadat bukan Islam, anak-anak pekerja ladang Tabung Anak Pekerja Ladang. Khususnya saya ingin berterima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Kelang. Yang Berhormat Sekinchan, Yang Berhormat Kuala Kubu Baru, Yang Berhormat Teratai, Yang Berhormat Batu Caves, Yang Berhormat Kampung Tunku yang menyentuh tentang isu-isu tadi. Yang Berhormat Hulu Kelang telah mencadangkan perlunya rancangan khas dibuat agar kumpulan sasar dapat dikesan dan program yang diuruskan kepada sesuatu daerah dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dalam membantu kemiskinan. Saya di sini mengambil maklum akan saranan Yang Berhormat Hulu Kelang akan dibawa bincang dalam masa-masa akan datang dalam MMKN agar dapat diselaraskan program-program ini dan juga untuk membantu menaik taraf atau mempelbagaikan program di bawah program Pembasmi Kemiskinan akan saranan daripada Yang Berhormat Hulu Kelang akan diambil maklum. Yang Berhormat Hulu Kelang juga telah membawa rumah ibadat bukan Islam sebenarnya Yang Berhormat Sungai Pinang telah menjawab sebahagian besarnya. Soalnya satu perkara yang saya rasa yang baru sekali yang pernah pertama kali dibawa di mungkin pertama kali dibawa ke Dewan mulia ini ialah Yang Berhormat Hulu Kelang telah mengungkit kepentingan untuk menjaga kebajikan penganut Hindu di Selangor. Dan beliau telah menyatakan bahawa memandangkan Negeri Selangor mempunyai penganut Hindu yang terbesar di Malaysia saranan untuk menubuhkan *Hindu Endowment Board* yang telah dipohon oleh segelintir masyarakat Hindu di Selangor dan apakah pandangan dasar daripada Kerajaan Negeri Selangor, itu persoalan daripada Hulu Kelang. Bagi pihak Kerajaan adalah masih dalam perbincangan. Adalah terlalu awal untuk menyatakan pendirian Kerajaan Negeri memandangkan isu ini memerlukan kajian yang mendalam dan juga pandangan pelbagai pihak juga perlu diambil kira. So maka cadangan daripada Hulu Kelang diterima tetapi kita masih lagi di dalam kajian tentang itu.

Seperkara lagi yang telah dibawa oleh Yang Berhormat daripada Teratai, bahawa Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang perlu ditingkatkan peruntukannya, buat masa kini memang hanya RM1 juta diperuntukkan.

Tuan Speaker, seperti yang dimaklumkan daripada soal balas daripada beberapa hari yang lalu, memang Kerajaan Negeri begitu prihatin terhadap kebajikan anak-anak pekerja ladang. Buat masa kini memang rancangan-rancangan yang khusus telah pun dirangka dan juga kita menanti dengan cadangan-cadangan baru agar kita dapat merangka program-program yang lebih bermakna dan juga lebih bermanfaat kepada anak-anak pekerja ladang ini. Memang tabung ini pernah diperuntukkan RM2 juta sebelum ini iaitu pada 2009 dan 2010, namun pada tahun 2011 ia telah diperuntukkan

hanya RM1 juta memandangkan program-program yang telah dirancang pada ketika itu tak diperlukan begitu banyak peruntukan. Namun Kerajaan Negeri memang sedia, sekiranya ada program-program yang bermakna dirancang di masa-masa akan datang. Memang ada pun rancangan bagi pihak saya, maka akan permohonan yang baru akan dibuat.

Seperkara lagi saya ingin menyentuh sebab kebanyakan soalan-soalan telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Sungai Pinang bagi pihak saya dan juga Y.B. daripada Batu Tiga, Yang Berhormat Batu Tiga telah menjawab banyak soalan yang berkaitan dengan kebajikan dan juga kemiskinan.

Berhubung dengan Rumah Ibadat Bukan Islam yang dibawa oleh Yang Berhormat Batu Caves yang berkenaan dengan tentang 100 tahun ke atas perlu peruntukan khas diberi, akan ambil maklum di sini seperti yang dikatakan oleh tadi Yang Berhormat Sungai Pinang akan dibawa bincang dalam Rumah Ibadat Bukan Islam dan kita akan buat kajian yang mendalam dalam hal ini terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih Tuan Speaker. Dalam perbahasan usul bajet peruntukan pembangunan 2014, beberapa Ahli Yang Berhormat menyentuh tentang isu pembangunan usahawan iaitu di bawah Vot P01 dan PK6 antaranya daripada Sekinchan yang memperkatakan tentang usahawan desa iaitu bagaimanakah menaikkan pendapatan usahawan desa serta bagaimana untuk mempromosikan dan memasarkan produk-produk mereka sementara Batu Caves dan Rawang serta Tanjung Sepat juga ada menyentuh tentang pembangunan usahawan. Jadi saya begitu mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan daripada para Yang Berhormat.

Kerajaan Negeri sentiasa memahami masalah yang dihadapi oleh usahawan terutamanya usahawan daripada desa, yang mana mereka menceburi pelbagai bidang keusahawanan sama ada bidang makanan, industri asas tani, industri asas ternak, kraf tangan dan pelbagai lagi dan mereka memerlukan bantuan. Jadi di bawah pembangunan, Program Pembangunan Usahawan banyak program yang akan dilaksanakan bagi membantu usahawan-usahawan ini antaranya seminar, kursus, latihan serta pelbagai program yang akan dilaksanakan.

Selain itu, untuk usahawan yang baru memulakan langkah untuk berada di dalam bidang usahawan, Kerajaan Negeri memberi bantuan seperti yang disebut oleh ADUN Batu Tiga iaitu program pemberian bantuan Skim MIMBAR dan SKIMSEL, seterusnya

kepada usahawan yang berada di tahap yang lebih baik sedikit, kita memberikan mereka bantuan berbentuk peralatan atau pun mesin-mesin seperti *oven* atau pun *mixer* dan pelbagai lagi di bawah dana industri kampung. Jadi untuk program pembudayaan usahawan yang mana untuk usahawan yang telah pun mempunyai produk, yang mana mereka telah pun ada produk yang telah pun berada di pasaran tetapi dari segi pembungkusan perlu diperbaiki lagi maka kita akan mempelawa usahawan-usahawan ini mengikuti Program Peningkatan Pengupayaan Pembungkusan Produk ini yang mana kita akan laksanakan bersama dengan SIRIM yang mana di bawah Program 4P ini iaitu Program Peningkatan Pengupayaan Pembungkusan Produk. Produk mereka ini akan dipertingkatkan melalui ujian nutrisi fakta nutrisi, dipatenkan dan diberikan reka bentuk pembungkusan agar lebih berdaya maju dan lebih berdaya saing untuk memasuki pasaran-pasaran di pasar raya atau pun ke arah pasaran yang lebih besar lagi.

Untuk pemasaran, Kerajaan Negeri berhasrat untuk menubuhkan Bazar Darul Ehsan dan fungsi Bazar Darul Ehsan ini adalah sebagai *One Stop Centre* atau pun Pusat Pengumpulan Produk-Produk IKS ini, yang mana ianya mungkin terdiri daripada produk-produk kraf tangan dan makanan. Di sinilah di bawah satu bumbung di bawah Bazar Darul Ehsan ini dipasarkan atau pun ditempatkan produk-produk daripada usahawan-usahawan kita yang terdiri daripada usahawan tempatan atau pun daerah tersebut, usahawan industri asas tani, industri asas ternak, kraf tangan tempatan dan usahawan belia dan juga usahawan wanita dan dengan wujudnya Bazar Darul Ehsan ini nanti kita akan bekerjasama dengan pihak *Tourism* Selangor untuk mempromosikan produk-produk Selangor dan membawa pelancong-pelancong untuk di singgah di Bazar-bazar Darul Ehsan ini. *Insyallah* kita akan bersama dengan pihak Pejabat Daerah dan juga ADUN-ADUN di kawasan untuk mengenal pasti tempat-tempat yang boleh kita jadikan sebagai Bazar Darul Ehsan dan Bazar Darul Ehsan ini juga akan menjadi tempat kepada daerah tersebut memperkenalkan produk kawasan tersebut atau pun mempromosikan produk kawasan itu iaitu knish produk, knish kawasan itu, jadi di sinilah mungkin contohnya kalau di Kuala Langat knish produk yang ada di situ adalah kerepek dan untuk Jalan Kebun produk yang biasa kita temui adalah produk cenderahati perkahwinan seperti kek, *muffin* yang telah pun dipakejkan dengan cantik untuk dijadikan cenderahati perkahwinan. Jadi inilah yang kita akan laksanakan daripada satu daerah ke satu daerah mengikut kesesuaian tempat dan juga produk-produk yang ada di situ.

Untuk promosi pula kepada usahawan-usahawan kita, kita sentiasa memberi peluang kepada mereka untuk bersama di dalam pameran, ekspo atau pun karnival usahawan di mana Kerajaan Negeri dijemput, kita akan bawa usahawan-usahawan ini untuk bersama di dalam karnival-karnival ini. Bagi mereka untuk mempromosikan produk

mereka menambahkan jaringan di kalangan usahawan ini dan memberikan pengalaman mereka untuk mengembangkan usahawan. Jadi antara yang telah pun kita bawa, usahawan-usahawan kita adalah dalam Karnival Usahawan MIHAS, dalam *Halal Fest*, Program Satu Daerah Satu Industri, *Factory Outlet Carnival* oleh MATHRID dan juga akan datang kita akan bawa usahawan kita menyertai Karnival OTOP iaitu One Tambun One Produk di Thailand, Tambun itu bermakna kampung, jadi Satu Kampung Satu Produk di Thailand dan selain daripada itu acara-acara, di acara-acara tahunan seperti Selangor *Agro-Fest* yang sekarang ini kita sedang berlaku dan juga karnival-karnival usahawan atau pun ekspo-ekspo usahawan sepanjang tahun di dalam negeri Selangor. Jadi inilah antara program-program yang kita akan....

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH :** Mohon penjelasan, Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Bangi.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH :** Terima kasih, Puan Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya nak mohon sedikit penjelasan mengenai beberapa perkara, yang pertama mengenai produk. Kalau orang tanya saya apa produk negeri Selangor bab makan-makan ni, *so I have no answer*, saya tak ada jawapan untuk itu, kerepek ke?, kek ke? Apa?.

Yang kedua, di manakah produk itu dipasarkan dan bagaimana dibentukkan pasar raya itu, apakah cara bermusim atau sepanjang masa. Kalaulah datang pelancong ke tempat kita ini untuk satu musim dia akan dapat di sini atau bila-bila sahaja dia datang dia akan dapat di situ sepanjang tahun. Bagi memudahkan pelancong-pelancong datang ke mari dapat apa yang kita tawarkan.

Yang kedua lokasi, maaf. Yang ketiga, market. Market kita siapa, adakah orang tempatan atau orang luar Negara dan bagaimana market luar Negara itu besar dan dia ditentukan lokasinya di mana. Saya ambil contoh, kalau diletakkan di Shah Alam, apakah dia punya tarikan yang besar kepada pelancong untuk datang, *just for this product* atau letak yang berhampiran dengan KLIA di Sepang misalnya atau Bangi boleh menawarkan tempat untuk memudahkan orang datang dan pergi ke KLIA. Di manakah tempat yang paling strategik untuk menarik pelancong luar untuk membeli produk Selangor. Apa produk Selangor sebenarnya. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih, Bangi. Memang kita pun sentiasa memikirkan dan kita juga sentiasa ditanya apakah produk Selangor yang *special* yang boleh kita ketengahkan kepada orang luar atau pun kita sendiri nak berbangga tentang produk Selangor. Sebenarnya memang kita tidak tahu lagi apakah

produk Selangor. Jadi, sebab itulah kita dalam program Bazar Darul Ehsan ini, kita memulakannya iaitu di Kuala Langat dan di mana di Kuala Langat ini produk utama dia adalah kerepek dan pelbagai hasil industri kampung jadi kita jadikan dia sebagai satu .. sebagai *trade mark* untuk Kuala Langat dan juga sebagai pilot projek untuk Bazar Darul Ehsan ini dan sekiranya ia berjaya kita akan buat pula di daerah lain Bazar Darul Ehsan ini mengikut knish yang istimewa produk di kawasan tersebut di daerah tersebut. Jadi selepas itulah kita memulakan jadi selepas inilah kita akan boleh berbangga dengan produk-produk yang ada di Selangor dan kita mungkin bukan hanya satu tetapi mungkin pelbagai produk kita boleh ketengahkan hasil negeri Selangor.

Selain daripada produk-produk makanan, kita juga mungkin ada produk-produk kraf tangan yang terbaik yang sekarang ini memang kita tidak tahu di mana. Jadi sebab itulah kita hendak kumpulkan di bawah satu bumbung iaitu Bazar Darul Ehsan ini agar kita boleh kenal pasti inilah dia produk-produk Selangor dan di situlah juga bila ianya ada di situ, maka akan dikenali dan kita akan bawa pelancong atau pun orang Selangor sendiri atau pun rakyat Malaysia sendiri apabila datang Selangor tahu mana hendak mendapatkan produk-produk Selangor ini iaitu di Bazar Darul Ehsan. Itulah, terima kasih kepada Bangi.

**TUAN SPEAKER :** Lima (5) minit lagi ye, Yang Berhormat Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Ok, terima kasih. Kemudian tentang kesihatan. Ijok begitu prihatin tentang hal kesihatan rakyat Selangor dan Ijok juga mencadangkan untuk mengadakan agar Kerajaan Negeri melaksanakan atau pun mengadakan program khidmat klinik bergerak. Ini adalah satu cadangan yang sangat baik insya-Allah kita akan cuba cadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri agar kita boleh mengadakan satu set atau pun klinik bergerak yang kita sendiri menguruskannya dan kita di sini pun ADUN-ADUN kita pun ramai doktor. Kita ada empat orang doktor dan dua orang *dentist*. Jadi mungkin dengan adanya klinik bergerak ini, kita boleh laksanakan program-program kesihatan rakyat di DUN *by* DUN dengan izin. Ianya adalah satu, satu program yang begitu baik untuk kita laksanakan.

Selain daripada itu, Ijok juga ingin tahu mengapa tiada program atau pun perkhidmatan klinik bergerak di Kuala Selangor dan di Sepang. Ini insya-Allah saya akan berbincang kepada pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan kita akan mencadangkan agar dilaksanakan khidmat klinik bergerak ini. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih, Puan Speaker. Saya bermula dengan beberapa cadangan daripada Yang Berhormat Sekinchan, cuma Sekinchan mungkin saya rasa di luar. Beliau telah membangkitkan pelancongan di beberapa kampung-kampung Melayu tradisi di kawasan...oh, selamat datang...(ketawa)...kampung-kampung Melayu tradisi khususnya di Sabak Bernam. Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat Sekinchan bahawa kita tiada niat pada ketika ini untuk memperkenalkan pelancongan sahaja tetapi Kerajaan Negeri Selangor pada awal penggal ini telah maklum satu program khas pembangunan desa di mana beberapa kampung-kampung di luar bandar dan juga desa akan dipilih dan kita akan membuat satu program pembangunan secara keseluruhannya. Bukan sahaja ada pelancongan tetapi ada pertanian, pendidikan, IT dan sebagainya. Jadi kita akan pilih beberapa kampung di kawasan daerah Sabak Bernam dan kita akan menggunakan kes ini sebagai satu projek perintis dan saya akan beri peluang kepada.....

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker, mohon mencelah.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tunggu, saya habiskan. Kepada Yang Berhormat Sabak untuk memberi butiran yang selanjutnya. Nak tanya saya atau pun Sabak?

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ya, kita sedia maklum di Sabak Bernam juga ada bangunan yang besar di tengah laut iaitu kelong. Dan satunya bila ianya di *highlight*kan sudah tentunya akan menjadi ramai pelancong akan datang ke Selangor khususnya. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini, terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Yang Berhormat, kelong yang disebut itu adalah di bawah tanggungjawab Majlis Daerah Sabak Bernam. Pada awalnya memang ada pengusaha di sana, ada syarikat tetapi kita dimaklumkan tidak bayar sewa dan sebagainya. Akhirnya kita batalkan perjanjian dan Majlis Daerah Sabak Bernam telah memohon untuk mengurus kelong tersebut dan saya harap YB-YB di Sabak Bernam kalau ada idea macam mana nak membangunkan lagi kelong tersebut saya rasa itu adalah satu kawasan pelancongan yang amat bagus.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak minta penjelasan tambahan berkaitan dengan pembangunan desa seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat EXCO Pelancongan dari Bukit Lanjan, di mana pembangunan desa ini kami amat mengalu-alukan terutama sekali di luar bandar. Satu perancangan yang holistik yang menyeluruh, yang seluruhnya, seluruhnya tetapi apa yang saya nyatakan dalam perbahasan saya dalam peruntukan pembangunan, adalah di kawasan Sekinchan di Parit 7, Pantai Sungai Labu. Sekarang kita dah kenal pasti kawasan itu ada potensi

boleh dibangunkan sebagai satu pusat pelancongan, tarikan untuk pelancong, satu. Keduanya boleh dibangunkan satu pusat *chalet* atau pun hotel bertaraf tiga bintang macam Impian Morib, nama ini boleh kita masukkan sebagai Impian Sekinchan. Impian Sekinchan dan Kerajaan Negeri mempunyai kekuatan iaitu menggunakan De Palma atau pun PKNS untuk uruskan dan kita akan pantau perkara ini penjana ekonomi orang kampung telah diisi di Sekinchan ini, kawasan Melayu ini akan semakin bertambah kegiatannya, pendapatannya pun akan bertambah dan pelancongannya pun akan bertambah. Ini saya minta penjelasan Bukit Lanjan supaya sokonglah kalau boleh, ini boleh dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Memang Bukit Lanjan selalu sokong cadangan-cadangan yang diutarakan oleh Sekinchan. Sangat ketara cadangannya cuma projek perintis pembangunan desa objektif, adalah untuk menjanakan pendapatan dan kehidupan yang lebih selesa dan pendapatan yang lebih banyak untuk orang-orang kampung. Jadi kalau kampung Melayu tradisi yang terletak dekat Parit 7 dipilih sebagai projek perintis pembangunan desa saya rasa itu pun bagus cuma saya bukan dalam jawatankuasa untuk memilih kampung-kampung tersebut. Kalau Sekinchan ada cadangan lain macam mana kita boleh bangunkan, kita boleh tapi saya juga ingin memberi bukan nasihatlah tapi ini pendapat saya. Kalau kita ada beberapa kawasan atau pun tapak-tapak pelancongan yang sedia ada, kita harus jaga, selenggara dan *promo*. Kalau kita ada terlalu banyak dan pada satu ketika saya pernah kira berapa tapak-tapak pelancongan yang kita ada di seluruh negeri Selangor. Lebih daripada 300. Kadang kala bagi untuk strategi untuk mempromosi atau pun mengiklankan dan sebagainya itu pun boleh memeningkan Tourism Selangor. Jadi kita fokus beberapa tapak-tapak utama termasuk Sekinchan dan pada masa yang sama kita cari kawasan-kawasan yang baru. Tapi tidak semestinya kita akan bangunkan esok hari, tahun depan dan sebagainya. Ini akan dimasukkan dalam rancangan keseluruhannya. Yang Berhormat Rawang juga ada berbangkit beberapa perkara khususnya tentang isu-isu orang asli dan memang tanah adat orang asli adalah satu isu yang Kerajaan Negeri Selangor sedang mengkaji penggazetannya dan pada pertengahan tahun ini kita memang ada satu kejayaan iaitu kita berjaya menggazet satu kampung orang asli iaitu Kampung Orang Asli Kelubi, dekat daerah Hulu Selangor. Ini adalah satu *work in progress* di mana kita ada beberapa kampung, kita perlu jalankan satu proses di mana kita panggil *community mapping* atau pun pemetaan masyarakat dengan kerjasama masyarakat tempatan dan sebagainya dan kita cuba mempercepatkan proses penggazetan tersebut tapi ini bukan satu proses yang senang. Bukan seperti dekat bandar memang tanah itu sudah ditentukan sempadan dan sebagainya. Tentang penghasilan kraf tangan orang asli, saya mengalu-alukan cadangan daripada Yang Berhormat Rawang, kita pernah membeli kraf tangan daripada orang asli khususnya dekat Pulau Carey sebagai

cenderahati Tourism Selangor dan untuk Tahun Melawat Malaysia 2014, kita akan mempergiatkan lagi penghasilan dan juga pemberian cenderahati tersebut. Saya sambung sedikit walaupun tidak dibangkit oleh Bangi semasa perbincangan, saya tertarik soalan yang dibangkitkan oleh Bangi. Kita memang ada beberapa kraf tangan yang dikenali di Selangor, khususnya di Selangor sahaja. Kraf tangan orang asli Mah Meri di Pulau Carey di bawah Sijangkang dan ini memang termasyhur di seluruh dunia tapi penghasilannya agak lambat kerana ini adalah satu kesenian yang khas. Jadi itu boleh dijadikan satu identiti Negeri Selangor. Selain daripada itu kita ada songket Selangor, ha...percaya. Ada songket Selangor. Kedainya di Shah Alam sahaja tapi terlalu mahal untuk saya masukkan dalam beg Tourism Selangor. Jadi kalau sesiapa di sini kalau nak buat tempahan, saya boleh beri alamat. Itu sahaja tapi kita ada songket Selangor. Kita juga ada *Selangor Pewter*. Itu nama Selangor. So, ini ada beberapa *handycraft* atau pun produk-produk dari Negeri Selangor yang termasyhur di seluruh bukan Selangor sahaja, bukan negara, seluruh dunia. Saya pergi Melbourne pun ada *Selangor Pewter*. Saya rasa sangat bangga. Saya tengok ha, Selangor. Itu yang bagus cuma kita tidak boleh kerana Bangi, dia tanya boleh jual di KLIA. Kita ada TIC, *Tourism Information Centre* di KLIA tetapi dalam perjanjian untuk kita menyewa tapak tersebut kita tidak boleh buat penjualan *handycraft* atau pun pakej-pakej dan sebagainya. Kita hanya boleh berfungsi sebagai *Tourism Information Centre*. Walau bagaimanapun ada beberapa kedai yang mereka jual *handycraft* dari beberapa negeri, saya harap saya yakin lah Kerajaan Negeri melalui agensi-agensinya boleh mendekati kedai-kedai tersebut untuk mempamerkan *handycraft-handycraft* dan juga produk-produk daripada Negeri Selangor. Damansara Utama...

**TUAN SPEAKER:** Lima minit lagi Yang Berhormat Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Ini Sekinchan kacau saya. Damansara Utama, saya ingin ucapkan terima kasih kerana telah membangkitkan perkara *accessible tourism*. Ini merangkumi beberapa aspek. Saya setuju, bukan sahaja orang kurang upaya, warga emas tapi ini adalah satu sektor pelancongan yang boleh dikatakan yang cuba dilaksanakan di tahap permulaan di Negeri Selangor. Ini merangkumi aspek-aspek infrastruktur, pengangkutan awam, perkhidmatan termasuk *tour guide*, pemandu-pemandu pelancongan, pameran aktiviti, komunikasi dan sebagainya. Jadi di Negeri Selangor, kita memang telah mula adakan sebagai contohnya *ramp* untuk laluan pelancong-pelancong menggunakan kerusi roda, laluan khas untuk pejalan kaki orang buta yang menggunakan tongkat. Kemudahan-kemudahan ini boleh dilihat di hotel-hotel, pusat membeli belah dan juga di perhentian bas. Baru-baru ini bulan November kita telah adakan satu seminar, Majlis Perbandaran Klang telah mengadakan satu seminar yang bertajuk *Luncheon Talk On Accessible Tourism*. Ini untuk perbincangan tentang pembinaan kemudahan orang kurang upaya di kawasan Klang. Selain



daripada itu Tourism Selangor juga telah mengambil tindakan untuk menyediakan kemudahan bagi golongan OKU yang menggunakan kerusi roda bagi kemudahan mereka menggunakan kemudahan tandas di *Congkak Park and Resort* dan juga *chalet-chalet* yang terdapat di situ. MBSA juga telah membina sebuah perhentian bas yang terletak di Seksyen 9 berhampiran dengan SACC Mall menyediakan kemudahan pejalan kaki OKU terus ke kedai-kedai berhampiran dan juga Seksyen 10 berhampiran Sekolah Agama Menengah Tengku Ampuan Jemaah. Di hutan simpan Kota Damansara, kita juga ada *railing* untuk orang buta kalau mereka ingin menikmati hutan simpan, suasana dan sebagainya. Memang *railing* itu dibuat dengan kerjasama MBPJ dan juga Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Ini antaranya namun begitu ia masih satu *work in progress* dan saya rasa ini sikit-sikit lama-lama boleh jadi bukit.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB:** Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB:** Saya menimbulkan isu pembuatan kuarza, belum?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Kesabaran separuh daripada iman.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya ada satu cadangan untuk *accessible tourism* iaitu antara yang 300 destinasi pelancongan itu kita boleh *licencekan like not licence* satu *recognition or sign that is accessible proven*. So, mereka yang hendak *accessible tourism* nak pergi *accessible destination*, dia boleh dapatkan di sana.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih Damansara Utama. Satu cadangan yang amat bagus akan dilaksanakan mulai tahun depan. Hulu Kelang, sebahagian soalan telah, perkara sudah dijawab oleh Yang Berhormat Sijangkang tentang *river of life* dan sebagainya. Cuma ada tiga perkara yang saya ingin sentuh iaitu:

Pertama, operator-operator *resort* yang tiada *licence* atau pun *TOL*, kalau saya rasa kalau *resort-resort* tersebut boleh diputihkan kita daripada kerajaan negeri boleh mempertimbangkan. Namun begitu kita perlu ikut syarat-syarat yang diputuskan oleh agensi-agensi yang berkenaan, dan kerajaan negeri semasa mesyuarat MMKN pada bulan September yang lalu telah memutuskan untuk tidak memberi *TOL* lagi di kawasan *reserve* sungai dan *reserve* sungai ini adalah tiga sungai yang utama di negeri Selangor, Sungai Kelang, Sungai Langat dan juga Sungai Bernam. Ini juga akan

termasuk pada masa yang terdekat anak-anak sungai yang mengalir di dalamnya. Jadi, kita nanti boleh sama-sama, bersama dengan Yang Berhormat Sijiangkang turun atau pun bincang dengan Yang Berhormat Hulu Kelang macam mana kita boleh menyelesaikan isu dan juga masalah tersebut. Tanaman herba ia itu cadangan dari Hulu Kelang untuk mencantumkan program tanaman herba Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dengan Jabatan Pertanian. Untuk makluman Hulu Kelang semua jabatan perhutanan negeri-negeri di semenanjung Malaysia ada program khas dan pengumpulan maklumat dilakukan daripada ekspedisi-ekspedisi yang dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri dan juga Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Dan ini adalah satu program khas yang bertujuan untuk menjamin pemeliharaan tumbuhan herba dan juga mempertingkatkan penggunaan atau pun memperkenalkan pokok-pokok dan herba-herba hutan yang mempunyai nilai saintifik. Jadi, dia kurang untuk pemasaran atau pun pertanian. Dia, projek ini adalah untuk mengekalkan biodiversiti pada masa yang sama kita juga bertujuan untuk memajukan industri *pharmaceutical* dan juga perubatan tradisional. Jadi, dia ada ciri-ciri yang khas. Walau bagaimanapun, kalau ada peluang kita akan bekerjasama dengan Jabatan Pertanian dan sebagainya.

**Y.B, TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Penjelasan, isu yang saya hendak bangkitkan ialah tentang merakyatkan penanaman pokok herba. Adakah ini satu program yang akan diambil oleh kerajaan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dalam bidang tanaman herba adalah berbeza sedikit. Kerana ianya adalah satu kajian saintifik lebih menjurus terhadap sains daripada pemasaran dan sebagainya. Warisan, Kelang Gates bagi menjawab cadangan mengenai Permatang Kuarza Genting Kelang, atau pun yang dikenali sebagai Permatang Kuarza Kelang, untuk makluman Hulu Kelang, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor, JMG, Jabatan Perhutanan, Jabatan Perhilitan, Lembaga Urus Air Selangor dan pihak-pihak terlibat seperti Majlis Perbandaran dan juga Pejabat Tanah telah mengemukakan Borang E bagi pencalonan Permatang Kuarza Genting Kelang sebagai tapak warisan kebangsaan ke Jabatan Warisan Negara pada 18 Oktober 2013 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Jadi, sekarang kita hanya tunggu maklum balas daripada Jabatan Warisan Negara dan di negeri Selangor kita telah wartakan sebagai Warisan Negeri. Akhir kata, satu minit. Saya ingin ucapkan terima kasih kepada semua ADUN-ADUN yang telah menyertai perbahasan dan juga memberi maklum balas cadangan, teguran dan sebagainya dalam Dewan ini, jadi saya ada satu pantun untuk ADUN-ADUN semua.

Terang bulan di tengah malam, bulan.

Air pasang tenang-tenangan  
Sumbangan Adun dan kakitangan awam  
Menjadi harapan di masa hadapan

Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah, sebelum saya panggil Yang Berhormat Sabak, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan Dewan ini masih belum selesai, maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:-

Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah dilanjutkan sehingga usul nombor 16 diputuskan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker. Saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju, sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui. Silakan Yang Berhormat Sabak.

**Y.B. TUAN SELEHAN BIN MUKHYI** : *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Salam sejahtera, Puan Speaker. Sejumlah wang yang diperuntukkan untuk pembangunan dalam Jabatan Pertanian telah dibahaskan oleh Hulu Kelang, Sekinchan, Seri Andalas, Ijuk dan Sungai Burung. Saya mengucapkan ribuan terima kasih. Hulu Kelang telah membangkitkan soal taman herba ya, yang sebentar tadi sebahagian telah dijawab berkaitan dengan herba hutan. Yakni ialah herba yang komersil. Kerajaan bersedia menyahut cabaran dengan peruntukan RM 150 ribu untuk membangunkan taman herba. Ah! Ianya dengan menyediakan keperluan herba sebagai bahan perubatan atau pun *supliment* kepada rakyat yang gemar kepada herba. Program ini melibatkan 9 projek dengan keluasan 58.77 hektar dan melibatkan peserta seramai 184 orang.

Di Kelang, mempunyai satu projek dengan keluasan 3.7 hektar melibatkan seorang peserta. Di Kuala Langat, 3 projek iaitu di Kampung Cantik, Banting 0.3 hektar dengan seorang peserta. Kampung Sungai Manggis, Kuala Langat melibatkan 1.2 hektar

dengan seorang peserta. Kampung Simpang Morib 2 seluas 27.47 hektar melibatkan 37 peserta. Sementara di Kuala Selangor mempunyai 5 projek ya itulah di Batu lapan, Kampung Baru Raja Musa dengan 2.8 hektar melibatkan seorang peserta. Ban Cannals Sungai Burung 31 hektar dengan seorang peserta. Kampung Sungai Sirih 20 hektar dengan melibatkan 40 peserta. Kampung Sungai Yu, Tanjung Karang 1.5 hektar dengan seorang peserta dan Kampung Batu 43 Jalan Pantai Rasa Sayang, Sg. Burung 0.8 hektar melibatkan seorang peserta. Ah! Untuk seterusnya, bagi merangsang dan taman herba ini maka skim galakkan dalam bentuk modal dan khidmat nasihat bagi mana-mana peserta yang berminat untuk mempelbagaikan jenis herba maka kerajaan negeri akan cuba membantu termasuk sekiranya berkeinginan untuk membangunkan tanah-tamah terbiar milik individu, maka khidmat nasihat dan dari segi sedikit modal boleh peruntukan kepada mereka yang berminat dalam program ini. Dari Hulu Kelang saya pergi ke Sekinchan.

Dari Hulu Kelang pergi ke Sekinchan  
Pergi membeli buah pulasan  
Andai serik ditipu Barisan  
Mari bersama perkukuh Pakatan.

Membangkitkan bantuan kepada nelayan. Apa yang dibangkitkan ialah berkaitan dengan penguatkuasaan yang terbaru berkaitan dengan mata jaring dari 22 milimeter kepada 38 milimeter. Terutama sekali ialah bagi pemegang lesen B dengan tujuan penguatkuasaan ini ialah berikutan dengan pemulihan kepada penangkapan ikan atau pun penjagaan kepada biodiversiti sebagai mana yang disebutkan. Sebab apa, menurut kajian sejak daripada 29 tahun sejak 1975 hingga 2004 dalam masa 29 tahun ah! Lautan kita menghadapi penurunan penangkapan ikan sebanyak 92%. Maka dengan sebab itu keperluan dilihat oleh Kementerian Pertanian terutama sekali Perikanan untuk meningkatkan maka sebab itu penguatkuasaan yang sebenarnya telah pun diletakkan lama cuma ianya tidak dilakukan *public hearing* kepada para nelayan. Maka apabila ianya dikuatkuasakan sebahagian besar para nelayan menjadi terkejut dan sebahagian mereka dalam masa beberapa hari tidak turun ke laut. Jadi, untuk itu saya sendiri telah menemui warga nelayan dan beberapa persatuan nelayan di Sabak Bernam, di Sungai Besar dan saya menyatakan bahawa, saya akan menulis surat kepada Kementerian sendiri pertama sekali ialah mengadakan satu *public hearing* kepada para nelayan. Yang kedua ialah supaya meningkatkan *enforcement* kepada nelayan-nelayan kelas B yang mereka berada melakukan aktiviti mencari ikan dalam lautan di bawah daripada lima batu nautika. Yang ini, yang banyak menjadi rungutan kepada para nelayan. Jadi, yang itu perlu dilakukan. Jadi, dan begitu juga pihak kerajaan melalui Jabatan Perikanan bersedia dan sejak daripada dulu bersedia untuk mengeluarkan bantuan kepada mana-mana nelayan A terutama sekali yang nelayan

persisir pantai yang memerlukan bantuan dari sudut wesel, dari sudut jaring, dari sudut injin untuk mereka boleh. Tetapi saya mengulang lagi apa yang saya sebut sebelum daripada ini bahawa *insya'allah* pada masa akan datang kita tidak bagi lagi dalam bentuk pemberian percuma sahaja tetapi dalam bentuk satu perjanjian, pinjaman dengan harga nilai yang barang yang kita keluarkan. Ini kita lakukan bukan kita hendak nelayan bayar balik dengan duit tidak, tetapi mereka bayar dengan tiga hasil. Contohnya satu bulan mereka pergi ke laut dan mereka seharian mereka dapat beberapa hasil dan sebulan dia dapat berapa, perlu pengesahan kepada, apa, kepada persatuan dan juga LKIM sendiri hasilnya sebanyak sekian ringgit, dan perlu dibawa ke kerajaan negeri maka apabila jumlah sampai kepada jumlah barangan yang dia kerajaan negeri barulah. Ini semua kita bentuk kerana hendak membentuk sikap fokus di kalangan nelayan-nelayan supaya kita tak hendak lagi berlaku nelayan diberi bantuan akhirnya kita bagi injin bot, dia jual injin bot, kita bagi jaring dia jual jaring. Ini fokus kepada ah! Pertanian. Kemudian, begitu juga Sg. Burung, Sg. Burung mohon fokus kepada pembangunan pertanian di kawasan Sg. Burung. Terima kasih kepada Sungai Burung. Untuk Sg. Burung,

Andai tuan mudik ke hulu  
Jangan lupa orang di muara  
Andai Sg. Burung takutkan hantu  
Jangan bicara soal negara

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Sabak, lima minit lagi.

**Y.B. TUAN SALLEHIN BIN MUKHYI** : Lima minit lagi. Oh.

**TUAN SPEAKER** : Kurangkan pantun.

**Y.B. TUAN SALLEHIN BIN MUKHYI** : Pantun pun dah satu minit dah. Bagi kawasan padi Jabatan Pertanian akan meneruskan usaha-usaha untuk meningkatkan hasil padi melalui program-program untuk meningkat pengetahuan dan amalan-amalan teknologi yang disyorkan yang bermula dari peringkat penyediaan ladang, perataan tanah, penggunaan benih bermutu, pengurusan air dan pembajaan. Pada tahun 2014 sejumlah RM 1.5 juta lebih diperuntukkan di bawah projek peningkatan hasil padi untuk seluruh negeri Selangor. Fokus juga akan juga akan diberikan kepada pengurusan perosak secara bersepadu bagi membendung masalah-masalah serangan-serangan perosak dan penyakit seperti tikus, sipergondang, binaperang dan karah daun. Dan sejumlah RM 100 ribu di bawah program pengurusan perosak bersepadu untuk tahun 2014. Pesawah padi juga akan dibimbing untuk pertanian secara lestari atau pun *nature farming* melalui penubuhan kumpulan-kumpulan untuk penghasilan baja-baja

organik. Di kawasan *constabel* dengan izin, Jabatan Pertanian akan menumpukan usaha untuk memulihkan industri kelapa melalui projek penanaman semula kelapa dengan jenis *hybrid*, kelapa matad dan kelapa juga a kelapa pandan. Ya ani kelapa matad dan pandan boleh menghasilkan antara 20 ribu biji hingga ke 25 ribu biji bagi per hektar bagi satu tahun berbanding kelapa tinggi sekarang menghasilkan sekitar 4 ribu ke 5 ribu biji per hektar bagi satu tahun. Seri Andalas membangkitkan soal *reserve* jalan, Seri Andalas tak ada. *Reserve* jalan kita tidak boleh melakukan apa-apa aktiviti pertanian. Kecuali apabila sesuatu tanah itu telah diwartakan sebagai pertanian maka pihak Jabatan Pertanian tidak ada masalah untuk memberikan bantuan dan begitu juga lujuk juga menyinggung terhadap relevansi dasar pertanian negara dan transformasi terhadap pertanian negeri khususnya penggunaan bio teknologi. Pelaksanaan dasar pertanian negara yang lalu telah menyediakan asas kukuh bagi meningkatkan sumber sektor pertanian kepada ekonomi negara. Sektor pertanian telah mengambil transformasi daripada sektor yang tertumpu kepada beberapa komoditi industri terutama kepada pembangunan pelbagai komoditi. Khususnya industri *agro* makanan dan pengembangan aktiviti pemprosesan berasaskan pertanian. Asas sektor pertanian yang kukuh ini telah membantu ekonomi negara menghadapi krisis kewangan global pada tahun 1997 dan krisis makanan global pada tahun 2008 dengan berakhirnya tempoh dasar pertanian ini dan ketiga, pada tahun 2010, penggubalan dasar *agro*-makanan negara, 2011 hingga 2020 yang khusus kepada industri makanan adalah bertepatan dengan usaha kerajaan bagi menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat kepada rakyat serta meningkatkan sumbangan kepada pendapatan negara dan usahawan tani dan apatah lagi kita sendiri begitu serius untuk terus melaksanakan *nature farming* supaya kita dapat melestarikan alam dengan tidak menggunakan kandungan bahan-bahan beracun.

Dan seterusnya tuan-tuan sekalian, saya suka untuk pergi kepada perbahasan berkaitan dengan peruntukan Jabatan Agama Islam Selangor yang telah disinggung oleh Hulu Kelang, Sungai Burong, Kota Anggerik, Sri Serdang, Paya Jaras, Bukit Gasing dan Sri Andalas. Pertama sekali, berkaitan dengan masjid. Dalam Rancangan Malaysia ke-10 sebenarnya kita telah menyenaraikan beberapa masjid yang akan dibina. Tetapi, walau bagaimanapun, saya akan minta satu pasukan untuk melihat supaya, mana keperluan terhadap masjid-masjid yang sangat mendesak untuk dibina terlebih dahulu berdasarkan kepada kepadatan penduduk dan keperluan semasa. Yang kedua, berdasarkan kepada keselamatan, ciri-ciri keselamatan yang ada pada sebuah masjid. Walaupun masjid ada, penduduk tidak padat tetapi masjid telah terlalu lama dan belum lagi masuk dalam Rancangan Malaysia yang ke-10. Kalau ia mendesak untuk dibina maka kita akan lihat supaya kita harap sama ada penambahbaikan terhadap masjid sedia ada ataupun pembinaan yang baru, kita dapat laksanakan. Dan, begitu juga tentang masjid-masjid, pertanyaan daripada Kota

Anggerik, berkaitan dengan masjid yang tidak diserahkan kepada kerajaan negeri. Sebenarnya, mana-mana masjid yang dibina di atas tanah negeri Selangor, semua adalah di bawah kawalan kerajaan negeri. Dari segi operasi dan urus tadbir termasuk Masjid NAZA yang dibina sebagaimana yang dibangkitkan oleh Kota Anggerik pada hari semalam. Dan Sungai Burong juga membangkitkan soal, sedikit dia menyentuh tentang UMNO tidak dilantik mengetuai AJK masjid dan sebagainya. Sebenarnya, ini bukan soal UMNO, bukan soal PAS tapi soal masjid ini ialah soal, apa ni, ciri-ciri soal urus tadbir masjid, manusianya telah disebut oleh Allah dalam Al-Quran sendiri. Yang saya yakin, semua telah ambil maklum bahawa Allah telah menyebut ciri-ciri .. (Surah Al-Quran) hingga akhir hayat. Jadi, ini bukan soal UMNO, bukan soal PAS tetapi soalnya ialah kita sekarang meletakkan kita tidak mahu seperti dulu lagi, zaman Barisan Nasional. Lantik Pengerusi masjid bukan dari kalangan mereka yang berjemaah di masjid itu sendiri. Lantik Pengerusi bukan mereka yang dari kalangan orang yang dipanggil penghayatan terhadap sembahyang-sembahyang tetapi kita lantik di kalangan mereka yang melazimkan diri untuk sentiasa mendatangi masjid. Termasuk saya fikir, Adun Sungai Air Tawar, sekarang ini masih lagi sebagai...setiausaha..

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Peringatan

**TUAN SPEAKER :** Tengok Yang Berhormat Sabak, lima (5) minit, tapi ucapan itu memang akan buat Sungai Burong bangun. (Ahli dewan ketawa) Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Sebab dia kata Sungai Burong ni telah, *'kalau takut dengan hantu jangan bicara negara'*, (Ahli dewan ketawa) jadi kerana tak takut dengan hantu maka kita akan bicara. Ha, saya sebenarnya ingin membangkitkan pandangan apa ni, EXCO agama yang menyatakan keadaan seperti dulu, berbeza..sekarang berbeza dengan dulu. Tapi saya nak beritahu kenyataan, ini kenyataan fakta ya, saya bagi contoh..orang Nazir daripada UMNO yang memang orang yang rajin pergi masjid ya, kemudian itu mereka memang disegani oleh masyarakat tetapi namanya dicalonkan dalam senarai yang tertinggi di antara yang tiga (3) tetapi kemudiannya bila sampai masa pemilihan Jawatankuasa Masjid, ia tidak disenaraikan dan digantikan dengan orang lain. Kemudian, dinyatakan tadi bahawa Ahli-ahli Jawatankuasa yang dipilih, ini adalah orang-orang yang sentiasa dalam masjid. Saya boleh bagi bukti di masjid Tanjung Karang, ya, Ahli-ahli Jawatankuasa yang dilantik di masjid, tidak pergi masjid. Dan sehingga menjadi aduan di kalangan orang-orang PAS sendiri. Jadi, saya ingat kita nak bercakap biar berlapis sikit lah. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI :** Terima kasih Sungai Burong. Lapis saya ialah mana-mana jawatankuasa yang tidak pergi masjid ini sila maklumkan. Jadi, kita akan,

kita akan tengok dia. Dan kalau dia tidak terlibat masjid kita minta supaya dia diketepikan daripada Jawatankuasa masjid itu sendiri. Terima kasih. Dan begitu juga tentang Paya Jaras, berkaitan dengan..Paya Jaras pun tak ada dah. Tapak masjid Kampung Sungai Buloh Gombak, cadangan pengambilan atas tapak hak milik Yan Fok Son, jabatan masih dalam proses perbincangan bersama Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Perbandaran Selayang dan Pejabat Tanah Gombak dan Unit Perancang Ekonomi Negeri, UPEN, bagi mendapatkan pandangan dan ulasan justifikasi serta keperluan pengambilan secara keseluruhan atau pecah sempadan. Dan, berkaitan dengan Sekolah Rendah Agama tadi telah disebut oleh EXCO Pendidikan begitu juga soal Sungai Air Tawar membangkitkan Mahkamah Syariah Sungai Besar, *Inshaallah*, akan beroperasi tidak berapa lagi sebab mahkamah tu pun telah siap dan Sungai Burong juga membangkitkan soal peruntukan untuk *ammar maaruf nahi mungkar*, program dakwah, ajaran sesat termasuk menyebut berkaitan dengan soal tuntutan komangus, daripada *Universal Parit Review* (UPR). Sebagaimana yang kita sedia maklum, mereka menuntut sebanyak 62 perkara, banyaklah, antaranya soal sekretariat akhbar dan sebagainya tetapi yang komangus ini menyebut dalam beberapa tuntutan dan kita Islam, kita sedia maklum dan kita kerajaan negeri memang telah ada enakmen-enakmen terhadap pelanggaran syariah, undang-undang syariah ini kita ada enakmen yang memang jelas bahawa satu hukum itu haram maka kita bukan sekadar sedia enakmen, tetapi kerajaan negeri sendiri telah menyediakan pelan sama ada berkaitan dengan soal, soal ajaran sesat, 25 ajaran sesat ini bukan baru sejak daripada dulu telah diwartakan sebagai ajaran sesat bahkan yang sedang dalam pemantauan dan sedang dalam pewartaan pun masih ada. Cuma, kita ucapkan terima kasih melalui Jabatan Agama Islam Selangor sekarang ni telah ada..telah rancak program yang disebut *Program Istitaubah* yang mana kita telah melakukan *enforcement* yang akhirnya melalui beberapa perbincangan kita dengan golongan-golongan yang senampaknya hampir, nampaknya telah berlaku suatu kesesatan, kembali ke pangkal jalan dan mereka melakukan *Program Istitaubah* ataupun bertaubat. Yang terakhir, untuk pengetahuan tuan-tuan sekalian ialah *Istitaubah* yang dilakukan terhadap Khatijah Am, ataupun *Ummu Jah* yang mereka akan menjalani 500 jam sesi pemulihan akidah yang dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor sendiri dan *Alhamdulillah* dalam 2013 hingga 2017 pihak Jabatan Agama Islam sendiri telah melakukan satu pelan tindakan menyediakan pelan tindakan strategik selama daripada 2013 hingga 2017 tentang pendekatan kita, bagaimana nak menangani masalah-masalah sebagaimana yang disebut oleh Sungai Burong. Jadi, sekian sahaja, saya ucapkan..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Minta tambah...tambah sekejap. Pencerahan sikit.

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan



**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tak ada, nampaknya tak ada maklum balas daripada segi permintaan Sekolah Taman, Sekolah Rendah Agama di Sekinchan, Taman Harmoni ya, tak ada *respond* daripada Yang Berhormat EXCO.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI :** (Ketawa) Ok, terima kasih sebab sebenarnya dah disebut sedikit oleh EXCO Pendidikan cuma saya nak *respond* berkaitan dengan sekolah-sekolah ni, bukan saja Taman Harmoni saja, juga Sri Andalas menyebut termasuk Sri Serdang menyebut tentang sekolah-sekolah, keperluan ini, dan memang kita akan, saya juga akan minta satu pasukan untuk melihat tentang sekolah-sekolah dari sudut keperluan untuk kita baik pulih. Keperluan dari segi baik pulih sebab ia akan terutama sekali yang melibatkan soal keselamatan kepada pelajar-pelajar dan begitu juga soal limpahan pelajar. Sekolah tidak dapat menampung jumlah pelajar yang sedia ada. Yang ni, akan kita pantau dan begitu juga kawasan-kawasan baru untuk diwujudkan keperluan mendesak untuk diwujudkan di sekolah. Cuma yang saya nak sebut sedikit bagi Hulu Kelang berkaitan dengan sekolah yang dikatakan tapak yang disebutkan itu memang telah diwartakan untuk Sekolah Rendah Agama cuma ia akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia yang ke-11, *Insya-Allah*. Jadi, itu yang, jadi untuk Sekolah Taman Harmoni, Sekinchan ya, *Insya-Allah* kita akan lihat dan kalau ia termasuk dalam kumpulan yang mendesak tadi, kita akan cuba bantu *Insya-Allah*.

**TUAN SPEAKER :** Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** *Bismillahirrahmanirrahim*. Puan Speaker, untuk meringankan minda dah terlalu mendengar, saya mula pula dengan pantun (Ahli dewan ketawa)

*Sudah puas menanam padi,  
Nanas dan jagung ditanam orang,  
Sudah puas menanam budi,  
Emas dan ringgit hanya dipandang orang.*

Jadi, saya nak ingatkan bahawa pada tahun hadapan perancangan kita ialah membelanjakan RM2.28 ribu juta daripada angka tersebut, RM1.225 bilion digunakan untuk Perbelanjaan Mengurus dan RM1055 bilion untuk Perbelanjaan Pembangunan. Jadi, dan..saya berterima kasih kerana lebih daripada 60 % telah terlibat dalam kedua-dua perbincangan. Lebih daripada 33 Adun menyertai perbincangan mengenai pembangunan. Jadi, terima kasih banyak-banyak. Tapi yang penting saya dapati banyak perkara yang belum kita dapat jawab dan selesaikan. Salah satu perkara utama, yang dibangkitkan ialah masalah penebatan banjir dan juga terbabit dalam perkara tersebut ialah mengenai peranan Jabatan Pengairan dan Saliran maknanya JPS. Jadi, oleh sebab itu adalah menjadi objektif, saya ingat saya dan EXCO untuk

cuba menyelesaikan perkara ini. Satu perkara yang jelas bahawa kita hanya memberikan tugas tapi tidak memantau warga kerja tersebut secara dekat. Jadi, oleh sebab itu, terdapat terlalu banyak *instruction* atau perintah tapi akhirnya, kita dapati tidak selesai kerja tersebut kerana kerja-kerja tersebut terdapat masalah-masalah sama ada dalaman ataupun masalah perhubungan yang belum dapat diselesaikan. Oleh sebab itu, saya bercadang untuk *priority* yang pertama, untuk mengkaji carta organisasi JPS. Sama ada dia mempunyai guna tenaga yang cukup dan cekap dan berkebolehan untuk melaksanakannya. Tidak guna kita memperuntukkan beratus juga kalau pelaksanaan tersebut masih tidak dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Dan pengalaman saya untuk parit dan jalan dia terpaksa dilakukan sebagai satu usaha yang sama tapi oleh sebab ada dua atau tiga jabatan yang terlibat, Jabatan Parit, Jabatan Kerja Raya kemudian PBT, tiga yang mempunyai siap parit, jalan tak siap dan pelan pun tak ada. Jadi, ketiga-tiga ni, jadi oleh sebab itu saya rasa untuk tahun hadapan kita adakan satu tumpuan, setiap pelaksanaan itu kita mahukan kesemua jabatan itu bersama. Ini dilakukan. Itu sebab pemaju, apabila dia melakukan satu projek itu dia mengambil kira kesemuanya, bukan dia buat parit lepas tu kemudian buat jalan kemudian buat tanam pokok, apa..seterusnya. Tetapi kena dilakukan dengan semua, dengan sekali. Jadi perkara yang jelas, sama ada warga kerja kita mempunyai *multiskill* dalam hal ini. Jadi untuk menyelesaikan perkara ini saya bercadang untuk memperkenalkan seorang yang saya tengah pilih, yang mempunyai pengalaman yang boleh membuat semua perkara, parit pun dia tahu nak buat, jalan pun dia tahu nak buat dan perancangan pun dia tahu nak buat. Jadi kalau itu dia boleh pergi bersama-sama dengan ketiga-tiga jabatan itu dan cuba menyelesaikannya. Kalau tidak, kita hanya bercakap lepas tu, rasa tak puas hati, juga kita marah dan yang hasilnya tidak apa tapi hanya *high blood pressure* saja. Tidak ada apa. Jadi tiada apa. Jadi saya percaya seri Andalas mungkin berminat dalam usaha ini jadi kita akan cuba aturkan dalam bulan pertama dan kedua supaya kita buat kajian keperluan dan bawa pelaksana bersama-sama dalam projek ini. Kedua kita mesti menerima hakikat bahawa kalau kita mahukan ketua Jabatan bekerja kita juga tidak boleh meminta mereka menjadi apa yang dipanggil *Social Leader*. Maknanya setiap kali ada perjumpaan, kita panggil mereka. Jadi kerja mereka tidak dibuat tapi mereka terpaksa datang untuk perasmian, datang untuk pembukaan, datang untuk bermesyuarat, lebih daripada 50 orang dia datang. Taka dapat tak catat nama. Jadi kalau begitu kita buat, maknanya dia tidak tumpu kepada kerja. Jadi saya harap *culture*, budaya kita yang akan datang mesti menerima mereka ini lebih dipentingkan di tempat kerja daripada dipentingkan di tempat keramaian. Jadi saya ingat itu perlu kita perhatikan. Jadi kalau begitu berlaku, jadi lebih senang kita boleh membenarkan mereka ini membuat tumpuan. Dan kalau itu berlaku jika peruntukan kita tidak cukup untuk melaksanakan usaha mengatasi masalah banjir itu, kita boleh bantangan di dewan ini untuk menambahkan peruntukan dari *reserve* untuk menyelesaikan perkara ini. Saya tidak hendak berhadapan dengan

dewan, hanya meletakkan dana tapi tidak ada program yang terperinci untuk pelaksanaannya dan memberi tahu kita mempunyai guna tenaga atau warga kerja yang cukup dan berkebolehan untuk pelaksanaan tersebut sebab lepas lima tahun kita berpengalaman, kita dapati jawapan kita ialah kita apa yang dipanggil ialah, s... .. *the issue*. Maknanya oo...JPS belum dapat selesai, JPS pula PBT tak betul. PBT pula JKR, jadi lama-lama kita, ada mesyuarat MTES. Habis kopi, penyelesaiannya tak ada. Jadi itu sebab kita kena cuba atasi perkara tersebut. Saya tak tahu apa yang nak kita lakukan tetapi itu yang saya rasa sangat penting daripada saya menghayati perbincangan daripada saudara-saudari, iaitu ahli-ahli dewan dan saya dapati perasaan untuk penyelesaian itu masih belum nampak lagi. Kedua saya nak ingatkan tentang tanggungjawab kita untuk menentukan dana-dana ini digunakan dengan terbaik dan satu daripada program yang kita ingin kemukakan ialah pembangunan desa. Kita berharap akan memberikan impak kepada peningkatan pendapatan. Bukan pemberian harta. Tetapi peningkatan pendapatan. Buat masa ini kita masih dalam program untuk mengenal pasti dan ini satu pembaharuan juga sebab kita dari segi tujuannya ialah banyak usaha pembangunan luar bandar sudah dilakukan dan beratus-ratus juta telah disalurkan oleh negeri dan Kerajaan Persekutuan tapi hasilnya kita dapat tunjukkan pendapatan berkapita atau ahli-ahli dalam keluarga petani dan nelayan dalam masyarakat bandar, luar bandar dan pinggiran bandar, tidak melihatkan hasil peningkatan yang menyebabkan mereka sudah terlepas dari kepompong kemiskinan. Jadi ada perkara yang tidak betul dari segi pelaksanaan. Jadi oleh sebab itu kita mula memikirkan dan menumpukan bagaimana pelaksanaan itu diperbaiki. Jadi maknanya kita mesti mempunyai rancangan yang dipanggil 'holistik sistem ataupun total sistem dan buat itu mungkin satu masa dalam bulan, hujung bulan Januari atau pun awal bulan Februari, kita ingin menjemput dewan, ahli-ahli dewan untuk mendengar taklimat bagaimana pelaksanaan itu dilakukan oleh syarikat yang menjalankan kerja-kerja ini yang dikatakan antara syarikat yang terbaik dalam kiraan antarabangsa dan produk-produknya dikenali oleh lebih begitu ramai masyarakat kerana penjualannya lebih daripada 90 billion euro satu tahun. Syarikat itu semua orang kena iaitu syarikat Nestle. Jadi dia telah bersetuju untuk bekerja menjadikan Selangor as a case study, untuk pembangunan ini. Jadi kita ada kawasan, kita ada dana dan kita sekarang tengah menaikkan semangat Ketua-ketua Kampung dan saya takut nanti selepas latihan oleh Dr. Halimah mengenai EGO, jadikan nanti, nanti apa jadi pulak pada Ketua Kampung kita. Jadi itu tak hanya bergurau. Saya takut terlalu banyak kita latih esok, tak reti dia orang buat kerja. Jadi *is more on that*. Jadi itu perkaranya. Lagi satu perkara yang saya lihat Jabatan Agama Islam menghadapi masalah permintaan pendidikan, lebih besar daripada upaya dari Jabatan Agama Islam boleh lakukan. Jadi oleh sebab itu kita tidak boleh berjanji besar sebab walaupun kita sudah belanja hampir RM300 lebih juta, tapi permintaan sangat besar dan untuk mendirikan sekolah dan bukan belanja, bukan satu juta, bukan sepuluh juta jadi oleh sebab itulah saya berharap ADUN cuba

berkongsi tentang bagaimana kita membuat pilihan yang terbaik saja sebab kita tidak boleh dapat menyelesaikan perkara ini. Sebab pembangunan memang ada tetapi kita tidak mempunyai dana yang untuk hanya tumpuan kepada perkara tersebut sebab tumpuan-tumpuan yang lain perlu juga kita lakukan dan saya juga ingin memberikan maklumat tentang program perbelanjaan yang RM70 juta tapi dia dalam perbelanjaan tapi program ini termasuk juga dalam pembangunan. Kita akan memperuntukkan RM10 juta dan untuk projek pembedanaan UNISEL. Jadi RM17 juta lah kita peruntukkan untuk bayaran hostel tapi kita tambah RM10 juta untuk projek pembedanaan dan kita juga untuk JAIS meningkatkan pengambilan guru kontrak dan kita peruntukkan tambahan daripada apa yang kita buat ini sebanyak RM13 juta. Kita juga buat peruntukkan bantuan pinjaman perumahan Rimba Jaya iaitu ramai yang nak dapat membeli rumah atau pun *apartment* tapi tidak boleh pinjam bank. Jadi kita peruntukkan sebanyak RM10 juta dan kita juga peruntukkan RM9 juta untuk Jabatan Kebajikan. Ini kita tidak beritahu tapi saya beritahu sekarang. Jadi kalau *in case* jadi lambat satu pelajaran yang kita dapati ialah kadang-kadang duit daripada Kerajaan Persekutuan lambat. Itu yang diceritakan sampai dua bulan lepas itu tidak dapat dan sebagainya. Sekarang kita dah simpan RM9 juta tapi kalau dia bayar, tidak payahlah kita gunakan duit ini. Jadi itulah sahaja serba sedikit, saya tidak mahu mengambil masa panjang sebab lebih baik kita tidak banyak bercakap dan tumpuan kepada kerja. Jadi Tuan Speaker, saya ingin membentangkan semula perbelanjaan pembangunan untuk Belanjawan 2014.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi bahawa menurut Seksyen 9, subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukkan sebanyak RM624,919,790.00 yang dinyatakan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2014, yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut Seksyen 4(1) akta yang sama, seperti mana terdapat di jadual hendaklah diluluskan. Jadual. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2014. Maksud P.01 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan RM309,419,660.00. P.04 – Perbendaharaan Negeri (Projek Am) RM4,000,000.00. P.05 – Perbendaharaan Negeri (Pengkomputeran) RM1,000,000.00. P.08 – Jabatan Pertanian RM10,000,000.00. P.10 – Jabatan Perhutanan RM5,000,000.00. P.12 – Jabatan Kerja Raya RM121,000,000.00. P.13 – Jabatan Pengairan dan Saliran RM45,000,000.00. P.14 – Jabatan Agama Islam Selangor RM120,000,000.00. P.16 – Jabatan Perancang Bandar dan Desa RM2,500,000.00. P.17 – Jabatan Veterinar RM7,000,000.00. P.27 – Jabatan Kehakiman Syariah RM130.00. Jumlah RM624,919,790.00. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, usul No.16 Tahun 2013, usul Cadangan Pindaan Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon untuk membawa suatu usul seperti berikut:-

Bahawasanya menurut perenggan (4) Peraturan Tetap 69 bagi Dewan Negeri Selangor membuat ketetapan meminda Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor seperti draf cadangan di Kertas Mesyuarat Bilangan 14 Tahun 2013.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Menurut Perenggan (4) Peraturan Tetap 69, usul ini tidak perlu dibahaskan lagi dan dikemukakan masalah ini kepada mesyuarat untuk keputusan sehingga Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap Dewan menyediakan penyata berhubung cadangan pindaan tersebut kepada Dewan. Oleh itu usul ini diserahkan kepada Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap Dewan untuk dikaji dan dibincangkan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi:-

Bahawasanya menurut perenggan (4) Peraturan Tetap 69 bagi Dewan Negeri Selangor membuat ketetapan meminda Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor seperti draf cadangan di Kertas Mesyuarat Bilangan 14 Tahun 2013.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

Maka dengan ini saya tangguhkan Dewan ke hari Isnin, 2 hari bulan Disember jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**[ Dewan ditangguhkan jam 5.10 petang ]**